

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KESEBELAS
PENGAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 1	Selasa	14 Mac 2006
---------------	---------------	--------------------

K A N D U N G A N

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

- | | |
|--|-------------|
| - Titah Ucapan Seri paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong | (Halaman 1) |
| - Memperkenankan Akta-akta | (Halaman 1) |
| - Perutusan Daripada Dewan Negara | (Halaman 2) |

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 3)

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M 18(1):

- | | |
|---|--------------|
| <ul style="list-style-type: none"> ▪ Penyiaran Karikatur Menghina Nabi Muhammad SAW
<i>Y.B Tuan Haji Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian)</i> | (Halaman 26) |
|---|--------------|

USUL-USUL:

Jalan-jalan Masuk Ke Parlimen	(Halaman 28)
-------------------------------	--------------

Aturan Dalam jawatankuasa Pilihan – Mengadakan Mesyuarat Pada Masa Majlis Bersidang	(Halaman 28)
---	--------------

Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong - <i>Y.B. Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah)</i>	(Halaman 30)
---	--------------

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 14 Mac 2006

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya memaklumkan kepada Majlis ini, iaitu pada 13 Mac 2006, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan menyampaikan Titah Ucapan Diraja dalam Parlimen. Saya telah menerima salinan titah ucapan Seri Paduka Baginda itu dan seterusnya sekarang saya mengarahkan supaya salinan Titah Ucapan itu dibentangkan di atas meja mesyuarat dan seterusnya dicetak dalam Penyata Rasmi.

[Teks Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dilampirkan]

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini, iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan Akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Mesyuarat Penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan (Pindaan) 2005;
2. Akta Bank Islam (Pindaan) 2005;
3. Akta Pinjaman (Tempatan) (Pindaan) 2005;
4. Akta Perbekalan Tambahan (2005) 2005;
5. Akta Saraan Hakim (Pindaan) 2005;
6. Akta Perbekalan 2006;

7. Akta Perlembagaan (Pindaan) (No.2) 2005;
8. Akta Timbang Tara 2005;
9. Akta Warisan Kebangsaan 2005;
10. Akta Kewangan 2005;
11. Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2006 dan
12. Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2006.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu pada rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam Sidang Parlimen penggal yang lalu.

Saya menjemput Setiausaha membaca perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

“22 Disember 2005

Perutusan Daripada Dewan Negara Kepada Dewan Rakyat

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat

Dewan Negara telah meluluskan rang undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. (D.R. 19/2005) Rang Undang-undang Bank dan Institusi-institusi Kewangan (Pindaan) 2005;
2. (D.R. 18/2005) Rang Undang-undang Bank Islam (Pindaan) 2005;
3. (D.R. 20/2005) Rang Undang-undang Pinjaman (Tempatan) (Pindaan) 2005;

4. (D.R. 21/2005) Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2005) 2005;
5. (D.R. 25/2005) Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) 2005;
6. (D.R 23/2005) Rang Undang-undang Perbekalan 2006;
7. (D.R. 24/2005) Rang Undang-undang Perbekalan (Pindaan) (No. 2) 2005;
8. (D.R. 30/2005) Rang Undang-undang Timbang Tara 2005;
9. (D.R 29/2005) Rang Undang-undang Warisan Kebangsaan 2005;
10. (D.R 27/2005) Rang Undang-undang Kewangan 2005;
11. (D.R. 31/2005) Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2005 dan
12. (D.R. 22/2005) Rang Undang-undang, Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005.

Yang ikhlas,

t.t

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA”

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah banyak melafaz kata-kata hikmat pengurusan bestari seperti “*human capital*”, “*walk the talks*”, “*think outside the box*” dan lain-lain. Sejauh mana pegawai-pegawai kerajaan memahami perkataan ini sebagai konsep; dan
- (b) Memandangkan hikmah yang telah tersirat dalam konsep pengurusan bestari di atas memerlukan perubahan paradigma, ketegasan dan “*political will*” dari itu sejauh mana kerajaan berkemampuan melaksanakannya.

Perdana Menteri [Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi]: Tuan Yang di-Pertua, diucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat mengemukakan soalan ini. Sebenarnya perkara-perkara yang disebutkan oleh beliau dalam soalan ini telah pun dimulakan pelaksanaannya, memang mengambil masa untuk hendak mencapai niat dan tujuan keseluruhannya kerana ia sebenarnya melibatkan perubahan minda, melibatkan perubahan sikap dan adanya juga yang melibatkan perubahan kepada peraturan-peraturan yang perlu dilaksanakan. Jadi bukan sahajalah yang berkaitan dengan "*human capital*", "*walk the talks*", "*think outside the box*" tetapi idea-idea yang lain untuk menambah baik lagi, penambahbaikan ataupun *value adding* kepada perkhidmatan, *improvement of the public service delivery system*. Ertinya untuk menambahbaikkan lagi sistem khidmat awam yang diberikan oleh pihak sektor awam. Itu pun semuanya telah pun dimasukkan dalam kurikulum pusat-pusat latihan yang ada di seluruh negara di bawah kerajaan dan Institut Integriti Negara yang telah diwujudkan juga mengambil peranan untuk menyemai nilai-nilai ini di samping juga menekankan betapa pentingnya apa yang tidak baik, amalan tidak baik seperti rasuah iaitu mesti dihapuskan.

Jadi dengan usaha-usaha yang dijalankan ini, telah jelas dari perbincangan-perbincangan dalam mesyuarat-mesyuarat yang diadakan, di mana pihak pegawai yang terlibat, memanglah perkara ini ataupun tajuk-tajuk sebegini sentiasa disebut-sebutkan. Satu perkara yang besar ialah yang berkaitan dengan *human capital* iaitu pembangunan tenaga insan yang saya fikir adalah amat-amat penting. Dulu-dulu kita hanya cakap hal yang berkaitan dengan pembangunan tenaga kerja. Kita bercakap fasal *man power development*. Sekarang kita tekankan tentang *human capital* kerana kita ingin melihat manusia itu adalah modal yang terpenting sekali. Kalau dahulu disebut *entrepreneurship* dalam empat faktor yang berkaitan dengan bank ekonomi, *land, labour capital entrepreneurship*.

Tetapi kita menekankan dalam ini ialah yang berkaitan dengan *human capital*. Tetapi bukan sekadar untuk memberi ilmu pengetahuan dan untuk memberi kemahiran, bukan setakat itu sahaja. Yang perlu ialah juga menyemaikan nilai-nilai moral, nilai-nilai integriti kerana kalau tidak disokong dengan pendidikan yang ada hubung kait dengan mengukuhkan lagi kewibawaan dan juga memastikan pegawai-pegawai kita nanti, boleh dikatakan semualah rakyat Malaysia juga berwibawa, maka kita mungkin tidak mencapai kejayaan yang diharapkan, kerana pandai, cerdik sahaja, *skill* sahaja tidak bermakna ia tidak boleh jadi penipu. Orang pandai pun biasa jadi penipu, biasa jadi pencuri. Itu

yang kita tidak mahu. Yang kita mahu ialah pandai, ada ilmu, ada kemahiran dan tinggi wibawa kerana moral integritinya juga tinggi.

Mudah-mudahan kita akan dapat mencapai kejayaan ini kerana ini adalah sangat-sangat penting untuk meningkatkan lagi usaha-usaha yang lebih gigih ke arah mencapai Wawasan 2020 nanti kerana hendak mencapai matlamat itu, ia memerlukan bukan hanya kekuatan minda yang dibekalkan dengan ilmu pengetahuan tetapi ia juga memerlukan kekuatan fizikal dan kekuatan rohani, pun tidak kita tidak mungkin mencapai taraf negara maju nanti. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apabila Amerika menghadapi Taufan Katrina dan Kerajaan Amerika di peringkat pusat, daerah dan negeri gagal menanganinya. Jawapan kepada persoalan yang dibangkitkan oleh semua masyarakat ialah oleh kerana kegagalan prosedur yang bermula pada 1880 hingga ke 1995, yang dianggapkan *good to settle the problem of the 21st*. Tetapi *it is not good enough* dengan izin, *after 21st century information age*.

Jadi dalam keadaan yang sama, apa yang dikata oleh 'Genwage' di Speaker Kongres Amerika yang *disupport* oleh 'Peter Drakker' dan 'John Korta' ini memang benar masalah pengurusan kerajaan yang dibendung oleh peraturan-peraturan kerajaan itu sendiri dan juga hak undang-undangnya. Jadi ini dikatakan Bill Gates sebagai *mind in the box, box mind*. Jadi kita bercakap soalan *think outside the box and human capital.....*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, simpulkan dengan soalan.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya akan sampai ke situ Tuan Yang di-Pertua. Jadi persoalan, saya ringkaskan sahaja, soalan kita punya pengurusan *human capital*. *Human capital* diurus menerusi satu universiti iaitu institusi pendidikan. Adakah kita telah memodenkan pandangan? Adakah kita ubah daripada *examination oriented* kepada *creativity* dan *innovative orientation*?

Yang kedua soalan *think outside the box* ini. Adakah PAC kita, saya melihat apabila seorang ahli dilantik, dia duduk di PAC untuk *merecruiting human resource* untuk kerajaan, orang-orang yang dilantik ialah daripada DG, KSU, orang sudah berkhidmat 35 tahun. *How can they think outside the box when their mind has already boxed all this while? We should be taking somebody....*

Tuan Yang di-Pertua: Baik, baik.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: *from outside the box.....*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:pendidik pandai berkata, *if you want to think outside the box, you must be from outside the box, not inside the box.*

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih. Soalannya itu Yang Amat Berhormat. Terima kasih.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, tadi telah saya bayangkan bahawasanya apa yang kita usahakan ini memerlukan juga pindaan kepada peraturan-peraturan - perubahan kepada aturan, kerana kalau kita menggesa supaya kita berfikir secara yang lebih dinamik lagi tetapi masih dibelenggu dengan peraturan-peraturan *General Orders* dan sebagainya, maka tentulah nanti orang yang berkenaan, yang lebih kreatif dan inovatif itu tidak dapat menjalankan sesuatu kerana tersekat atau terhalang disebabkan peraturan-peraturan yang sudah dipakai. Maka dengan itu peraturan-peraturan ini yang dalam kajian supaya nanti peraturan, undang-undang dan apa juga mesti selari dengan tindakan yang kita ambil, supaya kita mengubah fikiran dan sikap pegawai-pegawai kita. Itulah yang mengambil masa juga untuk kita mencapai matlamat itu.

Berkaitan dengan kurikulum, memang dalam perbincangan pada peringkat Kabinet. Berhubung dengan pembangunan '*human capital*' ataupun modal insan itu, di universiti-universiti dan juga sekolah-sekolah mesti berusaha ke arah itu dan apa juga didikan yang diberikan juga diasaskan kepada pembentukan insan yang benar-benar berupaya mencapai kejayaan yang cemerlang.

Di samping itu pendidikan daripada segi *civic consciousness*, daripada segi menyemai nilai-nilai moral yang baik itu juga diteruskan. Maka dengan sebab itu dijadikan juga sebagai satu kewajipan bagi pelajar-pelajar untuk mengambil kegiatan-kegiatan ko-kurikulum yang melalui kegiatan-kegiatan ini ada nanti nilai-nilai kebaikan yang disemaikan melaluinya selain daripada hanya masa di dalam bilik darjah itu hendak belajar, tetapi di luar juga akan ada didikan termasuk juga dengan kegiatan sukan yang juga dikenakan sebagai satu syarat yang mesti pelajar-pelajar ikuti.

Tuan Yang di-Pertua: Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Amat Berhormat memberitahu kenapa sungguhpun Yang Amat Berhormat ada melafazkan banyak *inspiration of words*, semacam *walk the talks* dan membasmikan *first world infrastructure*, *third world mentality* dan lain-lain, nampaknya tidak kurang *political will* sehingga tidak banyak perubahan. Ada tempat-tempat sebenarnya pun ada kemunduran, sehingga baru-baru ini di sebuah negeri yang mendakwa bahawa pertama yang maju adalah banjir yang besar di ibu kota, yang beribu-ribu isi rumah yang terlibat, berjuta-juta ringgit [*Dewan riuh seketika*] kerosakan sehingga ada paip-paip air yang busuk. Bukankah ini menunjukkan *paradigm shift* tidak sampai seluas-luas yang perlu, tidak ada *political will*, MRR2 pun retak. Kenapa masalah ini sampai boleh berlaku?

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Bahawi: Bila kita hendak membuat perubahan, kita bukan hanya pandang ke hadapan sahaja. Ada banyak lagi perkara yang di belakang yang kita perlu juga tengok kerana pembetulan-pembetulan mesti dilakukan. Saya tidak kata tidak ada masalah tetapi masalah-masalah yang lahir itu kadang-kadang bukanlah satu masalah yang tiba-tiba lahir, tiba-tiba wujud. Kalau kena taufan mungkinlah masalah itu tiba-tiba wujud. Tetapi kalau paip itu sudah pecah, berkarat dan lama ini mungkin kerana puluhan tahun dahulu mungkin ia tidak dirawati sebagaimana yang diperlukan, maka hari ini kita nampak jelas masalah-masalah itu timbul.

Soalnya sekarang ialah kalau masalah itu timbul, kita hendak beri perhatian atau tidak. Kalau kita tidak beri perhatian, itu salah kita. Tetapi kalau tahu itu sudah menjadi satu kesalahan, maka kita perlu mengambil tindakan beri perhatian untuk memperbaiki dan memperbetulkannya. Itu yang mesti kita lakukan. Jika sekiranya ada beberapa kekurangan dalam apa yang kita telah usahakan selama ini oleh kerajaan kita, maka yang kurang itu mesti ditokok tambah sekarang ini.

Jadi maknanya kalau ada kelemahan kita juga mesti meneguhkannya. Ini bermakna kita tidak hanya memandang terus ke hadapan tetapi apa yang berlaku kita tidak ambil dan beri perhatian langsung. Bagi saya itu bukanlah kena caranya kerana kita mengekalkan yang sudah rosak, yang tidak elok, yang serba kekurangan kerana hendak mencapai sesuatu yang lain. Jadi, akan orang melihat nanti keseluruhan usaha kita membangunkan negara daripada dahulu hingga sekarang ini nanti ada pula

kepincangan ataupun ada juga kerja-kerja yang tidak selesai dan tidak sudah yang dibiarkan begitu sahaja. Ini pun akan menimbulkan kemarahan rakyat juga.

Jadi, *effort* kita ini sebenarnya adalah yang menyeluruh dan bukan tidak ada komitmen daripada kerajaan untuk melaksanakannya. Saya akui memang susah hendak mencapainya. Lebih mudah kita bercakap, lebih mudah orang komen tetapi yang hendak membuat kerja akan mengambil masa tetapi komitmen kita akan tetap teguh untuk menjayakannya. Terima kasih.

2. **Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]** minta Menteri kebudayaan, Kesenian dan Warisan menyatakan langkah-langkah yang telah diusahakan untuk memastikan semua warisan seni budaya yang melambangkan identiti Melayu yang menjadi teras budaya nasional terus kekal berkembang dan subur di negara ini terutama seperti tulisan jawi dan penggunaannya.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab soalan ini bersekali dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat bagi Tumpat bertarikh 29 Mac dan Ahli Yang Berhormat bagi Parit Buntar bertarikh 3 Mei kerana soalan-soalan mereka mempunyai persamaan iaitu menyentuh mengenai langkah-langkah untuk mengekal dan menyemarakkan penggunaan tulisan jawi.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana halnya dengan warisan pelbagai kaum di Malaysia, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan akan terus mengambil langkah-langkah positif untuk memastikan semua warisan seni budaya yang melambangkan warisan Melayu yang menjadi teras budaya nasional supaya terus kekal berkembang.

Antara langkah-langkah yang sedang dan akan dilaksanakan oleh kementerian adalah meliputi:

- (i) pelaksanaan Akta Warisan yang telah berkuat kuasa pada 1 Mac 2006;
- (ii) membangunkan warisan bagi merekod dan memelihara bahasa, adat resam, nilai norma, muzik, persuratan, permainan tradisional dan semua aspek kesenian dan budaya yang berbentuk ketara dan tidak ketara, dengan izin *tangible and intangible*. Sebagai

contoh, Makyung telah disenaraikan sebagai senarai warisan dunia;

- (iii) menggiatkan usaha penyelidikan, pendokumentasian dan penerbitan bahan-bahan warisan dan melaksanakan pengembangan kepada semua lapisan masyarakat melalui penganjuran acara, bimbingan dan latihan;
- (iv) perancangan dan pelaksanaan aktiviti seperti Pemuliharaan Kesenian Setempat, Program Bimbingan Seni, Program Merakyatkan Seni, Laman Seni, Kempen Budi Bahasa, Minggu Warisan, Minggu Kraf dan Kempen Membaca.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan atau pendeknya KeKKWa, sedar betapa pentingnya tulisan jawi sebagai warisan budaya yang perlu dipelihara. Langkah-langkah yang telah dan akan diambil adalah seperti berikut:

- (i) melaksanakan program pembangunan dan pembudayaan tulisan jawi secara bersepadu dengan institusi-institusi pengajian tinggi seperti Kolej Universiti Teknologi & Pengurusan Malaysia (KUTPM) untuk membangunkan sistem aplikasi dan perisian multimedia berasaskan jawi;
- (ii) bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran bagi memperkasa semula penggunaan tulisan jawi;
- (iii) meningkatkan penggunaan tulisan jawi melalui pemupukan minat masyarakat terhadap tulisan jawi sendiri termasuk pertandingan skrip jawi serta khat, membudayakan tulisan jawi dan memantapkan penggunaan tulisan jawi sendiri; akhirnya
- (iv) menerbitkan penerbitan-penerbitan tertentu dalam tulisan jawi yang menyajikan berita, rencana dan bahan-bahan menarik supaya khalayak pembaca skrip jawi bertambah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini, KeKKWa dan Kementerian Pelajaran sedang bertindak bersama membantu supaya Utusan Melayu dapat diterbitkan semula selepas ia terpaksa dihentikan oleh syarikat berkenaan akibat masalah edaran dan faktor-faktor ekonomi.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang menyeluruh. Kita bercakap soal warisan. Saya ada satu *quotation* daripada seorang ulama tersohor negara ini iaitu daripada Sheikh Abdullah Fahim yang mengatakan bahawa “*Kalau orang Melayu beragama Islam mengkhianati bangsa, negara dan agama, Allah akan gantikan bangsa lain yang beragama Islam untuk menjaga tanah air kita*”. Saya petik daripada buku *Rentetan Perjuangan Bangsa*.

Bagi saya warisan adalah sebenarnya bukan artifak dan bukan pengumpulan bahan sahaja, yang lebih penting warisan ini adalah sejarah perjuangan bangsa itu sendiri. Maka soalan tambahan saya ialah, apakah kementerian tidak memasukkan dalam perancangan kementerian untuk mengisahkan semula sejarah perjuangan bangsa seperti sejarah perjuangan Tok Naning di Negeri Sembilan, Rosli Dobi di Sarawak, Tok Janggut di Kelantan, Mat Kilau di Pahang dan sebagainya.

Pada pandangan saya, sejarah perjuangan - rentetan perjuangan bangsa ini sebenarnya sudah mula dilupakan. Anak muda pada hari ini sudah tidak tahu asal usul bagaimana bangsa-bangsa yang ada di negara ini, Melayu, Cina dan India bersama untuk mencapai kemerdekaan....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sudah cukup.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:maka warisan sebenarnya ialah rentetan perjuangan bangsa yang tertinggal dalam rancangan kementerian. Saya mohon penjelasan. Terima kasih.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih diucapkan di atas pandangan yang *philosophic* dan meluas itu. Juga ada dalam peringatan bangsa iaitu yang menyatakan bahawa;

Membilang dari satu

Bertanya khabar dengan salam

Kalau dilipat sekecil kuku

Kalau di bentang seluas alam

Ertinya, bukan sahaja yang Yang Berhormat sebutkan itu menjadi sebahagian daripada perjuangan kami di KeKKWa tetapi malah telah pun dilaksanakan penulisan-penulisan berkaitan dengan perjuangan silam. Antaranya ialah perjuangan menerusi nasionalisme Malaysia yang di dalamnya terkandung pelbagai aspek perjuangan bangsa kita. Harap bersabar dan kita akan dapat zahirkan penulisan-penulisan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sedikit tambahan lagi mengenai konsep warisan. Tadi saya sebut ada aspek *tangible* yang boleh dilihat tetapi yang *intangible* itulah yang berkaitan dengan sebahagian daripada perjuangan yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita iaitu membina modal insan. Apabila modal insan itu sejurus dengan perjuangan yang baik dan kekal, maka ia boleh menjadi warisan kita. Lantaran itu, kita akan meneruskan garis-garis panduan yang telah diberi dan pandangan Yang Berhormat itu tentu sekali menjadi intim kepada perjuangan kami di kementerian.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, apakah bentuk kerjasama ataupun kolaborasi pihak kementerian Yang Berhormat Menteri dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam memastikan dasar-dasar kementerian dilaksanakan di peringkat akar umbi. Terima kasih.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas soalan itu. Walaupun tidak disebutkan aspek yang menjadi musykil agaknya, mungkin yang telah timbul dalam pemikiran Ahli Yang Berhormat ialah bentuk-bentuk kerjasama. Bentuk-bentuk dan lunas-lunas kerjasama ini banyak, antaranya ialah menentukan supaya pelan-pelan arkitek, pelan-pelan pembangunan di bandar dapat menyusul dengan kehendak-kehendak tempatan dan bangunan-bangunan sejarah yang hendak dibina ataupun bangunan-bangunan penting yang perlu dibina harus menjurus kepada ciri-ciri sejarah dan juga budaya kita.

Kedua ialah berkaitan dengan nama-nama jalan. Di samping itu menentukan tempat-tempat riadah yang mempunyai ciri-ciri budaya misalnya *cultural village* atau kampung budaya.

Di samping itu juga menentukan supaya kebersihan sungai berhampiran pekan, anak air di sisi pekan, bersih dan dalam keadaan yang ceria, boleh memelihara ikan dan dengan itu membudayakan budaya bersih dan sebagainya. Nama-nama jalan juga perlahan-lahan dan secara beransur-ansur kita harus bangga dengan istilah-istilah yang ada di negara kita. Dan kementerian telah pun meminta supaya nama-nama jalan seperti Jalan Satu, Jalan Dua diganti dengan nama-nama bunga, nama-nama pemimpin-pemimpin yang telah berjasa yang telah tiada bersama kita, nama-nama pokok sebagainya. Insya-Allah perjalanan dan kerjasama ini akan disusul terus dan

hasilnya tentulah akan dapat kita lihat menjelang dan semasa kita menjayakan Rancangan Malaysia Kesembilan.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Soalan Yang Berhormat dari Ayer Hitam.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, boleh tambahan soalan satu lagi? Ini bukan soal sekecil sebesar kuku atau selebar alam ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ayer Hitam.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading] Ini penting Tuan Yang di-Pertua. Bagi saya peluang Tuan Yang di-Pertua. Ini soal jawi.

Tuan Yang di-Pertua: Ayer Hitam sila.

3. Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan sejauh manakah pelupusan sisa toksik atau buangan terjadual yang kian menular yang berjaya dikesan oleh JAS dan di manakah kekangan penguatkuasaan yang sedia wujud. Adakah kementerian bersedia meminda undang-undang berkaitan dengan membolehkan langkah berkesan diambil bagi membendung gejala tersebut dan perihalkan pindaan yang dicadangkan.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Seri Azmi bin Khalid]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kes-kes pelupusan sisa toksik atau buangan terjadual berjaya dikesan selama ini adalah melalui kerja-kerja penguatkuasaan dan perisikan yang dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar. Di samping itu beberapa kes juga diketahui melalui maklumat yang diberikan oleh orang ramai dan melalui media. Kekangan yang wujud dalam menjalankan kerja-kerja di atas adalah terutamanya kekurangan tenaga kerja untuk memantau bilangan punca yang banyak dan kawasan liputan yang luas. Kerja-kerja penguatkuasaan dan pemantauan ke atas aktiviti-aktiviti pelupusan, buangan terjadual secara haram menjadi lebih sukar apabila ianya berlaku ada waktu-waktu yang tidak menentu seperti awal pagi, lewat petang ataupun malam.

Berhubung dengan isu ini kementerian bercadang untuk meminda Akta Kualiti Alam Sekitar 1974. Antara pindaan-pindaan tersebut adalah mewujudkan peruntukan tahanan reman bagi mana-mana individu yang disyaki terlibat dalam kes ini dan memasukkan satu peruntukan khusus untuk menggalakkan orang ramai memberikan maklumat mengenai kegiatan-kegiatan haram berkaitan pencemaran alam sekitar.

Kementerian juga sedang menimbang kewajaran untuk membuat pindaan kepada peruntukan undang-undang yang ada agar mereka yang melakukan kesalahan sama ada sebagai kontraktor yang membuang atau pemilik atau kilang yang

menghasilkan bahan toksik ini dikenakan hukuman penjara mandatori. Begitu juga tuan punya tanah yang mengizinkan tapak tanahnya digunakan sebagai tapak simpanan bahan toksik juga dikenakan penjara mandatori.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih. Dato' Seri Menteri, apa yang berlaku di Kampung Gatung dan juga di kawasan saya Yong Peng amatlah mendukacitakan kita kerana itu satu kesengsaraan kepada rakyat jelata. Dan penemuan oleh JAS Johor tentang tapak pelupusan sisa toksik merupakan satu perkara yang memang mendebarkan kita. Apa yang menjadi persoalannya sekarang disebabkan oleh perbuatan keji golongan seperti pengusaha kilang, kontraktor dan tuan punya tanah kita kerajaan kena tampung. Di Kampung Gatung 3.5 juta sementara di Yong Peng tidak tahu berapa juta lagi untuk membersihkan kos itu dan kualiti alam kenakan bayaran yang tinggi. Soalannya, adakah kementerian bersedia untuk mempercepatkan proses untuk meminda peruntukan undang-undang dan mewajibkan yang membolehkan pihak kementerian untuk mengambil tindakan termasuk mengenakan hukuman mandatori bukan sahaja penjara tetapi juga sebat ke atas tiga pihak yang melakukan perbuatan keji. Terima kasih.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, untuk mengenakan hukum kes berkenaan perlu dibawa ke mahkamah. Jadi di sinilah antara sebab-sebab oleh kerana kes-kes yang di bawa ke mahkamah selalunya memakan masa bukan sahaja kes mengenai alam sekitar bahkan banyak kes lain. Jadi pihak mahkamah sedang pada hari ini saya difahamkan memikir bagaimana untuk mempercepatkan kes. Bagi kes yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi saya sendiri telah melawatnya dan mendapati kawasan yang dihantar ataupun disimpan bahan-bahan toksik ini adalah jauh di dalam kawasan-kawasan ladang yang jauh di mana mereka menggunakan traktor dan bermacam-macam jentera, jauh ke dalam yang sukar untuk sesiapa sahaja untuk mengenalinya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Boleh buat pembetulan Dato' Menteri? Dekat dengan tadahan air, dekat *dam* tu yang akan melibatkan 400 nyawa penduduk Batu Pahat. Ini yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ayer Hitam.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sila duduk. Beri peluang Menteri jawab.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Kes di Labis melibatkan 158 keluarga. Jadi soalan Yang Berhormat tadi kita sedang mencari jalan untuk mempercepatkan dan insya-Allah

kalau Parlimen ini bersetuju kita akan mencadangkan pemindaan undang-undang agar mereka yang terlibat dikenakan hukuman penjara mandatori. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Mambong.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, pelupusan sisa-sisa toksik ini memang kerap berlaku kerana kemungkinan Jabatan Alam Sekitar kurang tenaga kerja untuk menguatkuasakan apa yang harus dikuatkuasakan. Perundangan memang mencukupi termasuk Peruntukan 18, Peruntukan 33A dan Peruntukan 34B tetapi persoalannya sekarang ialah kenapakah wang yang digunakan RM35 juta, yang disebutkan oleh Yang Berhormat Ayer Hitam tadi tidak datang daripada *Environmental Fund* yang sepatutnya ada. Semua industri sepatutnya menyumbang kepada *Environmental Fund* agar kerja seperti ini dapat dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah Yang Berhormat. Soalannya?

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih.

Dato' Seri Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, memang saya sebutkan tadi kekangan tenaga kerja yang sudah pun diluluskan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam tetapi dari segi wang yang disebutkan ialah belanja untuk mengeluarkan 7,000 tan sisa toksik di Labis belanjanya ialah RM3.5 juta. Ini yang sewajarnya didenda dan pihak yang terlibat wajar dihukum. Jadi perkara-perkara ini wajar dibawa ke hadapan mahkamah supaya pengadilannya dapat dibuat dengan Saya berharap pihak mahkamah akan mengenakan hukuman yang maksimum kepada mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan Yang Berhormat dari Ipoh Timor.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Boleh pohon soalan tambahan?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak. Ipoh Timor. Sebab perkara yang sama.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Soalan tambahan, soalan tambahan.

4. **Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan status pelaksanaan cadangan-cadangan oleh kedua-dua Suruhanjaya Diraja khususnya terhadap penubuhan sebuah Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC).

Perdana Menteri [Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi]: Tuan Yang di-Pertua, Laporan Suruhanjaya Diraja yang berkenaan telah menggariskan sebanyak

25 cadangan penambahbaikan PDRM dan sehingga kini sebanyak 81 cadangan atau 65% telah dilaksanakan, 19 cadangan atau 15% lagi akan dilaksanakan dalam masa terdekat. Baki sebanyak 25 cadangan atau 25% masih dalam perbincangan dan kajian lanjut yang dibuat oleh 5 Jawatankuasa Kecil yang telah pun ditubuhkan.

Jadi berkaitan dengan cadangan yang termasuk dalam 20% yang belum dilaksanakan itu, ini sebenarnya masih dalam perbincangan dan kajian lanjut kerana melibatkan pindaan-pindaan kepada akta-akta dan peraturan-peraturan seperti undang-undang Pencegahan Kanun Tatacara Jenayah dan Akta Polis 1967. Terdapat juga cadangan yang melibatkan peruntukan kewangan yang besar seperti pembelian peralatan dan kelengkapan moden untuk PDRM, penambahan perjawatan baru dan proses pengawaman (*civilianization*) dalam organisasi PDRM. Oleh sebab itu ia mengambil masa.

Berkaitan dengan Laporan Suruhanjaya yang kedua untuk menyiasat prosedur tetap operasi kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan berhubung dengan pengendalian pemeriksaan tubuh berkenaan dengan penangkapan dan penahanan oleh polis telah menggariskan sebanyak 7 cadangan penambahbaikan. Perbincangan telah pun diadakan di antara Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, PDRM dan juga Jabatan Peguam Negara di mana PDRM telah pun memberikan jaminan bahawa mengarahkan orang tahanan melakukan ketuk ketampi dalam keadaan berbogel diberhentikan serta-merta. Dan PDRM juga telah merangka satu prosedur pemeriksaan tubuh yang lengkap untuk dimasukkan ke dalam Perintah Tetap Ketua Polis Negara sebagai panduan kepada semua pegawai dan anggota PDRM untuk pengetahuan orang ramai. Jabatan Peguam Negara juga akan meminda Kanun Tatacara Jenayah dengan memasukkan prosedur pemeriksaan tubuh sebagai jadual dalam Kanun tersebut untuk diguna pakai oleh semua agensi penguat kuasa undang-undang yang lain.

Tuan Yang di-Pertua: Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tidak silap Yang Amat Berhormat ada sebut bahawa 65% perakuan-perakuan Suruhanjaya Diraja yang pertama sudah dilaksanakan. Betul?

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Betul.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Betul, 65%? Bukankah ini berbeza dengan angka-angka yang diberikan oleh Ketua Polis Negara baru-baru ini bahawa 80% perakuan-perakuan sudah dilaksanakan dan kenapa kerajaan enggan mengumumkan

senarai perakuan-perakuan yang sudah dilaksanakan dan dalam soalan saya, saya ada tanya dengan spesifik mengenai penubuhan IPCMC yang mana Yang Amat Berhormat sendiri dalam Dewan yang mulia ini ada kata bahawa akan ditubuhkan. Tetapi nampaknya ditentang dengan hebat daripada pihak polis dan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri ada kata bahawa adalah '*relentless opposition*' daripada pihak polis. Adakah Yang Amat Berhormat rela sedia untuk memastikan bahawa ada '*relentless demand*'. Oleh kerana ada '*relentless demand*' daripada rakyat untuk penubuhan IPCMC bahawa kerajaan akan *relentless* supaya IPCMC ditubuhkan. Dan akhirnya sudah 10 bulan kenapa sampai sekarang kita tidak dapat satu kenyataan yang spesifik bila IPCMC akan ditubuhkan atau tidak akan ditubuhkan.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya angka 80% itu pihak IGP telah pun mencampurkan 81 cadangan (65%) dengan 19 cadangan (15%) sekali gus sebab mungkin dalam apa yang dibuat pada peringkat PDRM sendiri cadangan-cadangan ini telah mula pelaksanaannya dan telah pun diberi 80%, tidak lari sebenarnya. Yang saya katakan ini cadangan yang telah selesai dan sudah pun dimulakan. Lagi satu sedang dalam permulaan maka diberi satu angka yang 80% tetapi sebenarnya tidak lari. Yang sebenarnya yang belum lagi itu ialah 25% ataupun 25 cadangan ataupun 20% yang masih dalam perbincangan termasuklah juga yang berkaitan dengan IPCMC.

Memanglah itu satu cadangan yang telah pun dikemukakan tetapi dalam melaksanakan itu kita mahu pastikan supaya apa juga perkara-perkara yang kita hadapi pada waktu ini yang datangnya bukan hanya daripada polis tetapi juga daripada orang awam masih memberikan pandangan-pandangan mereka tentang perkara ini. Jadi saya perlu mengambil kira semua itu. Tidak boleh kita menganggap bahawa tidak perlu dipandang dan tidak perlu diambil kira. Mereka pun ada masalah-masalah yang tersendiri. Tetapi yang berkaitan dengan cadangan IPCMC di sebalik itu dan daripada bacaan saya mengenai cadangan yang dikemukakan dalam laporan itu ialah sebab ada laporan-laporan yang dibuat kepada polis tetapi tidak diambil tindakan. Ada aduan-aduan yang dibuat itu pun kurang perhatian. Jadi rakyat rasa tidak senang hati atas perkara ini. Dan aduan-aduan laporan-laporan itu adalah yang berkaitan dengan sesuatu perkara yang telah timbul yang bersabit dengan tata laku ataupun tindakan yang diambil oleh anggota-anggota polis yang tertentu. Apa yang berlaku itu tidak bermakna seluruh anggota polis mengamalkan begitu sahaja.

Tetapi seperti yang kita tahu baru-baru ini berlaku satu prosedur menanggalkan pakaian lepas itu ketuk ketampi semua itu, apabila perkara itu sudah menjadi suatu kenyataan dan ada bantangan maka pihak polis telah mengambil tindakan yang tegas dalam hal ini [*Masalah siar raya dalam Dewan*] dan PDRM telah mengambil tindakan yang tegas dalam perkara itu. Cadangan-cadangan polis itu telah dikemukakan dan akan nanti dipertimbangkan untuk dimasukkan dalam pindaan *Criminal Procedure Code (CPC)* yang sekarang ini dipertimbangkan oleh Jawatankuasa *Select* dan insya-Allah dalam sesi sidang kita kali ini akta ini akan dibentangkan dan kita dapat bincang dan dalam masa itu akan terdapat nantilah peraturan-peraturan yang ada hubung kait dengan apa yang saya sebutkan tadi, cadangan-cadangan daripada PDRM khususnya berkaitan dengan prosedur-prosedur membuat pemeriksaan yang memaksa yang ditahan itu menanggalkan pakaian dan ketuk ketampi.

Jadi, semua ini perlu diambil kira dan pada waktu ini pun saya tahu misalnya Biro Pengaduan Awam pun juga menerima pelbagai aduan daripada orang ramai mengenai polis dan adalah menjadi tugas dan tanggungjawab Biro Pengaduan Awam menyerahkan komplain-komplain itu, aduan-aduan itu kepada polis dan memastikan polis mengambil tindakan dan menjawabnya. Jadi, mungkin orang yang hantar kepada Biro Pengaduan Awam itu tidak memilih untuk menghantar secara langsung kepada polis walaupun memang polis sendiri menerima timbunan surat-surat aduan dan perkara-perkara yang diadukan itu yang bersabit dengan tindakan-tindakan disiplin yang perlu diambil, memang diambil dan saya adalah Pengerusi Suruhanjaya Polis yang ahli-ahlinya dilantik oleh Yang Dipertuan Agong dan memang *all records*, banyak tindakan yang berkaitan dengan disiplin, yang sama ada mendisiplinkan itu daripada menahan tangga gajinya ataupun amaran, ataupun tindakan yang lain termasuk juga yang diberhentikan daripada khidmat, itu memang berjalan selalu.

Selain daripada itu, badan lain seperti SUHAKAM pun tentu ada juga menerima perkara-perkara yang berkaitan dengan polis, aduan polis dan semuanya disampaikan dan badan-badan ini memastikan bahawa tindakan perlu diambil polis kerana perkara itu telahpun disampaikan kepada mereka. Dan, saya sudah semak dan saya dapati bahawa memang pihak polis respons kepada badan-badan yang telahpun menerima aduan berkaitan dengan polis yang diserahkan kepada mereka untuk melaksanakannya. Jadi, semua ini, saya perlu mengambil kira tentang apakah keputusan akhir yang saya akan buat nanti. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sudah jawab.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*.. Peguam Negara.....

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Bahdwi: Saya ingat, tak tahulah, boleh jadi wakil dari Ipoh Timor tidak faham kot apa saya cakap tadi. *[Disampuk]* Apa yang saya cakap tadi semua bersabit dengan hal yang berkaitan dengan cadangan (IPCMC).

Tuan Yang di-Pertua: Jerai.

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Bahdwi: Peguam Negara sedang dalam menimbangkan perkara ini kerana dia akan juga membabitkan undang-undang dan sebagainya. Perkara ini sudah pun sampai kepada Peguam Negara dan Peguam Negara pun sudah beberapa kali mengadakan perbincangan dengan PDRM sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Seperti yang kita sedia maklum Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Pasukan Polis Diraja kita ini boleh dikatakan menduduki tempat yang keempat di peringkat dunia dari segi keupayaan, kemampuan dan kebolehannya. *[Tepuk]* Dan, kita dapat tahu bahawa yang tidak elok itu lebih kurang 5% sahaja.

Jadi, untuk makluman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, bagi pandangan sayalah, saya mendapati bahawa suruhanjaya ini tidak melakukan tugasnya dengan begitu tepat, tidak *transparent* dan tidak juga kita kata membuat penyiasatan yang terperinci tuduhan-tuduhan yang dilemparkan kepada pasukan polis. Memang tidak juga saya nafikan ada kelemahannya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tetapi kadang-kadang saya nampak suruhanjaya ini terbawa-bawa dengan hak asasi manusia, kerana hak asasi manusia inilah yang menumbangkan kerajaan-kerajaan di dunia-dunia lain.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat soalan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Iraq tumbang kerana hak asasi manusia kononnya.

Tuan Yang di-Pertua: Minta soalan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi, adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan, sebagai Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Menteri Keselamatan Dalam Negeri supaya benda-benda yang tidak relevan yang menghina dan mentohmahkan kepada pasukan polis ini dapat kita pulihkan semula dan semalam Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong telah *endorse* bahawa pasukan polis, pasukan keselamatan ..

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: ..dan pegawai kerajaan..

Tuan Yang di-Pertua: Baik, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: ..yang terbaik. [*Tepuk*].
Jadi, saya harap supaya benda ini dapat diperbetulkan, supaya semangat perjuangan keselamatan pasukan polis akan berkobar-kobar kembali untuk mempertahankan maruah negara kita. [*Disorak*] [*Tepuk*]

Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Bahdwi: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang berkaitan hendak menambah baiki lagi perkhidmatan polis tidak hanya sanya tertumpu kepada satu cadangan (IPCMC) sahaja, banyak lagi perkara-perkara lain yang perlu diberi perhatian dan sekarang ini daripada apa yang saya katakan tadi yang lain-lain itu, yang sudah 65% + 15% yang sedang dalam pelaksanaan ini memang menuju ke arah itu.

Dan, dari segi apa yang pihak polis ambil sekarang ini sudah nyata tentang kejayaan-kejayaan yang boleh diperolehi daripada kecekapan yang telahpun ditingkatkan kerana kita telahpun mula membekalkan alat-alat yang diperlukan oleh polis untuk meningkatkan lagi kecekapan, menaikkan kepantasan mereka, mereka bertindak apabila berlaku sesuatu kes jenayah misalnya selain apa yang berlaku dalam negeri pihak polis atau pun badan-badan *intelligent* dari negeri-negeri lain memang meminta kerjasama daripada Polis Diraja Malaysia dan apabila diminta kerjasama, Alhamdulillah nyata sekali kita begitu pantas.

Umpamanya apabila pihak Indonesia sendiri telah menyatakan bahawa mereka menghadapi masalah dengan apa yang dikatakan *flesh trade* atau *human trade*. Ini adalah kegiatan golongan-golongan yang tertentu yang melakukan sesuatu jenayah kerana orang katakan memperdagangkan manusia untuk apa-apa tujuan yang tidak baik. Mereka terpaksa meminta pihak Polis Diraja Malaysia mengambil tindakan secepat mungkin perkara ini dan dalam masa empat hari pihak polis kita dapat mengesan dan

telahpun mengambil tindakan yang cepat kerana ini melibatkan warga negara Indonesia sebenarnya yang telah melakukan jenayah ini dan pihak Presiden Indonesia sendiri telahpun menyampaikan ucapan terima kasih dan tahniah kepada PDRM dan saya pun telah maklumkan kepada PDRM.

Begitu juga dengan pihak polis di England, Scotland Yard telahpun meminta pihak polis dua kali dalam kes untuk menyelesaikan perkara yang mereka hadapi, yang begitu susah mereka hendak menyelesaikannya dan apabila perkara itu telahpun diminta diserahkan kepada polis bersabit dengan satu penipuan, yang saya ingat kes penipuan yang melibatkan orang itu telah lari pergi ke Eropah dan orang itu dikatakan asalnya warga negara Malaysia. Dan, pihak polis dalam masa yang terdekat telahpun dapat menghubungi orang yang berkenaan dan telahpun bertindak dan ia mengakui dan ia setuju ataupun terima desakan pihak polis supaya dia menyerah diri kepada Scotland Yard untuk menghadapi siasatan lanjut dan sebagainya dan kita pun ucapkan terima kasih atas tindakan yang diambil itu.

Dari segi kemampuan pihak Polis Diraja Malaysia untuk menyelesaikan kes-kes jenayah yang disiasat itu, jadi kadar penyelesaian kadar kes itu adalah kadar yang lebih tinggi daripada kadar apa yang digunakan oleh Interpol sebagai satu *benchmark* untuk hendak menilai kecekapan sesuatu pasukan polis di mana-mana sahaja di dunia ini. Ini adalah satu kejayaan oleh mereka juga dan mereka sendiri kalau dahulu mereka tidak terlibat tetapi secara sendiri pada sekarang ini telahpun berkempen dan menjadikan itu sebagai satu slogan mereka untuk membersihkan rasuah. Dan, sudah ada berita-berita yang saya dapat pegawai-pegawai yang telahpun cuba dirasuahkan oleh orang-orang tertentu dengan menghantar duit dalam *envelope* sekian banyak dan duit itu diserahkan kepada pihak pegawai atasan, sampai kepada IGP kerana dia tidak akan terima.

Jadi, ini adalah bukanlah sekali ini sahaja, satu ini sahaja, yang lain-lain pun begitu juga depa melaporkan tentang apa usaha-usaha hendak melibatkan anggota polis dalam rasuah. Ini adalah satu tanda adanya perubahan fikiran, perubahan sikap dalam hal ini. Tetapi umumnya kalau kita ambil selain daripada salah laku dan apa yang biasa berlaku dalam satu pasukan anggota yang beribu-ribu ramainya, umumnya polis kita adalah baik dan menjaga keamanan dan keselamatan. [*Tepuk*]. Kalau tidak, kita tidak aman dan selamat.

5. **Tengku Razaleigh bin Tengku Hamzah [Gua Musang]** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada kerajaan bersedia menyemak semula dasar dan keseluruhan sistem pendidikan negara supaya dasar pelajaran diubah dan disesuaikan untuk memenuhi keperluan dan kepentingan negara sekarang ini supaya dilengkapi, terutama sekali sebagai persediaan menghadapi gelombang globalisasi.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choon Kim]: Tuan Yang di-Pertua, sistem pendidikan negara masa ini bersifat dinamik dan ia sentiasa dikaji, disemak serta dinilai dari masa ke semasa sesuai dengan keperluan dan perubahan yang berlaku di peringkat tempatan dan global. Namun demikian perubahan yang dibuat merupakan penambahbaikan kepada asas-asas sedia ada yang telah kukuh. Untuk menghadapi cabaran mengambil peluang gelombang globalisasi bagi keperluan negara Kementerian Pelajaran Malaysia telah menyediakan pelan pembangunan pendidikan 2001 ke 2010 yang menyeluruh, merangkumi semua aspek asas pendidikan termasuk dari segi akses, ekuiti dan kualiti pendidikan. Dalam masa yang sama, Kementerian Pelajaran Malaysia sentiasa berusaha meningkatkan prasarana dan kemudahan pendidikan ICT di semua peringkat pendidikan.

Di samping itu, program pembestarian sekolah rendah dan menengah di seluruh negara juga sedang giat diperluaskan. Pembangunan KBSR dan KBSM pula diasaskan kepada falsafah pendidikan kebangsaan, dasar pendidikan kebangsaan, dasar pembangunan negara, perkembangan dunia semasa, teori pembelajaran dan dengan izin, *the four pillar of education* seperti yang disarankan oleh UNESCO iaitu dengan izin, *learning to know, learning to do, learning to live together and learning to be*. Pelaksanaan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris atau PPSMI merupakan sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan daya saing pelajar di peringkat global dan memfokuskan kepada kemahiran *generic*, kemahiran berfikir dan kemahiran berkomunikasi juga diberi penekanan.

Selari dengan perubahan yang sedang berlaku, kementerian memberi keutamaan kepada teras pendidikan dan komited untuk melaksanakannya iaitu memastikan wujud keseimbangan pendidikan antara bandar dan luar bandar, memperkasakan sekolah kebangsaan, memartabatkan profesion perguruan dan memperkukuhkan kualiti kurikulum. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan soalan daripada Yang Berhormat bagi Gua Musang dan apakah

masalah yang dihadapi oleh kementerian untuk tidak mempertimbangkan agar sistem pendidikan kita ini dikaji, sebab banyak keperluan-keperluan yang hari ini, yang akta yang telah lapuk, sistem yang telah tidak boleh dipakai tetapi masih *diapplicable* dengan pendidikan pada hari ini. [Disampuk]

Tuan Yang di-Pertua: Okey.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ..Jadi, apakah kementerian ini terlalu keberatan untuk menimbang mencari satu pendekatan yang lebih baik, memberi pendidikan yang lebih sempurna kepada sekolah-sekolah kita. Minta penjelasan.

Dato' Hon Choon Kim: Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah membangkitkan soalan tadi.

Sebenarnya Kementerian Pelajaran memang selama ini telah membuat beberapa langkah untuk memperbaiki sistem pendidikan di negara kita ini. Di samping itu, kementerian juga melihat usaha-usaha untuk memberikan lebih banyak kemudahan kepada sekolah-sekolah yang sedia ada termasuk di luar bandar yang telah pun saya jelaskan tadi.

Kementerian Pelajaran juga melihat semula kokurikulum dan kurikulum yang telah dipakai selama ini dan memang Kementerian Pelajaran berhasrat untuk melahirkan insan pelajar yang boleh memberi sumbangan kepada pembangunan negara, melahirkan insan pelajar yang berupaya membuat perubahan kepada atau dalam masyarakat nilai-nilai murni dan tidak bersifat *compartmentalize*. Dan hasrat Kementerian Pelajaran adalah untuk melahirkan insan pelajar yang berpengetahuan dalam bidang sains dan teknologi, dan juga melahirkan insan pelajar yang celik dalam ICT dan sebagainya.

Jadi Yang Berhormat, memang usaha ini telah kita lakukan dan kita harap dalam Rancangan Malaysia Kesembilan banyak usaha dan juga dengan bantuan kerjasama dari semua Ahli Yang Berhormat yang terdapat di Dewan ini supaya kita menjayakan sistem pendidikan yang lebih baik. Sekian, terima kasih.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bersekali dengan sahabat-sahabat kita termasuk Yang Berhormat bagi Gua Musang, Yang Berhormat bagi Kinabatangan merasakan bahawa masanya memang sudah sampai yang mana kita mengkaji semula keseluruhan sistem pelajaran kita. Rakyat tidak ada lagi keyakinan terhadap sistem pelajaran. Menteri sendiri tidak ada keyakinan. Kalau kita baca akhbar hari ini, Menteri menyatakan bahawa anak beliau

lulus 9A, sekarang menuntut di Australia. Ini sistem yang kita hadapi dan pengiktirafan sistem ini oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran kita sendiri kepada sistem kita.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa ada keraguan di kalangan masyarakat berkaitan dengan keputusan PMR baru-baru ini. Ada yang merasakan bahawa peratusan-peratusan yang diumumkan khususnya berkaitan dengan Mata Pelajaran Sains dan Matematik agaknya diubahsuai oleh kementerian untuk menampakkan bahawa dasar itu berjaya dan bukan sebaliknya. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi ulasan terhadap cadangan itu?

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kecewa kerana sikap atau soalan Yang Berhormat, mempunyai niat yang tidak baik. Sebenarnya sistem pelajaran kita ini memang tidak banyak masalah ataupun kita akan memperbaiki. Dari segi peperiksaan yang telah diumumkan baru-baru ini, Yang Berhormat juga mempertikaikan sama ada ia betul atau tidak peningkatan pencapaian.

Untuk makluman Yang Berhormat, peperiksaan ini bukan sahaja pegawai-pegawai yang terlibat tetapi kita dapat juga wakil daripada universiti-universiti asing yang selama ini telah memantau begitu rapi supaya ia tidak akan timbul pertikaian seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Jadi, saya berharap Yang Berhormat janganlah sebut yang bukan-bukan, mempertikaikan Yang Berhormat Menteri menghantar anaknya ke luar negara.

Itu satu perkara yang bukan patut Yang Berhormat pertikaikan kerana kita memberikan peluang kepada semua rakyat Malaysia, yang sebenarnya kita pun juga hantar anak-anak kita untuk ke universiti-universiti yang terkenal di luar negara supaya dapat pengalaman yang berlainan. Jadi, apa yang dipertikaikan oleh Yang Berhormat, jadi haraplah Yang Berhormat janganlah melahirkan pertikaian yang seumpama ini kerana ini akan mengelirukan pandangan dan fikiran terhadap sistem pendidikan yang berada di negara kita ini.

Saya yakin dan percaya sistem pelajaran cukup baik dan kita perlu meningkatkan sahaja. Sekian, terima kasih.

6. **Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan sejauh manakah kebebasan akhbar yang diamalkan selama ini. Apakah tindakan yang akan diambil sekiranya akhbar-akhbar tidak mengikut garis panduan yang ditetapkan?

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama dengan soalan daripada Yang Berhormat bagi Parit Buntar bertarikh 16 Mac 2006 kerana persoalan yang dibangkitkan adalah menyentuh perkara yang sama iaitu kebebasan media, di samping memastikan pihak media tidak melanggar batas perundangan negara.

Kementerian Keselamatan Dalam Negeri mengamalkan dasar terbuka, liberal dan bertanggungjawab bagi menjamin kebebasan media, khususnya akhbar di negara ini sejajar dengan prinsip-prinsip demokrasi dan struktur masyarakat Malaysia yang majmuk. Di samping itu juga kementerian memberi peluang yang luas kepada pihak akhbar agar cenderung ke arah pemberitaan bercorak positif, berpengetahuan serta membina minda masyarakat.

Namun begitu, kementerian juga mempunyai tanggungjawab yang berat bagi memastikan bahan-bahan penerbitan termasuk akhbar tidak mengandungi unsur-unsur yang tidak diingini dan yang boleh memudaratkan ketenteraman awam, mengancam keselamatan negara dan menggugat kesejahteraan rakyat seperti pergeseran kaum dan penghinaan agama.

Buat masa ini tindakan pengawalseliaan dan penguatkuasaan adalah berdasarkan peruntukan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 iaitu Akta 301, di samping undang-undang lain seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, Akta Hasutan 1948, Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Akta Percetakan Teks Al-Quran 1986.

Kementerian akan mengambil tindakan memberi nasihat, teguran dan amaran kepada penerbit yang melakukan kesalahan, khususnya yang memuatkan artikel-artikel dan gambar-gambar yang menyalahi syarat rasmi dan garis panduan penerbitan. Jika kesalahan tersebut masih berulang, kementerian akan mengeluarkan surat tunjuk sebab dan disusuli tindakan menggantung atau membatalkan permit penerbitan berkenaan.

Kementerian juga berpendapat undang-undang yang sedia ada, khususnya Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 serta garis panduan penerbitan, kementerian adalah relevan dan mampu mengawal selia serta memantau industri media cetak di negara ini sejajar dengan cabaran semasa. Sekian, terima kasih.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang pertama saya ucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah pun berpendirian tegas terhadap akhbar yang menyiarkan karikatur Nabi Muhammad baru-baru ini. Tetapi akhir-akhir ini akhbar-akhbar telah banyak menyiarkan berita

sensasi untuk dipaparkan di dada-dada akhbar. Ia tidak mencerminkan untuk membina minda dan mengubah minda rakyat, dan juga untuk memperkukuhkan ataupun memperkuat keharmonian rakyat berbilang kaum di negara kita.

Adakah kerajaan bercadang untuk memberi garis panduan kepada akhbar-akhbar supaya setiap yang hendak dimuatkan di dalam akhbar mesti ada benda yang, ada perkara yang digariskan oleh kerajaan, jangan mengadu domba untuk keselamatan dan juga untuk perpaduan rakyat semua kaum di dalam negara kita. Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Fu Ah Kiow: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya semasa lesen dikeluarkan kepada akhbar-akhbar tempatan bahawa akhbar-akhbar ini juga hendaklah tidak menerbitkan bahan atau *photograph*, artikel atau perkara-perkara lain yang memudaratkan atau mungkin memudaratkan ketenteraman awam, kemoralan, keselamatan, menggemparkan pemikiran orang ramai, berlawanan dengan mana-mana undang-undang kepentingan awam dan kepentingan negara.

Kementerian saya sentiasa mengingatkan semua akhbar tempatan jangan sensasikan apa-apa berita dan patutlah memberi laporan yang seimbang dan kalau mana-mana pihak yang telah melanggar peraturan yang disyaratkan maka tindakan akan diambil oleh kementerian saya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahajalah pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT
DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)

PENYIARAN KARIKATUR MENGHINA NABI MUHAMMAD S.A.W.
DI AKHBAR DENMARK

11.09 pg.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) dan (2) dengan ini saya Salahuddin bin Haji Ayub mencadangkan bahawa mesyuarat ini hendaklah ditangguhkan bagi membolehkan Dewan yang mulia ini merundingkan isu penyiaran karikatur Nabi Muhammad s.a.w. di akhbar di Denmark dan di negara-negara yang terlibat di seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua, Parlimen Malaysia yang mulia ini yang mendukung semangat keharmonian dan kehormatan terhadap mana-mana agama dan penganutnya tidak seharusnya berdiam diri dan membiarkan insiden yang tidak bertanggungjawab akhbar Jyllands-Posten di Denmark yang telah menyiarkan dua belas lakaran kartun Nabi Muhammad s.a.w. Lakaran-lakaran kartun tersebut bukan sahaja berani mempamerkan wajah Nabi Muhammad s.a.w. tapi juga dengan sengaja dengan niat yang jahat menggambarkan perwatakan Nabi sebagai seorang pengganas bahkan yang paling biadab dan keterlaluan adalah melakarkan baginda sebagai seekor babi yang memijak Al-Quran yang sangat jelas satu penghinaan kepada batang tubuh Nabi s.a.w, kepada kesucian Islam umat Islam itu sendiri.

Kurt Westergaard, kartunis yang melakarkan kartun tersebut turut membakar lagi kemarahan umat Islam apabila dia enggan meminta maaf kepada umat Islam, bahkan beliau menyatakan beliau mendapat inspirasi daripada keganasan yang telah dan sedang berlaku dewasa ini. Kita juga merasa amat kesal insiden yang sama berlaku dalam negara kita, penyiaran semula sama ada secara langsung atau tidak langsung akhbar di Sarawak Tribune, Guang Ming Daily edisi petang dan akhbar NST, RTM yang mengandungi kesilapan yang sama. Berdasarkan kepada hujah-hujah di atas, saya memohon dewan yang mulia ini agar meluluskan usul ini untuk di bahas secara rasional dan matang serta memberikan peringatan serta amaran yang jelas bahawa isu ini sangat besar implikasinya terhadap keselamatan dan ketenteraman kehidupan rakyat di negara ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada ahli Yang Berhormat Kubang Kerian pada hari Jumaat 10 Mac tahun 2006. Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Yang Berhormat sebentar tadi. Bagi membolehkan perkara ini dipertimbangkan oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati, bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat:

- i) Perkara itu adalah perkara tertentu;
- ii) Ia mempunyai kepentingan orang ramai; dan
- iii) Berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya berpendapat bahawa tertentu perkara ini adalah perkara tertentu. Kepentingan orang ramai. Ini adalah bagi kepentingan orang ramai. Penyiaran artikel dan karikatur Nabi Muhammad s.a.w. dalam akhbar di negara Denmark merupakan satu perbuatan yang mempersendakan dan menghina Nabi Muhammad s.a.w. dan agama Islam. Ia boleh mengancam dan memudaratkan keselamatan. Alasan kartunis dan akhbar berkenaan bahawa ini merupakan hak mereka untuk berbuat demikian tidak boleh diterima. Tidak ada manusia yang bertamadun boleh mendakwa bahawa mempersendakan dan mencemuh sesuatu agama adalah satu hak yang ada pada mereka. Jika ada apa-apa hak pada seseorang manusia sudah tentu ianya tidak termasuk hak untuk mencemuh dan menceroboh hak orang lain. Berkehendak disegerakan. Walau bagaimanapun, perkara ini telah berlaku sejak 30 September 2005. Dan di Malaysia, perkara-perkara yang ada kaitan dengan perkara karikatur yang disiarkan di Denmark telah juga berlaku dan tindakan yang wajar telah pun diambil oleh Kerajaan. Oleh itu usul ini tidak dapat diterima sebagai satu usul tergepar mengikut Peraturan Mesyuarat 18(1) dan saya menolak usul ini di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2).

USUL-USUL**JALAN-JALAN MASUK KE PARLIMEN****11.15 pagi**

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Mohd. Johari bin Baharum]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

“Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama Penggal Dewan Rakyat yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini, dan Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu”.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar [Dato' Zainal Abidin bin Osman]:
Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat masalahnya ialah Usul oleh Yang Berhormat Menteri Keselamatan Dalam Negeri yang telah dibacakan tadi hendaklah dipersetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui

Usul disetujui.

**ATURAN DALAM JAWATANKUASA PILIHAN
– MENGADAKAN MESYUARAT PADA MASA MAJLIS BERSIDANG****11.16 pagi**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

"Bahawa Majlis ini membuat ketetapan di bawah Peraturan Mesyuarat 83(6) memberi izin kepada semua Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan untuk mengadakan mesyuarat pada masa Majlis bersidang dalam Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga ini."

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat masalahnya usul Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang telah dibacakan tadi hendaklah disetujui.

11.17 pagi

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua, boleh bercakap sedikit. Satu usul. Sedikit sahaja. Satu usul sini yang boleh dibahaskan. Tuan Yang di-Pertua, saya memuji Yang Berhormat Menteri oleh kerana mengemukakan usul ini, oleh kerana saya percaya bukan sahaja ada permintaan daripada Jawatankuasa Pilihan Keutuhan Integriti tetapi Jawatankuasa CPC dan *Penal Code* supaya boleh bergerak ada ruang untuk bergerak dan bukan dihalang oleh kerana Peraturan-peraturan Mesyuarat dan apa yang saya mahu bangkitkan di sini peluang untuk ambil bangkit di sini ialah perlu lebih fleksibel dan *nimble* dalam penggunaan Peraturan Mesyuarat semacam hari ini dan untuk menggantung peraturan mesyuarat supaya kita Parlimen boleh lebih peka mengenai beberapa masalah yang timbul dan kita boleh dilihat *temporariness*menangani isu-isu yang bangkit. Sekurang-kurangnya empat perkara mungkin kita perlu timbang. Saya harap Yang Berhormat boleh mengkaji mungkin boleh digantungkan, *suspend* peraturan mesyuarat supaya perjalanan Parlimen lebih licin sehingga satu kajian keseluruhan diadakan mengenai pindaan kepada Peraturan-peraturan Mesyuarat sebagai contohnya mengenai soal jawab mungkin kita boleh menggantungkan *standing orders* supaya kita boleh memanjangkan *one hour question time*, sehingga 90 minit atau 2 jam. Semacam notis untuk pemberitahu yang perlu untuk soalan dan sekarang mengikut peraturan-peraturan 22 (2) yang perlu pemberitahu diberi tidak lewat daripada 14 hari bekerja sebelum mesyuarat dimulakan; mesyuarat bukan persidangan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat semua perkara ini akan diharap dapat dibincangkan pada penghujung penggal ini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, akan diadakan, tak perlu kita gantung *suspend standing orders* untuk tujuan itu. Ya, ok kalau begitu kita haraplah bahawa perkara ini diadakan supaya kita boleh lebih fleksibel dan *nimble* dalam perkara ini.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga bercakap sedikit kerana saya terlibat secara langsung sebagai anggota Jawatankuasa Akaun (PAC). PAC adalah jawatankuasa tetap bukan jawatankuasa pilihan. Jadi sepatutnya usul ini berbunyi semua jawatankuasa-jawatankuasa tetap dan pilihan untuk mengadakan mesyuarat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada jawapan?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya usul ini membawa maksud iaitu dia merangkumi sekali PAC. Jadi ini jaminan daripada saya.

Tuan Yang di-Pertua: Itu sahajalah Yang Berhormat kita harap akan dapat membincangkan lagi perkara ini di hujung penggal ini dengan adanya cadangan-cadangan dan diharap akan dikemukakan untuk dibincangkan dalam majlis ini. Oleh itu, Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah usul oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang telah dibacakan tadi, hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Usul disetujui.

USUL

MENJUNJUNG KASIH ATAS TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

11.22 pg.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum Warrahmatullahi wabarakatuh dan salam bahagia. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpahan rahmatnya jua maka dapat kita bersidang dan meneruskan tugas dan tanggungjawab kita semua di Dewan yang mulia ini pada hari ini. Saya juga bersyukur dan berterima kasih kerana diberikan kesempatan dan penghormatan untuk membawa usul ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya Datuk Haji Hassan bin Malek, Ahli Dewan Rakyat bagi kawasan Kuala Pilah memohon untuk mencadangkan usul menjunjung kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, kerana sudi berangkat menyampaikan titah

ucapan di Persidangan Penggal Ke-3, Parlimen Ke-11 pada hari Isnin bersamaan dengan 13 Mac 2006. Usul saya adalah seperti berikut;

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih, syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Kesebelas.”

Tuan Yang di-Pertua, sokongan kepada kepimpinan Perdana Menteri. Persidangan Dewan Rakyat hari ini dilatari oleh iklim pembangunan negara yang subur, kehidupan rakyat yang harmoni, aman dan persekitaran sosioekonomi yang merangsang pertumbuhan sihat dalam pelbagai lapangan. Sehubungan dengan itu kita perlu merakamkan rasa kesyukuran kepada Allah S.W.T. dan berasa bangga kerana dengan adanya kerajaan Barisan Nasional yang kuat, pilihan rakyat diterajui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi maka pentadbiran negara berjalan dengan lancar, terancang dan aman damai.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Indeks pembangunan negara dari pelbagai sudut menunjukkan bahawa corak pembangunan negara ketika ini berada pada landasan yang betul dan tepat. Dari segi *outsourcing destination*, Malaysia menduduki tempat kedua di belakang India sejak tahun 2005 sebagai negara yang paling sesuai untuk pelaburan terus dalam bidang perolehan perkhidmatan dan teknologi khusus untuk negara-negara maju yang berhasrat untuk memindahkan operasi pengeluaran atau perkhidmatan mereka.

Selain itu, Malaysia juga mencatatkan pertumbuhan ekonomi lebih 50%, 5% setahun dalam keadaan ekonomi yang tidak begitu stabil. Dari segi harga komuniti berasaskan petroleum pada tahun 2005, Malaysia juga mencatatkan menjadi salah sebuah negara utama di rantau ini yang berjaya memacu pertumbuhan ekonomi dalam masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya. Kita juga berbangga kerana Malaysia menduduki tangga kesembilan daripada 133 negara dalam indeks pencapaian alam

sekitar, EPI yang dibentangkan pada forum ekonomi dunia di *Davos Switzerland* pada 26 Januari lalu.

Hal ini juga ketara dalam isu penyakit SARS tiga tahun lalu di mana Malaysia melaksanakan dasar kesihatan dan sanitasi yang sesuai untuk memerangi wabak tersebut. Semua pencapaian ini terangkum dalam Rancangan Malaysia Kelapan di bawah pimpinan bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad dan disusuli oleh kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, oleh yang demikian saya berpendapat bahawa Dewan yang mulia ini sewajarnya merakamkan sokongan dan kesyukuran kepada kedua-dua pemimpin utama negara kita atas sumbangan dan jasa mereka yang besar kepada kestabilan politik dan pembangunan negara.

Teras dan strategi Rancangan Malaysia Kesembilan, Tuan Yang di-Pertua. persidangan Dewan Rakyat kali ini merupakan petanda bahawa kita sedang berada di ambang Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). RMK-9 mempunyai banyak agenda yang jelas dari segi pembangunan ekonomi, keseimbangan sosial, kualiti pendidikan, kesejahteraan rakyat dan keamanan negara sebagaimana yang dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam beberapa sidang media RMK-9 akan memberi tumpuan kepada beberapa langkah khusus untuk menjana pertumbuhan yang lebih berkualiti dalam tempoh terdekat yang boleh menyumbang kepada usaha menyediakan landasan yang lebih kukuh bagi pertumbuhan ekonomi jangka panjang.

Penekanan RMK-9 jelas memberi keutamaan kepada langkah mengukuhkan daya tahan dan keberkesanan negara dalam menghadapi perkembangan ekonomi dunia yang tidak menentu ini. Berikutan daripada peningkatan mendadak harga minyak, kadar faedah yang kian meningkat dan persaingan global yang semakin sengit ini. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, semasa membentangkan bajet 2006 tidak lama dahulu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menggariskan empat strategi sebagai perintis kepada pelaksanaan RMK-9 iaitu:-

- (i) langkah proaktif memesatkan kegiatan ekonomi;
- (ii) menyediakan persekitaran mesra perniagaan;
- (iii) penekanan kepada modal insan; dan
- (iv) meningkatkan kesejahteraan kualiti hidup rakyat.

Keempat-empat strategi tersebut adalah permulaan kepada RMK-9 yang memerlukan komitmen dan pendekatan baru bagi menghadapi persekitaran global yang semakin kompetitif pada hari ini. Pada kesempatan ini saya ingin mencadangkan agar keempat-empat strategi ini juga dijadikan strategi teras jangka pendek kepada RMK- 9. dengan kata lain, strategi ini wajar dirangkumkan dalam konteks perancangan pembangunan negara jangka sederhana terutama yang berkaitan dengan aspek kualiti hidup rakyat.

Di samping itu, saya juga berharap agar dasar dan inisiatif mesra perniagaan itu tidak hanya menitik beratkan kepada tanggung jawab satu pihak sahaja, iaitu di pihak kerajaan. Pihak swasta juga perlu menyediakan iklim yang mesra perniagaan dalam konteks memperluaskan persaingan yang sihat. Di samping memahami sistem..

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Penjelasan.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]:..sistem operasi serta pentadbiran kerajaan. Ini dapat dilakukan dengan menyediakan input dan inisiatif berbentuk *supplementary* kepada agensi-agensi awam yang menghadapi masalah untuk menyediakan perkhidmatan yang efisien dan mesra pelanggan. Ia juga boleh dilaksanakan menerusi peningkatan kualiti perkhidmatan dengan menawarkan pakej serta sistem yang murah tetapi efektif yang telah dilaksanakan dalam sektor swasta kepada agensi-agensi awam. Dengan cara ini, gejala-gejala tidak sihat seperti kurang efektif, kurang efisien, rasuah dan karenah birokrasi dapat dibendung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Kuala Pilah dan Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat telah menyatakan dengan begitu berkeyakinan bahawa ekonomi negara kita dalam keadaan landasan yang baik dan tanpa ada cacat celanya. Walau bagaimanapun, mungkin Yang Berhormat mengetahui bahawa krisis ekonomi global, setidak-tidaknya atau sekurang-kurangnya telah memberi tempias kepada negara-negara yang membangun seperti negara Malaysia.

Dan maklumat daripada masyarakat, kontraktor, bahawa kerajaan memerlukan peruntukan yang banyak untuk dilaburkan dalam pembangunan domestik, iaitu dalam negara. Sebab kita maklum bahawa ekonomi negara ini tidak begitu menyerlah dan apakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada kerajaan bahawa dalam Rancangan Malaysia ke Sembilan ini, memperuntukkan peruntukan yang lebih ke arah

pembangunan wilayah yang seimbang sebab saya percaya menuju wawasan 2020 ini, salah satu syaratnya iaitu semua wilayah kena membangun.

Bagaimana kita boleh menambahkan diri kita negara maju di sebelah wilayah membangun tetapi di wilayah-wilayah yang lain masih mundur, masih tidak ada prasarana dan sebagainya. Jadi apakah Yang Berhormat mencadangkan kepada kerajaan supaya memfokuskan Rancangan Malaysia ke Sembilan ke arah memastikan pembangunan wilayah dan memperbanyakkan peruntukan-peruntukan domestik untuk memperkukuhkan ekonomi dalam negara kita sendiri.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Kinabatangan. Yang Berhormat Kinabatangan nampak melompat lebih laju ke hadapan daripada saya. Saya akan masuk ke situ sebenarnya, minta bersabar dahululah. Ini hanya sebagai untuk latar belakang.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia ke Sembilan juga sewajarnya ditanggapi sebagai bukti tentang komitmen kerajaan Barisan Nasional dalam merealisasikan janji kepada rakyat bahawa kepentingan rakyat tetap dibela malah diberi keutamaan. Ini terserlah dalam pelbagai insentif dan langkah yang mengutamakan kepentingan rakyat seperti subsidi minyak RM1,000.00 setiap orang dalam bajet 2006 yang dibentangkan tidak lama dahulu. Kepada kakitangan perkhidmatan awam, telah diberikan bonus ini. Skim perkhidmatan awam yang mesra pelanggan dan juga kemudahan prasarana yang lebih baik.

Pembangunan lima puluh tahun Malaysia, Tuan Yang di-Pertua. Pada tahun hadapan, kita akan genap mencapai kemerdekaan selama lima puluh tahun. Oleh yang demikian, ketika menjelang lima puluh tahun Malaysia merdeka ini dan di ambang pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, pada 31 Mac itu nanti, Insyaa-Allah, rancangan lima tahun ke arah lima puluh tahun kedua, saya mencadangkan agar Dewan yang mulia ini membuat satu penilaian diri atau muhasabah terhadap kejayaan pembangunan lima puluh tahun Malaysia dahulu.

Dalam hal ini, adalah tidak produktif sekiranya muhasabah dibuat dengan cara membesar-besarkan kejayaan tertentu sahaja ataupun dengan memperkecil-kecilkan kelemahan tertentu. Itu cara orang yang syok sendiri.

Sebaliknya saya ingin menggunakan sebahagian daripada pencapaian negara dalam beberapa aspek strategik sebagaimana yang terangkum dengan izin, *Millenium*

Development Gold (MDG) ataupun matlamat pembangunan millenium yang dikemukakan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). MDG adalah kayu ukur yang sesuai untuk kemajuan sesebuah negara kerana ia dapat dibandingkan dengan negara-negara ini keseluruhannya. Tuan Yang di-Pertua, membasmi kemiskinan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Kuala Pilah, Sri Gading, nak bagi jalan?

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Sila, Datuk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Sri Gading.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Ya, Sri Gading dijemput orang lama.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya dari Kuala Pilah. Bertuah nampaknya Kuala Pilah. Dalam banyak-banyak, dia dipilih membawa usul terima kasih. Di peringkat awal ini hebat, dan saya yakin, percaya Kuala Pilah akan dapat menyempurnakan tugas dan juga amanah yang diamanahkan. Saya hendak memetik sedikit. Hendak memetik apa yang diutarakan sebentar tadi oleh Yang Berhormat. Tahun hadapan negara kita, genaplah lima puluh tahun. Setengah abad, kalau dilihat pembangunan kemajuan negara kita, keseluruhannya memang hebat.

Walaupun parti pembangkang tidak sudah-sudah mengkritik, itu kerja dialah. Tapi, boleh dikatakan kita hebatlah. Jadi, apa harapan Yang Berhormat? Apa harapan Yang Berhormat? Lima puluh tahun kita merdeka, bagaimana pencapaian negara dan rakyat pada tahun yang akan datang? Dan tahun yang akan datang ialah tahun yang pertama Rancangan Malaysia yang ke Sembilan.

Apakah setelah lima puluh tahun negara kita merdeka, kita akan berjumpa lagi dengan masalah-masalah prasarana yang masih tidak lengkap? anda yang terbiar, anak yatim piatu yang tidak dilayani, ada orang yang masih tidak berapa cukup makan, kemiskinan tegar masih boleh dijumpai. Berbagai- agailah maknanya yang sama-sama kita ketahui, di celah-celah pembangunan dan kemajuan, tetapi masih ada perkara yang patut kita perbaiki.

Jadi, apa harapan Yang Berhormat sebagai pembawa usul terima kasih yang tentu menyentuh apa sahaja yang telah diucap titahkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada hari semalam. Jemput Yang Berhormat memberikan pandangan dan ulasan, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyaklah pandangan daripada Yang Berhormat dari abang kekanda saya dari Sri Gading yang saya lihat dan memang saya bersetuju dengan pandangan. Tetapi sebelum kita mencadangkan sesuatu, saya bawa Dewan ini kepada keadaan, kita muhasabah diri kita dahulu. Apa yang berlaku lima puluh tahun yang lepas? Daripada situ, saya akan luahkan apa harapan rakyat kepada Rancangan Malaysia ke Sembilan dan juga program-program pada masa yang akan datang, Insya-Allah. Cuma saya minta bersabar sahaja Sri Gading. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, membasmi kemiskinan. Pada tahun 1970, iaitu melalui Dasar Ekonomi Baru (DEB), kerajaan telah menetapkan satu matlamat pembangunan jangka pendek untuk membasmi kemiskinan di kalangan rakyat. Dalam tempoh lima belas tahun pertama, kemiskinan telah dikurangkan lebih daripada separuh dalam tempoh lima belas tahun berikutnya. Sekali lagi tahap kemiskinan dapat dikurangkan lebih daripada separuh dan pada tahun 2002, tahap kemiskinan berada pada paras 5.1%.

Jadi kemiskinan negara ini lebih merupakan fenomena luar bandar, macam disebut oleh Kinabatangan tadi. Ini dapat dilihat dengan kadar kemiskinan yang masih tinggi di negeri-negeri yang mempunyai penduduk luar bandar seperti Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak tetapi jurang antara luar bandar dan bandar ini semakin hari semakin dirapatkan. Di samping itu, perbezaan insiden kemiskinan di kalangan kumpulan etnik di Malaysia juga telah berjaya dikurangkan, pada tahun 1970 kemiskinan di kalangan kaum bumiputera jauh lebih tinggi berbanding dengan kumpulan etnik yang lain di mana sebanyak 2/3 isi rumah bumiputera adalah di bawah garis kemiskinan.

Selepas tahun 1970, jurang perbezaan insiden kemiskinan antara kumpulan etnik telah berkurangan, walau bagaimanapun majoriti isi rumah yang miskin masih lagi di kalangan bumiputera. Yang menjadi kebanggaan kita ialah, hakikat bahawa pengurangan kadar kemiskinan di negara ini telah dapat dicapai dalam suasana negara yang mempunyai penduduk berbilang kaum dan pelbagai kebudayaan. Ini membuktikan bahawa strategi pertumbuhan ekonomi negara yang disertakan dengan pengagihan yang menggabungkan komitmen untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat sebagai matlamat utama dalam wawasan pembangunannya telah mencapai kejayaan. Oleh yang demikian saya berharap Rancangan Malaysia Kesembilan akan

meneruskan dasar dan pendekatan ini. Pertubuhan ekonomi yang berkekalan dan komitmen kepada pembasmian kemiskinan merupakan elemen yang amat penting dalam kisah kejayaan kita ini.

Tiga pendekatan strategik untuk mengurangkan tahap kemiskinan telah dilaksanakan dengan jayanya;

- (i) Tumpuan kepada sektor pertanian dan pembangunan luar bandar bagi meningkatkan pendapatan petani dan pekerja, pendapatan pertanian dan pekerja pertanian melalui meningkatkan produktiviti.
- (ii) Tumpuan kepada sektor pembuatan barangan eksport yang dapat mewujudkan banyak peluang pekerjaan kepada pekerja dari kawasan luar bandar dan bandar.
- (iii) Pelaburan sektor awam dalam sektor pendidikan, kesihatan dan infrastruktur, asas bagi meningkatkan pendapatan dan kualiti hidup golongan miskin.

Sejak kebelakangan ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam banyak ucapannya telah membayangkan bahawa sektor pertanian dan industri asas tani akan meningkatkan peranannya dalam pertumbuhan ekonomi negara.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: *[Bangun]*

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat ada dua bangun Yang Berhormat, Tuaran dahulu bangun, hendak beri jalan?

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Ya, sedikit lagi, Tuaran sekejap. Kita berharap langkah strategik kerajaan ini akan mendapat sokongan dan kerjasama daripada semua pihak. Dalam konteks ini saya berharap masalah-masalah kurangnya kerjasama dengan sesetengah pihak seperti yang pernah diluahkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tidak berapa lama dahulu akan dapat diatasi. Oleh itu kita berharap matlamat untuk mengurangkan sepenuhnya kadar kemiskinan tegar akan dapat dicapai dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan ini. Tuan Yang di-Pertua, silakan Tuaran.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tuaran dan Pasir Mas tadi bangun Yang Berhormat, hendak bagi Tuaran?

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Tuaran.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tuaran dahulu, sila Tuaran.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Pilah. Bercerita tentang pembasmian kemiskinan tegar ini, saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa negara kita telah mencapai pencapaian yang begitu baik mulai dari tahun 1970 sehingga sekarang dari segi penurunan kadar kemiskinan. Walau bagaimanapun dalam Rancangan Malaysia Kelapan sasaran negara kita, sasaran dalam Rancangan Malaysia Kelapan ialah menjelang tahun 2005, kadar kemiskinan tegar akan diturunkan ke kadar 0.5 peratus. Walau bagaimanapun pihak kerajaan sudah mengakui bahawa kita telah gagal untuk mencapai matlamat tersebut dan sasaran yang baru ialah tahun 2009, baru kita dapat capai kadar kemiskinan tegar pada 0.5 peratus.

Persoalannya di sini ialah strategi-strategi yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat awal tadi, apakah sebenarnya pada pandangan Yang Berhormat kelemahan-kelemahan terhadap strategi yang telah kita laksanakan selama ini sehinggakan kita telah gagal mencapai sasaran Rancangan Malaysia Kelapan dalam soal penurunan kadar kemiskinan tegar. Itu soalan pertama.

Yang kedua, Yang Berhormat telah menyebutkan tadi langkah-langkah untuk mempertingkatkan, memperbanyakkan lagi peluang-peluang pekerjaan sebagai salah satu daripada strategi untuk mengurangkan kemiskinan, tetapi Yang Berhormat sedar bahawa sebenarnya begitu banyak peluang-peluang pekerjaan telah diwujudkan di sektor perladangan, di sektor perkilangan dan sebagainya. Tetapi yang datang untuk bekerja bukan orang tempatan tetapi orang asing. Jadi kepada siapakah strategi untuk melahirkan pekerjaan-pekerjaan ini untuk siapa dan apakah ini sebenarnya cara kita untuk mengurangkan kadar kemiskinan? Di mana kesilapan kita dan jika sekiranya kita berjaya untuk mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dari semua sektor, apakah ini dapat membantu mengurangkan kadar kemiskinan tegar? Jika sekiranya kita tidak selesaikan masalah soal pekerja asing ini. Apakah sebenarnya masalah orang-orang tempatan yang tidak mengambil peluang-peluang pekerjaan yang sekian lama diwujudkan oleh pihak kerajaan? Terima kasih.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetujulah dengan pandangan itu tentang apa yang saya sebutkan tadi kita perlu muhasabah diri kita, negara kita apa yang berlaku yang dahulu kelemahan-kelemahan

dia dan sebagainya, oleh kerana itu kita perlulah mengambil langkah-langkah proaktif, langkah-langkah baru untuk mengatasi masalah tadi. Oleh sebab itulah saya fikir saranan dan juga penekanan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita untuk meletakkan modal insan ini sebagai tumpuan utama kita, sebagai sesuatu yang diberi keutamaan untuk kita jadikan sebagai pelaksana-pelaksana rancangan ini. Jadi ini juga ada hubung kaitnya dengan sistem penyampaian yang akan saya sebutkan tidak lama lagi. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Pasir Mas bangun Yang Berhormat, Pasir Mas.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Pasir Mas, silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sila Pasir Mas.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kuala Pilah. Saya tertarik dengan apa yang telah dibincang dan yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Pilah dalam Usul Menjunjung Kasih terhadap ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, iaitu masalah yang terakhirnya ialah masalah ekonomi ataupun kemiskinan yang dihadapi oleh bumiputera khususnya di kawasan-kawasan yang serba mundur yang disenaraikan tadi di Kelantan, Sabah dan Sarawak.

Saya tidak menafikan bahawa Kelantan miskin, semua orang tahu Kelantan miskin tetapi disenaraikan sebagai teratas miskin saya tidak bersetuju. Kerana yang teratas miskin bukan Kelantan, Sabah dan Sarawak yang miskin ini, saya setuju Kelantan miskin. Jadi sepatutnya kita jangan hanya senarai sahaja Kelantan miskin, Sarawak miskin, Sabah miskin kerana Kelantan, Sabah dan Sarawak ini berada di dalam Federation Malaysia yang semestinya mendapat perhatian serius daripada pihak kerajaan.

Saya berada dalam Dewan ini dua penggal betapa sedihnya kawan-kawan kita daripada Sabah, daripada Sarawak bercakap masalah kemiskinan. Menteri dan Perdana Menteri bertukar kepada Perdana Menteri baru, tidak berubah. Cuma bahasa daripada Sabah, Sarawak sahaja dengan keadaan manis, dengan keadaan lunak, mukadimahnyanya begitu lunak. Pertama sekali hentam Kelantan dahulu, biasalah sipi sudah, kalau bangun bercakap hentam Kelantan dahulu. Hingga menjadi wirid kepada sahabat-sahabat kita daripada Barisan Nasional.

Ini sudah menjadi wirid kepada sahabat-sahabat kita daripada Barisan Nasional, wirid mereka hentam Kelantan dahulu, Kelantan miskin, Kelantan papa, Kelantan itu, Kelantan ini tetapi akhir sekali dedah juga Sabah, Sarawak teruk daripada Kelantan. Jadi, tidak apalah itu saya terima, saya terima kenyataan itu dan saya tidak tolak. Tinggal lagi dua Perdana Menteri, Perdana Menteri kita yang sudah bersara dan Perdana Menteri yang baru, keadaan masih lagi dalam keadaan yang sama mengharapkan Rancangan Malaysia Kesembilan. Bangun, bangun Rancangan Malaysia Kesembilan, bangun, bangun Rancangan Malaysia Kesembilan, yang Kelapan apa sudah berlaku?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tanya sudahlah Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Hah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Peluang Yang Berhormat berucap nanti.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: *[Ketawa]* Yang saya hendak tanyanya...

Seorang Ahli: Gagal.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:gagal sebenarnya. Saya setuju dengan yang sahabat saya tadi. Gagal, Rancangan Malaysia Kelapan ini gagal. Kita bukan sekadar muhasabah, muhasabah tidak melalui pelaksanaan tidak jadi. Berapa kali muhasabah, sudah berapa ribu kali muhasabah sudah dalam Parlimen ini tidak jadi, tidak ada tindakan segera. Saya kata perlu daripada sekarang ini tidak cakap banyak, bawa pergi ke Sabah, bawa pergi ke Sarawak. Saya pergi Tuan Yang di-Pertua, ke Sabah, ke Sarawak, meniti di atas kayu lagi teruk sangat. Kita hendak pergi berdakwah, saya pergi berdakwah bukan parti, pergi berdakwah sahaja, teruk. Kata macam mana orang Sabah boleh hidup tetapi sahabat-sahabat kita dari Sabah ini sabar sebenarnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bukan ceramah PAS Yang Berhormat, ya?

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Ha?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bukan ceramah PAS lah?

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Tidak, bukan ceramah PAS, bukan ceramah PAS. Saya pergi betul, saya pergi untuk berdakwah di sana untuk

mengembangkan Islam tetapi teruk Tuan Yang di-Pertua, negeri Tuan Yang di-Pertua macam itu tidak? Sarawak teruk? Tambahan baru ini saya ucap terima kasih lah bila berlaku pilihan raya di Pengkalan Pasir baru-baru ini, ada banyak dibawa, batu-batunya banyak dibawa. Ada sehingga depan rumah, depan tangga rumah. yang pakai basikal buruk pun diberi batu daripada apa? Tuan dia pakai basikal buruk sahaja, ada.

Jadi, soalnya tindakan sekarang ini, yang perlunya tindakan sekarang ini, apakah rancangan kerajaan dalam menangani kemiskinan tiga negeri, fokus kepada tiga negeri. Cukuplah bandar-bandar ini, bandar sudah maju sudah, alhamdulillah. Kepada negeri-negeri Sabah, Sarawak, dan Kelantan bukan Kelantan, Sabah dan Sarawak. Tidak! Sabah, Sarawak dan Kelantan bawa pergi tindakan segera ini.

Apakah kerajaan bersedia untuk sekarang ini dalam jangka pendek untuk menyalurkan, khususnya kepada bumiputera-bumiputera kita di sana yang mempunyai tenaga manusia, tenaga insan yang begitu kaya untuk mereka cepatkan membangun, setidak-tidaknya kepada sekolah-sekolah. Saya tengok di Sabah, di Sarawak sekolah sungguh daif, *[Bercakap dalam bahasa Arab]* bukan daif sahaja *[Bercakap dalam bahasa Arab]* Mana ustaz kita, tidak ada ustaz belaka, mana pergi ustaz belaka, tidak ada ustaz seorang habuk ini, seorang habuk pun tidak ada ustaz, mana?

Seorang Ahli: Ini siapa yang berucap.....

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: *[Bercakap dalam bahasa Arab]* Tidak ada ini, tidak ada. Yang paling lemah sekali di Sabah, di Sarawak, mengapa kerajaan tidak bersegera untuk melaksanakan tanggungjawab ini sebelum datang Rancangan Malaysia Kesembilan, Rancangan Malaysia Kesepuluh. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Tuan Yang di-Pertua, Pasir Mas ya, saya tidak ada sebut tadi yang soal Kelantan ini yang teratas dari segi kemiskinan dan sebagainya. Cuma kadang kala mereka merasakan berasa sendiri *[Ketawa]* Oleh kerana itu....

Seorang Ahli: Syok sendiri. *[Ketawa]*

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Syok sendiri dan saya sebut *room does not built in a day*, panorama itu tidak terdiri satu hari sahaja, ia memakan masa yang begitu lama, begitunya nanti saya akan sebut tentang pembinaan Tembok Besar China. Ia berasal sedikit demi sedikit dan tidak dapat kita nafikan bahawa negara Malaysia kita waktu saya kecil-kecil dahulu dengan apa yang ada hari ini adalah suatu

keadaan yang amat kita banggakan. Dalam keadaan bertambah baik, bertambah baik lagi dan Insya-Allah ke arah gemilang, terbilang negara kita ini, Insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, memperkasakan pendidikan di sekolah. Memperluaskan peluang pendidikan dan menaik taraf sistem pendidikan kebangsaan adalah antara strategi utama kerajaan untuk memupuk perpaduan kaum, menyokong pertumbuhan ekonomi dan mengurangkan kemiskinan. Apabila rakyat mendapat pendidikan peluang untuk menikmati kejayaan dalam bidang-bidang lain dapat dipertingkatkan. Pencapaian pendidikan secara universal juga merupakan strategi untuk mengurangkan kemiskinan dan membuka peluang yang luas dan saksama kepada murid-murid lelaki dan perempuan.

Oleh kerana bidang pendidikan menyumbang secara langsung kepada pembangunan negara maka kerajaan telah mengeluarkan perbelanjaan pembangunan yang besar untuk menyediakan infrastruktur pendidikan yang disokong oleh perbelanjaan mengurus yang juga tinggi. Hasilnya pendidikan rendah pada tahap universal. Kalangan lelaki dan perempuan telah hampir dicapai menjelang tahun 2000. Jumlah pendapatan peringkat menengah rendah dan menengah atas telah juga meningkat dengan ketaranya.

Menjelang tahun 2003, 84% murid telah berdaftar di peringkat menengah rendah dan 74% di peringkat menengah atas. Cabaran kita sekarang adalah untuk memperbaiki kualiti dalam pengajaran dan pembelajaran (PNP) dan kesesuaian kurikulum meneruskan pengukuhan pengajaran Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris. Memartabatkan penggunaan bahasa Melayu sebagai asas pembentukan bangsa Malaysia. Memastikan bekalan makmal komputer dan pembangunan kandungan *local content* ditingkatkan dan tidak berlaku penyelewengan dari segi pencapaian serta meningkatkan sokongan kepada guru-guru terutamanya di kawasan luar bandar.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ada dua yang bangun Yang Berhormat, Cameron Highlands dengan Jasin.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Nanti sekejap. *[Disampuk]* Pada masa yang sama saya juga menyokong langkah kerajaan untuk memperkasakan sekolah kebangsaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat hendak bagi ke tidak?

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Saya ingat nanti dahulu Cameron Highlands sebab malam dia sudah ada masuk dalam televisyen, soal yang sama. *[Ketawa]* Jadi, minta bersabarlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jadi Jasin hendak bagi Jasin?

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Jasin nanti dahulu sekejap, sekejap sedikit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sedikit lagi Jasin, ya. *[Disampuk]*

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Saya akan bagi, ini sahabat. Jadi, kemajuan untuk mencapai tahap pendidikan yang tinggi dan kadar celik huruf meningkat dengan ketara antara 1970 dan 2000. Secara bandingannya pada tahun 1970, satu pertiga daripada penduduk yang berumur enam tahun dan lebih tidak pernah bersekolah, manakala pada tahun 2000 kadar tersebut telah menurun kepada satu persepuluh sahaja. Dengan kejayaan pendidikan rendah kadar celik huruf telah menjadi universal. Di kalangan penduduk yang berada dalam kumpulan umur yang muda, menjelang tahun 2000 kurang daripada tiga peratus penduduk adalah buta huruf berbanding dengan tahun 1970 di mana satu perempat daripada penduduk yang berumur antara 15 ke 24 tahun tidak boleh membaca atau menulis.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh, Yang Berhormat?

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Sedikit lagi. Bagaimanapun.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia belum bagi, Yang Berhormat .

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]:saya tertarik dengan pendapat yang pernah disuarakan oleh Ahli Parlimen Temerloh di Dewan yang mulia ini tidak lama dahulu, kalau tidak silap tahun lepas iaitu bahawa secara purata setiap daerah mempunyai kira-kira 100 sehingga 150 orang murid Tahun Enam, yang akan ke Tingkatan Satu, yang masih belum boleh membaca. Selepas itu Menteri yang berkenaan mengumumkan bahawa kajian akan dibuat dan pengumuman mengenainya akan dibuat dengan segera. Sehingga hari ini kita belum mendengar sebarang kenyataan mengenai hal ini dan saya berharap perkara ini diambil tindakan yang serius

dan segera kerana dalam kita mengejar pertumbuhan dan pembangunan negara yang lebih pesat maka kita tidak mahu ada seorang pun anak-anak kita yang ketinggalan. Tuan Yang di-Pertua, Jasin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Jasin, sila.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih sahabat saya Kuala Pilah. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Kuala Pilah ada bercakap tadi tentang bagi hendak memperkasakan sekolah kebangsaan kita. Saya kira Kuala Pilah harus usulkan kepada kerajaan. Dalam segi pendidikan ini kita kena ada pada hari ini menjelang Rancangan Malaysia Kesembilan dan dalam menjelang tahun 2020 menjadi Malaysia negara maju. Sudah sampai masanya kita lihat, pada hari ini tidak ada apa yang kita boleh banggakan terhadap kemajuan yang telah dicapai dalam pendidikan kita, lebih-lebih lagi melibatkan sekolah-sekolah kebangsaan.

Setuju atau tidak Kuala Pilah kalau boleh kita hendak *re-overhaul* ini semua, *overhaul*. Sekolah kebangsaan pada hari ini bagi orang Kelantan dia kata tidak cukup Islam kerana tidak cukup Islam orang Kelantan menghantar anak-anak dia sekolah agama pondok. Orang 'Negeri', ini sudah *telo* Kelantan ini sahaja tidak boleh lagi. Bagi orang-orang Tionghoa dan juga orang India, dia melihatkan bahawa sekolah kebangsaan kita ini sekolah agama, sekolah Arab dan dia pun takut hendak menghantarkan anak-anaknya ke sekolah kebangsaan kita.

Jadi, orang Cina hantar kepada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina, orang India menghantar kepada Sekolah Rendah Kebangsaan Tamil. Kita sudah bercakap untuk memperkasakan ini, memperkasakan pendidikan kebangsaan kita, kita bercakap tentang bagaimana kita hendakkan supaya anak kita bercampur-campur dalam satu sekolah tetapi di peringkat awal sudah kita asingkan. Oleh demikian saya berharap Kuala Pilah kita kena kemukakan soal ini *re-overhaul* balik. Jangan sahaja muhasabah diri kita, sedap bercakap tetapi kita harus ingat ini masa depan negara kita. Kalau cakap tentang sekolah rendah berkenaan dengan komputer kadang-kadang kita lihat Menteri punya *statement* kata masalah pengkomputeran semua sekolah 100% selesai. Tetapi di Jasin pun tak bisa selesai, Pak. *[Disampuk]* Tak bisa selesai. Masih ada lagi sekolah-sekolah di kawasan saya ini enggak ada komputer.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat belajar bercakap itu bila Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya? Kawasan saya, Pak, fasal sekarang ini pekerja asing sudah banyak di Jasin, jadi dia dah cakap bahasa ini pula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat baru balik dari seberang ke? *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Jadi saya berharap dalam kita hendak memperkasakan sekolah-sekolah kebangsaan kita, komputer ini saya minta kementerian selesaikan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan yang akan datang ini. Semua sekolah mesti ada komputer. Lebih-lebih lagi di Jasin. Yang belum ada elektrik, nanti dulu. Yang Berhormat bagi Kuala Pilah tadi menyatakan dengan izin, *room is not build in one day. [Disampuk]* Jadi oleh yang demikian saya juga bagi peluang kepada Yang Berhormat bagi Kuala Pilah yang rakan saya ini diberi keutamaan ataupun diberi penghormatan untuk membentangkan Usul Titah Terima Kasih Diraja pada pagi ini, saya bangga sebagai kawan

Kita berharap apa yang kita perkatakan di sini berkenaan dengan perkasaan sekolah kebangsaan ini jangan retorik sahaja. Kita kena laksanakan. Kalau tidak kita buat sekarang, kita akan menyesal pada 10 ,15 tahun yang akan datang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Hasan bin Malek: Hebatlah Yang Berhormat bagi Jasin. Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pandangan dan dengan cadangan-cadangan yang baik, soal komputer, soal *overhaul* dan sebagainya itu, oleh kerana itu saya akan kumpulkan itu dan saya akan jadikan sebahagian daripada ucapan saya untuk pihak menteri menjawab.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada tiga orang yang bangun, Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Kinabatangan, Cameron Highlands dan Kuala Krau. Yang Berhormat hendak bagi jalan?

Datuk Haji Hasan bin Malek: Ha, okeylah.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Eh, yang mana ini?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Dia bagi sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Kinabatangan sila. Yang lain duduk.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Yang Berhormat bagi Cameron Highlands sudah keluar TV semalam. *[Ketawa]* Yang Berhormat, saya setuju dengan rakan saya, Yang Berhormat bagi Jasin. Saya ingat sudah tiba masanya dan saya minta Yang Berhormat bukan sahaja mengambil sebahagian ucapan ini tetapi mengusulkan sesuatu yang lebih konkrit dan yang lebih komprehensif untuk memastikan bahawa sistem pendidikan negara kita ini sentiasa boleh dipertegakkan. Kita berdiri mengatakan memperkasa sekolah kebangsaan tetapi semuanya seperti “melepas batuk di tangga”, retorik semata-mata.

Bagaimana masyarakat atau rakyat Malaysia sendiri tidak menghormati dasar yang sedia ada sebab mungkin tidak ada keperkasannya di dalam sistem kita itu sendiri dan implementasinya mungkin tidak dapat direalisasikan secara lebih mutlak dan total. Justeru itu Yang Berhormat harus mencadangkan sesuatu sebab kadang-kadang kita masih terdengar dan berhadapan dengan masalah yang remeh-temeh iaitu dasar kerajaan memberi pendidikan sepanjang hayat dan sehingga kita melaksanakan satu sistem ataupun akta bahawa mengenakan tindakan kepada ibu bapa yang tidak menyekolahkan anak-anak mereka.

Tetapi apa yang berlaku pada hari ini, anak-anak yang telah bersekolah tidak boleh membayar yuran sekolah, guru besar dan guru kelas dia pula memberi notis surat bahawa kamu tidak boleh turun ke sekolah selagi belum bayar yuran. Apa sudah jadi pada hari ini? Pendidikan apa yang kita mahu bicara pada hari ini? Dan masalahnya kes ini berlaku bukan satu, dua orang tetapi berpuluh orang dan wakil rakyat jadi mangsa mereka, minta disuruh membayar. Kenapa guru besar dan guru-guru tidak menyelidik latar belakang pelajar ini, apa masalah dia tidak boleh membayar? Mungkin dia orang miskin, tidak mampu.

Kenapa tidak dicadangkan? Kita banyak peruntukan yang diberi oleh kementerian. Bermakna guru-guru harus di regulasi akan minda mereka bahawa dasar kerajaan jelas, kita tidak mahu menidakkan dan menafikan mana-mana anak-anak yang bersekolah tidak bayar yuran apa-apa ditanggung persekolahan mereka dan kalau ini berlaku, guru-guru tersebut harus diambil tindakan. Minta komen Yang Berhormat.

Datuk Haji Hasan bin Malek: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, minta tambah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Datuk Haji Hasan bin Malek: Yang Berhormat bagi Kuala Pilah, minta tambah sedikit apa yang disampaikan oleh sahabat saya, Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Datuk Haji Hasan bin Malek: Okaylah, boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Kerana kita selama ini bercakap bahawa kita dapat menyediakan pelajaran percuma kepada anak kita. Tetapi kita tengok yang baru-baru ini, di awal tahun semasa pembukaan sekolah, ada sekolah mengenakan yuran dan juga bayaran yang harus dikenakan untuk dia memasuki sekolah ini sampai RM700 , RM800. Hendak masuk Shah Alam di Putrajaya, RM900. Ini apa? Masuk sekolah menengah. Masuk tingkatan satu hendak dibayar yuran, uniform, itulah, ini, PIBG punya yuran, PIBG punya syarat, kelas komputer, yang ini ,sukan, tuisyen, RM900 lebih. Bagaimana orang-orang kampung boleh mampu? Ini yang menjadi masalah persoalannya. *How to* selesai, Yang Berhormat bagi Kuala Pilah? Terima kasih.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Datuk Haji Hasan bin Malek: Tuan Yang di-Pertua, komen saya dan jawapan saya mudah. Kita akan serahkan kepada Yang Berhormat Menteri kerana ini melibatkan soal dasar dan sebagainya dan saya akan sentuh nanti soal pelaksanaan dasar ini.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Cameron Highlands.

Datuk Haji Hasan bin Malek: Jadi terima kasihlah kepada.... Saya bukan tidak hendak bagi kepada Yang Berhormat bagi Cameron Highlands ini tetapi malam tadi dia sudah bercakap banyak baik tentang soal perkasaan sekolah kebangsaan.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Saya terpanggil, Tuan Yang di-Pertua, untuk sama-sama sajikan pandangan, minta tolong.

Datuk Haji Hasan bin Malek: Kita...

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Tidak boleh bagi kah, Yang Berhormat?

Datuk Haji Hasan bin Malek: Ini panjang ini, Yang Berhormat.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Sekejap, sekejap.

Datuk Haji Hasan bin Malek: Okey.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Okey, terima kasih.

Datuk Haji Hasan bin Malek: Tuan Yang di-Pertua, kesaksamaan *gender*.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Oh, tidak bagi. [*Ketawa*]

Datuk Haji Hasan bin Malek: Untuk mencapai pembangunan sosial, ekonomi dan politik yang menyeluruh dan seimbang, usaha-usaha untuk mencapai kesaksamaan *gender* dan memperkasakan wanita perlu ditingkatkan. Asas kepada usaha ini ialah pendidikan bagi kanak-kanak perempuan.

Pada hari ini, kadar pendaftaran kanak-kanak perempuan di negara ini adalah menyamai atau lebih daripada kanak-kanak lelaki pada semua peringkat persekolahan. Kaum wanita di negara ini telah mendapat manfaat daripada perubahan yang berlaku dalam taburan pekerjaan mengikut sektor bilangan yang terlibat dalam guna tenaga sektor moden kian meningkat.

Bilangan wanita yang meninggalkan kerja di sektor pertanian untuk bekerja di sektor pembuatan telah meningkat. Peningkatan ini paling ketara semasa sektor pembuatan berkembang dengan pesatnya pada tahun 1980-an. Sungguhpun bilangan penduduk wanita Malaysia yang berumur antara 15 ke 64 tahun adalah seramai 74 juta, hanya 47% merupakan tenaga buruh wanita.

Penyertaan wanita dalam tenaga buruh yang semakin meningkat, memerlukan mereka untuk lebih cekap mengimbangkan tanggungjawab antara keluarga dan tempat kerja. Dalam konteks ini saya menyeru semua pihak supaya secara serius melaksanakan beberapa perkara yang dapat membantu kaum wanita mengoptimumkan peranan dan produktiviti mereka seperti waktu kerja yang anjal, kemudahan pusat jagaan kanak-kanak yang selamat dan berkualiti tinggi serta kemudahan *teleworking* atau lebih dikenali hari ini dengan nama virtual *office* iaitu pejabat maya. Pada masa yang sama saya berharap agar *the glass ceiling* yang mengehadkan peluang wanita daripada meningkat ke jawatan pengurusan dan profesional yang lebih tinggi dihapuskan. Sebagai contoh, baru-baru ini Kerajaan Negeri Johor, telah melantik seorang wanita untuk menyandang jawatan sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri, tahniah kepada Johor dan juga Polis Diraja Malaysia telah mengambil langkah berani melantik seorang wanita sebagai Ketua Trafik Pasukan Bukit Aman. Saya juga berharap agar peluang pendidikan dan latihan vokasional untuk wanita perlu ditingkatkan bagi menggalakkan penyertaan mereka dalam bidang pekerjaan yang memberi tangga gaji yang lebih tinggi dalam semua sektor. Di samping itu, usaha-

usaha perlu ditambah bagi menyediakan kemudahan kredit dan maklumat pasaran untuk membolehkan wanita yang berniaga memajukan lagi perniagaan mereka. Penyertaan wanita dalam proses membuat keputusan politik, dapat memastikan bahawa ketidaksaksamaan yang mereka sudah hadapi.....

Dr. Rozaidah binti Talib: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sebelah bangun.

Datuk Haji Hasan bin Malek: Sekejap, saya habiskan sedikit, nanti saya boleh bagi dia....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mungkin dia hendak tanya jawatan wanita juga.

Datuk Haji Hasan bin Malek: Itulah kita....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, adakah kemungkinan wakil rakyat Kuala Pilah akan diganti oleh wanita?

[Ketawa]

Datuk Haji Hasan bin Malek: Itu terpulang kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Datuk Haji Hasan bin Malek: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Penyertaan wanita dalam proses membuat keputusan politik dapat memastikan bahawa ketidaksamaan yang mereka hadapi dapat dihapuskan. Semenjak negara mencapai kemerdekaan bilangan calon wanita yang menduduki badan yang membuat keputusan politik, telah meningkat secara sederhana. Tetapi pada relatifnya adalah masih rendah. Pada tahun 1990, hanya 5% daripada ahli Parlimen adalah wanita. Bilangan ini berganda kepada 10% pada tahun 2004. Saya yakin lebih ramai wanita menjadi ahli Dewan yang mulia ini. Ia adalah lebih baik, bukan sahaja dari segi kesaksamaan gender, tetapi lebih penting lagi, ia adalah baik untuk politik Malaysia.

Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin: *[Bangun]*

Dr. Rozaidah binti Talib: *[Bangun]*

Puan Chong Eng: *[Bangun]*

Cik Fong Po Kuan: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Papar, Ampang, Bukit Mertajam, Batu Gajah. Empat wanita bangun.

Datuk Haji Hasan bin Malek: Yang Berhormat bagi Ampang dahulu Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Rozaidah binti Talib: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Pilah yang cukup prihatin terhadap isu wanita. Yang Berhormat ada menyebut bahawa wanita di pasaran kerja semakin bertambah, itu memang betul, tetapi sedarkah Yang Berhormat bahawa ada 47 hingga 48% wanita di dalam umur bekerja, tetapi menurut laporan Malaysia ke-8 hanya 1/3 sahaja tenaga buruh sebenarnya terdiri daripada wanita, itu satu. Yang keduanya saya baru sahaja balik daripada Forum yang mengetengahkan satu *survey* di mana wanita di antara umur 31-45 tahun adalah golongan wanita yang cukup tertekan dan cukup kecewa kerana untuk mengimbangi antara kerjaya dan rumah tangga. Bolehkah Yang Berhormat mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya lebih serius tentang isu penjagaan kanak-kanak di tempat kerja tentang *home office* iaitu bekerja dari rumah dan apakah yang kerajaan akan buat tentang *part time worker* dengan izin bekerja separuh masa dengan mendapat kelayakan ataupun *benefit* yang sama dengan bekerja sepenuh masa *full time employment* kerana saya mendapat tahu, bagi orang yang bekerja separuh masa, kebanyakan wanita terpaksa bekerja separuh masa. Mereka tidak mendapat ganjaran-ganjaran seperti orang yang bekerja sepenuh masa dan ini merupakan dilema wanita bekerja yang harus kerajaan mengambil perhatian serius, terima kasih.

Datuk Haji Hasan bin Malek: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan cadangan tadi iaitu tentang memperbaiki dari segi pusat jagaan kanak-kanak bagi mereka yang bekerja dan saya akan masukkan ini sebahagian daripada ucapan saya sebagai cadangan daripada Kuala Pilah untuk pihak yang berwajib.

Cik Fong Po Kuan: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Batu Gajah bangun.

Datuk Haji Hasan bin Malek: Ok, cubalah sekali ini...

Cik Fong Po Kuan: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Pilah. Memang kami di sini menyokong apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Pilah memperkasakan wanita dan juga *remove the ceiling* untuk kaum wanita. Tetapi apakah Yang Berhormat bagi Kuala Pilah sedar bahawa walaupun di Dewan Negara setakat 27 Februari tahun ini, 65 orang senator, hanya 19 orang adalah wanita dan juga jawatan Menteri, walaupun ada 32 orang, hanya 3 orang adalah wanita, jawatan Timbalan

Menteri 39 orang hanya 3 orang adalah wanita dan juga jawatan lantikan bagi Ahli Majlis Bandar raya, 3143 orang hanya 361 adalah wanita. Walaupun di IPTA, 17 IPTA, ada 189 ribu adalah wanita daripada 309 ratus ribu. Jadi mengapakah walaupun kita ada graduan wanita yang begitu ramai, tetapi memegang jawatan lantikan pun di dalam jabatan-jabatan, di dalam kabinet, di dalam Dewan Negara Dewan Parlimen ini juga begitu rendah. Apakah Yang Berhormat Kuala Pilah akan menyeru Barisan Nasional memimpin melalui teladan, memulakan dari Parti sendiri bagi jawatan-jawatan wanita, jawatan-jawatan ini dipertingkatkan dengan menambahkan lagi wanita.

Datuk Haji Hasan bin Malek: Tuan Yang di-Pertua, kita hendak menambah wanita ini bukan sahaja dalam soal gender, tetapi juga dari segi kualiti wanita yang kita tonjolkan. Jadi oleh kerana itu, ini juga penting dalam memastikan keadaan pengurusan, keadaan pentadbiran negara tadi tidak terjejas. Jadi...

Cik Fong Po Kuan: Mohon penjelasan Yang Berhormat bagi Kuala Pilah. Apakah Yang Berhormat dimaksudkan dengan disebalik kualiti wanita...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kuala Pilah belum duduk lagi.....

Cik Fong Po Kuan: kualiti di sebalik wanita. Saya ingin pohon penjelasan. Tadi Yang Berhormat begitu hebat sekali menyatakan perlu perkasakan wanita, tadi saya sudah beri angka-angka graduan di IPTA lebih wanita daripada lelaki. Jadi apa kualiti yang ingin Yang Berhormat sampaikan, maksud Yang Berhormat.

Datuk Haji Hasan bin Malek: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perkara ini adalah dalam keadaan penambahbaikan yang selalu disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Dari semasa ke semasa keadaan makin lama makin baik, makin lama makin cemerlang, gemilang dan Insya-Allah terbilang. Jadi apa yang kita harapkan seperti yang saya selalu sebutkan ialah Bandar Roma tidak dibina satu hari. Jadi ada masa, ada peningkatan. Kita tidak dapat nafikan keadaan ini. Angkanya daripada dahulu hingga sekarang bertambah-tambah. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin untuk meneruskan....

Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin: *[Bangun]*

Puan Chong Eng: *[Bangun]*

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Bangun]*

Cik Tan Lian Hoe: *[Bangun]*

Tuan Razali bin Ibrahim: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada ramai yang bangun.

Datuk Haji Hasan bin Malek: Saya ingat..... soal wanita saya bagi Yang Berhormat bagi Muar Yang Berhormat,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Muar, baik.

Tuan Razali bin Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Pilah.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Razali bin Ibrahim: Sabarlah, kita hendak tolong ini. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat bagi Kuala Pilah dalam mengenengahkan pandangan beliau. Beliau juga memberi pemerhatian kepada kaum wanita. Saya hendak bertanya beberapa soalan di sini. Apakah Yang Berhormat mempunyai pengalaman atau pengetahuan, apakah kedudukan latar belakang kepimpinan wanita yang ada di dalam negara kita ini dari struktur keluarganya kerana kita tahu juga Kementerian Kerajaan ingin memupuk semangat keluargaku rumahku dan sebagainya, dan apakah kesan kepada ini kita melihat terdapat golongan profesional wanita yang tidak berkahwin sehingga umur yang terlalu lanjut. Kerana....

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Razali bin Ibrahim: Diamlah, I say man.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Duduklah Yang Berhormat.

Tuan Razali bin Ibrahim: Kerana kita perlu membangunkan negara kita dalam keadaan yang seimbang dalam kita mengejar kualiti pentadbiran kepimpinan. Saya bersetuju peringkat awal dengan kenyataan Yang Berhormat memang golongan wanita di peringkat IPT, di peringkat sekolah, di peringkat pekerjaan dan golongan profesional begitu ramai. Tetapi apakah pandangan Yang Berhormat tentang pembentukan keluarga yang juga menjadi keutamaan kerajaan terima kasih.

Datuk Haji Hasan bin Malek: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya ingat usaha-usaha sekarang ini sedang giat dijalankan khususnya melalui Kementerian Pembangunan Wanita dalam pada dalam memberikan kemudahan, rangsangan, sokongan untuk mereka ini meningkat di lapangan yang mereka berminat.

Begitu juga dari segi kemudahan-kemudahan, latihan-latihan ataupun rawatan untuk anak-anak mereka dan bagi mereka yang bekerja mempunyai pusat latihan untuk anak mereka. Jadi tidak mengganggu pekerjaan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Bukit Mertajam, Papar, Bukit Gantang, Seputeh ...

Datuk Haji Hassan bin Malek [Kuala Pilah]: Saya ingat saya ada beberapa ...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ha, minta laluan sikit Kuala Pilah. Kuala Pilah, minta laluan sikit, saya nak tambah sikit, terima kasih.

Datuk Haji Hassan bin Malek [Kuala Pilah]: Okey.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sebab wanita pun berebut-rebut sesama mereka, mereka tidak boleh putuskan siapa yang hendak bercakap. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat tertarik dengan hujah Yang Berhormat mengatakan memang tempat untuk wanita perlu dipertingkatkan lagi. Walaupun telah diberi peluang dalam Dewan Undangan Negeri, di Parlimen dan jawatan-jawatan penting termasuk yang baru dilantik, pengerusi SC, *Security Commission* yang terbaru di negara kita.

Tetapi Yang Berhormat, mungkin Yang Berhormat bersetuju kadang-kadang ada juga wanita yang tidak begitu berminat memegang sesuatu jawatan yang boleh dilihat sebagai menimbulkan kesulitan kepada mereka. Jadi apakah Yang Berhormat bersetuju, tidak semua jawatan untuk wanita yang boleh diisi tanpa kita memikirkan keadaan '*environment*' dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Contoh saya beri di sini, Ketua Kampung lah katakan, jawatan Pengerusi Jawatankuasa atau JKKK sebagai satu badan kerajaan yang paling hampir dengan masyarakat di desa, di kampung.

Jadi mungkin dalam hal ini, saya rasa Yang Berhormat, bahawa apa telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melantik wanita menerajui Kementerian Permohonan, ini bukanlah nak angkat, ini sebagai realiti di mana kita lihat kalangan wanita terutamanya IT ataupun ibu tunggal telah banyak dapat dibela nasib mereka. Selain daripada apa yang telah Yang Berhormat bagi pandangan tadi, soal *nursery* dengan izin, yang perlu diwujudkan di kilang-kilang walaupun itulah yang kita suarakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudahlah Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sikit lagi Tuan Yang di-Pertua dengan izin, walaupun itu telah berulang kali kita seru, kita minta pada Kementerian Sumber Manusia kalau boleh birokrasi ini dihapuskan, dikurangkan supaya masalah wanita dilihat dengan lebih realiti dan ketelusan. Apa pandangan Yang Berhormat dalam hal ini? Terima kasih.

Datuk Haji Hassan bin Malek [Kuala Pilah]: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetujulah dengan pandangan tadi, apa yang disebutkan tadi kerana '*voice men think wise*', jadi pendapat itu setujulah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, depan ada tiga Ahli Yang Berhormat mahu minta laluan.

Datuk Haji Hassan bin Malek [Kuala Pilah]: Saya ingat saya minta maaf lah ya, nampaknya wanita, patut dulu disuarakan, bukan wakil bila isu timbul barulah hari ini hendak berdiri, hendak bersuara dan sebagainya. Sepatutnya lama sudah bercakap dah.

Beberapa Ahli membuat bising.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Beri peluanglah.

Datuk Haji Hassan bin Malek [Kuala Pilah]: Tak apalah Tuan Yang di-Pertua, saya nak pergi kepada tajuk yang lain.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat Kuala Pilah, kalau nak bincang, kalau serius dengan perkara wanita, tentulah beri peluang kepada kami untuk terus berbincang.

Datuk Haji Hassan bin Malek [Kuala Pilah]: Esok boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bukan tak ada masa.

Datuk Haji Hassan bin Malek [Kuala Pilah]: Tuan Yang di-Pertua, dari segi perkongsian global.

Puan Chong Eng: Ataupun dia takut nak debat.

Datuk Haji Hassan bin Malek: Malaysia telah beralih daripada negara penerima dengan izin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Esok, esok Yang Berhormat boleh berucaplah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Memang kita tahulah.

Datuk Haji Hassan bin Malek [Kuala Pilah]: Dengan izin *official development assistance* kepada negara rakan kongsi antarabangsa.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kalau bolehlah dia beri peluang untuk sekarang kita terus berbincang, Yang Berhormat.

Datuk Haji Hassan bin Malek [Kuala Pilah]: Ini berikutan dengan berubahnya kedudukan negara daripada menjadi pengeluar komoditi utama kepada menjadi pembekal barangan pembuatan berteknologi tinggi.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Ketawa]*. Dia lari.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudahlah, tak ada larilah Yang Berhormat.

Datuk Haji Hassan bin Malek [Kuala Pilah]: Sekarang ini kita sedang menuju malahan telah pun berada dalam era ekonomi yang berasaskan pengetahuan ataupun K-Ekonomi.

Kita telah sekian lama melancarkan program kerjasama secara sederhana dengan negara-negara membangun lain iaitu melalui Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP), program tersebut dibentuk untuk membantu negara-negara membangun dan terutamanya negara-negara yang kurang membangun supaya berkongsi pengalaman dan kepakaran mengenai pencapaian pembangunan di Malaysia. Dengan cara itu, Malaysia telah memainkan peranan penting dari segi menyumbang kepada pekongsi global untuk mencapai pembangunan.

Pada masa yang sama kita mengamalkan ekonomi terbuka. Ini dicerminkan oleh aliran perdagangan dan pelaburan negara dan dalam sistem kewangan kita. Kita telah meliberalisasikan secara berterusan perdagangan kita dengan mengurangkan struktur tarif yang dilaksanakan secara beransur-ansur untuk meningkatkan aliran barangan dan perkhidmatan secara bebas bagi merangsang perdagangan antarabangsa. Ini juga telah mengambil bahagian dalam perundingan dengan pertubuhan pelbagai hala seperti Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Perdagangan dan Pembangunan (UNCTAD) dan Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO).

Langkah-langkah ini telah memberi kesan positif terhadap pertumbuhan Malaysia seperti peningkatan aliran modal swasta asing ke dalam negara iaitu pelaburan asing secara langsung ataupun FDI, pinjaman pasaran dan portfolio pelaburan ekuiti. Kita juga telah memupuk kerjasama antarabangsa dan dialog di peringkat dua hala, serantau dan pelbagai hala. Dan bagi menggalakkan semangat berdikari dan bekerjasama di bawah rangka kerjasama negara-negara selatan dan dengan izin, *Technical Corporation among Development Countries (TCDC)*.

Malaysia menyertai secara aktif dalam kumpulan organisasi serantau seperti ASEAN dan APEC bagi meningkatkan perdagangan serantau, ruang pelaburan dan rangkaian pengeluaran serta memperluaskan kerjasama kewangan dan perindustrian. Perindustrian hasil penting dari kerjasama ASEAN ialah perwujudan kawasan perdagangan bebas cukai ASEAN di mana rejim tarif sedang diliberalisasikan secara berterusan.

Satu lagi inisiatif untuk menggalakkan pembangunan ialah melalui penyertaan dalam pembangunan pertumbuhan tiga segi seperti kumpulan pertumbuhan segi tiga Indonesia, Malaysia, Singapura (IMSGT) pertumbuhan segi tiga Indonesia, Malaysia, negara Thai (IMT-GT) dan pertumbuhan segi tiga ASEAN Timur Brunei Darul Salam, Indonesia, Malaysia, Filipina (BIMP-EAGA). Pendekatan ini memberi peluang untuk negara-negara ahli membangun, membangunkan kawasan sempadan secara kerjasama bagi mencapai pertumbuhan yang lebih tinggi.

Kita juga berbangga kerana konsep perundingan seperti Dialog Langkawi kini telah mula ditiru oleh wilayah-wilayah lain di dunia. Saya berharap Malaysia akan terus memainkan peranan yang konstruktif di pentas antarabangsa. Pada masa yang sama saya berharap usaha-usaha diteruskan untuk mempertahankan kepentingan Malaysia seperti melindungi kelangsungan *survival* syarikat-syarikat dan perusahaan-perusahaan tempatan.

Di samping itu Dewan yang mulia ini, perlu memainkan peranan yang lebih aktif dalam membantu kerajaan meningkatkan kerjasama pada peringkat berbagai hala untuk merangsang kerjasama pembangunan dan juga untuk mengutarakan pandangannya terhadap isu-isu global seperti kesan globalisasi ke atas negara-negara membangun, pembangunan mapan dan perdagangan antarabangsa.

Saya juga menyeru Dewan yang mulia ini untuk lebih aktif menyokong langkah-langkah Malaysia yang pada hari ini memainkan peranan yang unik lagi bersejarah di persada global iaitu dengan pada satu masa yang sama mengetuai tiga organisasi antarabangsa yang amat penting iaitu Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) dan ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua, faktor utama kejayaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Pasir Mas.

Datuk Haji Hassan bin Malek [Kuala Pilah]: Baiklah Pasir Mas.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Saya perhatikan ucapan yang telah disampaikan sekejap tadi berhubung dengan perdagangan antarabangsa melibatkan Malaysia dan negara-negara jiran, Malaysia dengan negara-negara sedunia secara globalnya. Dan disebut bahawa kita mempunyai tiga rangkaian penting di antaranya dengan OIC.

Saya melihat Malaysia tidak aktif sebenarnya. Saya menyokong dan saya mengucapkan tahniah bagaimana Malaysia dapat memimpin sebagai Pengerusi negara OIC. Tinggal lagi Malaysia tidak mengambil kesempatan daripada hubungan baik dengan negara OIC sekejap tadi. Dan kita tahu bahawa negara OIC ini, Kuwait, Arab Saudi, Emirah dan negara lain terdiri daripada negara kaya dunia yang memiliki saham luar negara berbilion dan sebagainya. Tetapi malangnya negara kita tidak berusaha ke arah itu sebabnya kita lebih banyak ke arah politik, itu pun tidak berjaya sebenarnya.

Jadi kesempatan ini sepatutnya diambil sebagaimana perdagangan antarabangsa melalui negara Islam ini dapat dipertingkatkan dan dapat diperkemas apa lagi saya rasa setelah berlakunya pengeboman di US 11 September dahulu. Di mana negara-negara OIC negara Arab ini sedang mencari di mana tempat mereka untuk mereka laburkan wang mereka. Ke Thailand misalnya tidak munasabah. Ke Filipina juga tidak munasabah. Ke Singapore juga tidak munasabah. Tetapi mereka lebih memilih Singapore daripada kita. Mengapa? Sedangkan kita yang mengepalai pengerusi OIC. Datang ke sini dengan berjuta-juta peruntukan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Jadi soalan saya, apakah tindakan yang dilakukan oleh Malaysia sebagai negara yang kita sebut-sebutkan negara maju? Tidak tahulah saya negara majukah negara membangun. Saya tidak tahu Malaysia sekarang ini. Tadi saya dengar sebut negara membangun. Sekali-sekala negara maju. Jadi bagaimana negara maju dengan negara membangun berada sekali. Dia mesti ada satu-satu, membangun ataupun maju.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat cukup.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Jadi apakah tindakan jangka pendek dan jangka panjang yang telah dilakukan oleh Malaysia mengambil kesempatan 'intihazul fursah'. Tuan Yang di-Pertua, ini bahasa Arab. 'Intihazul fursah' maknanya mengambil kesempatan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudahlah Yang Berhormat. Cukuplah.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:daripada kita mengepalai negara ini. Kalau tidak wang negara lain ini akan pergi ke lain. Rugi kita. Biarlah saya ambil bagi sedikit.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, jangan ambil kesempatan berucap.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Memang Tuan Yang di-Pertua. Kesempatan ini kena ambil. Kalau tidak ambil kesempatan tidak adalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan sudah utara, cukup.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Tuan Yang di-Pertua, memang beginilah sikap mereka mengambil kesempatan dalam apa perkara sekalipun apa yang berlaku dalam negara kita ini.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: *[Bangun]*

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Jadi soalan itu saya fikir elok saya minta kepada pihak yang berkenaan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Puchong hendak jawab.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]:untuk.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Puchong hendak jawab.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]:untuk....

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payahlah.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Dia hendak bantu sayalah. Okay, bantu Yang Berhormat Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Okay. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat bagi Kuala Pilah telah membangkitkan ekonomi kita ialah ekonomi terbuka. Memang kita adalah sebuah negara yang mengamalkan konsep ekonomi terbuka. Tapi pada masa yang sama Yang Berhormat juga telah menyatakan bahawa kita terpaksa untuk melindungi kepentingan-kepentingan nasional industri yang

mempunyai kepentingan nasional. Adakah ini satu strategi yang lebih bercanggah di antara satu sama lain?

Pada masa yang sama kita hendak membuka ekonomi kita. Buka maksudnya orang boleh masuk negara kita, kita pun boleh masuk ke negara orang lain. Dan pada masa yang sama kita juga terpaksa melindungi industri-industri yang mempunyai kepentingan negara seperti industri kereta ataupun industri telekomunikasi dan saya pun tidak tahu ataupun apakah cadangan Yang Berhormat bagaimana kerajaan kita ini boleh mengimplementasikan dasar-dasar ini secara lebih efektif, pada masa yang sama tidak akan memberi kesan yang negatif kepada negara dalam masa jangka panjang yang akan datang ini. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada apa-apa pandangan berkenaan soalan Yang Berhormat bagi Puchong tadi. Saya akan serahkan kepada pihak yang berwajib untuk menjawabnya kerana ini melibatkan struktur perdagangan antarabangsa kita. Jadi minta maafah Yang Berhormat bagi Puchong.

Tuan Yang di-Pertua, faktor utama faktor-faktor kejayaan negara kita. Apakah faktor-faktor utama yang menjadi landasan kepada kisah kejayaan Malaysia 50 tahun ini. Terdapat tiga faktor utama. Tiga faktor tersebut ialah perpaduan rakyat, kestabilan politik dan pentadbiran yang berkesinambungan. Ini ditambah pula dengan hala tuju negara yang tetap dan tidak berubah serta usaha-usaha penambahbaikan yang konsisten dan berterusan. Sebab itu adalah menjadi tanggungjawab kita semua terutama Dewan yang mulia ini supaya perpaduan rakyat yang sedia ada ini dikekalkan dan dipertingkatkan kerana itu semua unsur-unsur yang boleh memecahbelahkan rakyat seperti faham budaya dan cara hidup yang sempit mesti dimatikan.

Kestabilan politik yang dinikmati hari ini mesti dipertahankan kerana itu sebarang usaha untuk mengimport mana-mana ideologi politik asing atau alasan agama atau menjadi proksi atau bayangan kepada politik di negara asing mesti dikalahkan. Manakala sistem urus tadbir yang telah terbukti berkesan yang diwakili oleh perkhidmatan awam hari ini perlu diteruskan dan diperbaiki dari masa ke semasa. Oleh itu, sebarang usaha untuk menggagalkan langkah-langkah seperti meningkatkan integriti, langkah-langkah untuk membasmi rasuah memperbaiki sistem penyampaian mesti dihapuskan.

Pembangunan Malaysia untuk 50 tahun akan datang. Tuan Yang di-Pertua, persidangan Dewan yang mulia ini pada kali ini adalah bersejarah sekali kerana pada 31 Mac insya-Allah ini nanti Perdana Menteri akan membentangkan Rancangan Malaysia Kesembilan. RMK-9 adalah rancangan yang amat strategik. Ia berada di fasa kedua Rancangan Jangka Panjang Ketiga 2001-2010. Ia juga merupakan fasa kedua Dasar Wawasan Negara dan di fasa kedua Pelan Induk Perindustrian kedua. Ia juga berada di fasa kedua Wawasan 2020, tetapi lebih strategik lagi RMK-9 adalah enjin negara menuju ke arah 50 tahun kedua Malaysia iaitu yang bermula pada tahun hadapan apabila kita genap merdeka selama 50 tahun.

Pembangunan modal insan Tuan Yang di-Pertua. Pembangunan modal insan merupakan salah satu agenda terpenting dalam pentadbiran Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi. Agenda tersebut digariskan dengan rasa keyakinan yang tidak berbelah bahagi bahawa kemajuan atau kemunduran sesebuah bangsa dan negara sebenarnya terletak kepada sejauh mana kemajuan atau kemunduran setiap warga dan diri insan itu sendiri. Agenda itu juga perlu ditafsirkan sebagai mesej tentang arah tuju pembangunan negara yang bukan dan tidak hanya tertumpu kepada kemajuan kebendaan, kemakmuran duniawi dan kekayaan materialisme semata-mata.

Jadi oleh kerana itu apabila pucuk pimpinan negara menjadikan modal insan sebagai agenda penting maknanya fokus pembangunan negara kita ialah kemajuan insaniah, kemakmuran budi, kematangan minda, kesucian jiwa. Selain itu, kita juga harus sedar bahawa modal insan tidak hanya terhad dan merujuk kepada kemahiran dan kelayakan akademik atau profesional semata-mata. Berkaitan dengan sesuatu bidang kerjaya semata-mata. Memang kemahiran dan kelayakan itu penting tetapi ia tidak terhenti di situ sahaja sebaliknya perlu diperkembangkan dengan lebih jauh lagi. Modal insan juga harus kita fahami dalam konteks yang bersepadu dengan menggabungkan aspek-aspek mental, fizikal, *spiritual* dan emosi.

Sebagai tanda komitmen terhadap pembangunan modal insan Bajet 2006 yang merupakan tahun pertama pelaksanaan RMK-9 telah menjadikan pembangunan modal insan salah satu daripada empat strategi Bajet 2006 dengan memperuntukkan sejumlah RM5 bilion bagi perbelanjaan pembangunan pelajaran dan latihan termasuk RM1.3 bilion untuk pendidikan prasekolah, sekolah rendah, menengah dan matrikulasi. Manakala RM1.4 bilion untuk latihan serta RM1 bilion untuk ICT pembangunan

kurikulum, asrama dan rumah guru. Bajet yang besar ini tidak termasuk bidang pengajian tinggi yang juga peruntukan jumlahnya lebih daripada RM10 bilion. Tumpuan RMK-9 perlu juga dirangka terhadap aspek latihan, kemahiran dan kepakaran teknikal termasuklah kemudahan yang lebih baik daripada sekolah teknikal, vokasional, dan latihan kemahiran.

Selain itu latihan perdagangan dan industri yang dilaksanakan juga diharap dapat dikembangkan di institut kemahiran MARA, pusat giat MARA, institut kemahiran belia negara, institut latihan perindustrian dan pusat latihan teknologi tinggi. Saya ingin membahaskan dua komponen strategik itu dalam pembinaan modal insan iaitu pekerja berilmu dan pembangunan belia.

Saya mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana dalam RMK-8 untuk pertama kalinya dalam sejarah Rancangan Lima Tahun Malaysia telah diadakan satu bab yang khusus untuk k-ekonomi dan terdapat sejumlah langkah-langkah yang bernas untuk membina pekerja berilmu dan saya yakin dan percaya kupasan yang lebih luas dan mendalam perkara ini akan didapati dalam RMK-9. Pekerja berilmu adalah mereka yang kaya dengan inovasi, mereka adalah *innovators*, mereka kaya dengan kreativiti, mereka adalah pereka cipta, *designers* dan mereka bijak mencari pasaran, mereka adalah pemasar, *marketers* bagi barangan-barangan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang dikeluarkan oleh negara dan rakyat.

Mereka juga adalah strategis, *executive* dan pakar IT yang idea-idea mereka adalah umpama bahan bakar bagi kejayaan kita. Negara dan rakyat kita semua akan semakin hari semakin bergantung kepada mereka berbanding dengan pekerja-pekerja lain. Kita akan berbelanja lebih besar untuk mengeluarkan mereka daripada pusat-pusat pendidikan dan latihan kita. Kita akan membayar gaji yang lebih tinggi lagi kepada mereka. Persoalannya ialah adakah mereka sedang dan akan memberikan prestasi yang terbaik?

Saya menanyakan soalan ini kerana berdasarkan pengalaman masa lalu termasuk pengalaman daripada negara-negara lain. Lazimnya prestasi mereka menjadi tidak yang terbaik atau tidak optimum bukan kerana salah mereka tetapi adalah kerana kelemahan pada pemimpin dan ketua mereka. Ini berlaku kerana pemimpin dan ketua organisasi atau syarikat tempat mereka bekerja gagal memaksimumkan produktiviti para pekerja berilmu ini.

Ini kerana mereka menggunakan teknik-teknik kepimpinan dan pengurusan yang tidak sesuai dengan cita rasa dan imaginasi para pekerja berilmu tersebut. Kita harus sedar bahawa pekerja berilmu mempunyai motivasi, sikap dan keperluan autonomi yang amat berbeza dengan pekerja-pekerja lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tangga Batu

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Kerana itu mereka memerlukan iklim dan budaya tempat kerja dan teknik-teknik pengurusan yang amat berbeza. Saya berharap RMK-9 akan bersedia dengan langkah-langkah menyediakan iklim dan budaya kerja serta teknik-teknik pimpinan dan pengurusan yang konduksi bagi menjana produktiviti yang lebih tinggi daripada para pekerja berilmu kita. Hah, Tangga Batu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Pilah. Yang Berhormat bagi Kuala Pilah menyebut tentang betapa pentingnya ilmu. Yang Berhormat mengaitkan ilmu tadi dengan pendekatan produktiviti, kaedahnya ialah menggunakan daya kreativiti dan juga daya inovasi. Yang Berhormat menyebut tentang ciptaan dan rekaan-rekaan baru ke arah pendekatan produktiviti dan juga mengurangkan pembaziran.

Saya hendak minta Yang Berhormat komen tentang apakah kedudukan negara kita pada hari ini tentang memanfaatkan daya kreativiti masyarakat pekerja negara kita. Ataupun bolehkah Yang Berhormat bersetuju dengan saya sehingga ke hari ini, belum ada lagi suatu inisiatif yang benar-benar boleh meletakkan negara ini di suatu kedudukan yang boleh dibanggakan tentang inovasi ini, tentang daya kreativiti ini. Mungkin ada tetapi ia lebih berbentuk kepada imitasi, *imitation*, tiruan, ataupun palsu, berbanding dengan negara-negara lain di dunia seperti Jepun, Korea, Amerika umpamanya. Mereka mempunyai satu daya kreativiti yang *genuine* yang meletakkan hak cipta mereka itu dihormati sampai bila-bila. Yang Berhormat bagi Kuala Pilah, saya mungkin ingin meletakkan kepentingan ataupun berkaitan dengan kaum di negara kita. Umpamanya masyarakat berbangsa Tionghoa dan berbangsa India

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tangga Batu, apakah soalan...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ini hendak tengok kerana orang Cina di Korea lebih menunjukkan mereka lebih berupaya di dalam mempamerkan kreativiti mereka. Saya juga hendak kaitkan orang Cina di Malaysia tentang daya

keaktiviti dan inovasi mereka tidak boleh bersaing dengan daya kreativiti dan inovasi orang Cina di Jepun dan Korea.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini semua untuk bahan ucapan bukan persoalan.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ya, pasal kita menceritakan tentang ilmu, kita menceritakan tentang bagaimana ilmu tadi boleh melahirkan masyarakat yang boleh dihormati, Yang di-Pertua. Jadi, saya hendak minta pandangan, Yang Berhormat bagi Kuala Pilah, tentang mungkin orang-orang Tionghoa di negara kita boleh dihormati di dalam perniagaan perdagangan tetapi bagaimana pula sumbangan mereka ke arah mempertingkatkan lagi daya kreativiti dan inovasi. Itu yang saya hendak minta Yang Berhormat bagi Kuala Pilah komen, bagaimanakah hasilnya ketika Rancangan Malaysia Kelapan dan bagaimana pula kita mengunjurkan untuk Rancangan Malaysia Kesembilan ini. Boleh Yang Berhormat bagi Kuala Pilah. Ini tidak ada apa-apa Tuan Yang di-Pertua, ini saja hendak tengok macam mana kedudukan kita pada hari ini.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetujulah dengan pandangan Tangga Batu tentang keadaan dari segi pekerja kita, negara kita pada hari ini dan inilah sebenarnya kita beri tekankan iaitu untuk membangunkan pekerja itu untuk dijadikan sebagai pekerja-pekerja yang berilmu sebagaimana yang saya sebutkan tadi. Inilah sebenarnya hasrat kita kerana kita hendak bertanding dengan negara-negara yang maju yang lain. Seperti yang disebutkan tadi orang Cina dan sebagainya. Ini Insya-Allah akan dilakukan terutamanya di dalam rancangan-rancangan yang akan dimasukkan dalam RMK-9 nanti.

Dalam hal ini terdapat empat kategori fungsi dan peranan pekerja berilmu iaitu:

- (i) transaksi;
- (ii) integrasi;
- (iii) pakar; dan
- (iv) kerjasama

Oleh yang demikian, para pemimpin dan ketua mereka perlu menguasai bagaimana untuk mengenal pasti kategori yang paling kritikal untuk organisasi dan asas syarikat masing-masing. Memilih ukuran-ukuran prestasi yang paling sesuai; menggunakan IT untuk menstrukturkan kerja-kerja yang berasaskan ilmu; memilih teknologi yang paling efektif untuk menyokong para pekerja; memahami nilai jaringan

sosial dan mengoptimumkan kegunaannya; dan membina iklim fizikal yang konduksi bagi memaksimumkan produktiviti. Dan, di Malaysia kita berada di dalam industri yang mana yang telah dibekalkan dengan modal insan dan pada akhirnya kita sepatutnya berjaya melahirkan warganegara yang lebih baik dari segi ilmu, sahsiah dan keperibadian.

Apabila modal insan ini dipulangkan kembali kepada masyarakat adalah diharapkan mereka akan dapat menjadi faktor pengganda di mana mereka dapat menyebarkan ilmu dan perkara yang dapat membawa kebaikan kepada masyarakat. Pembangunan belia, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kuala Terengganu.

Dato' Razali Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih, saya berasa amat berbesar hati apabila Kuala Pilah tadi menyebut cukup banyak tentang pekerja ilmu atau *k-worker*, *knowledge worker* ini, tetapi saya juga rasa gusar dalam suasana dan persekitaran dan prestasi semasa dengan *ranking* universiti kita yang dipersoalkan, dengan daya saing kita yang agak meleset, dengan keadaan *digital dividenya* yang begitu melebar dan membesar dari segi *accessibility*, dari segi kokurikulum sekolah yang terlalu amat menekankan kepada peperiksaan, tidak pula kepada kemahiran berfikir KBKK, Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif.

Pengajaran guru yang terlalu *teacher centric* tidak kepada *people centric*. Saya kira ini adalah merupakan kekangan-kekangan yang sedang dihadapi. Saya hendak tahu apa pandangan Yang Berhormat setelah muhasabah diri sebab dari awal tadi Yang Berhormat sebut berapa kali tentang konsep muhasabah diri, hisab diri kita. Dalam *stock taking* ini apakah persepsi Yang Berhormat tentang pencapaian *k-worker* ini dari segi realitinya, *let us face the reality* bukan sekadar bercakap dari segi konsep dan satu kata kunci yang agak besar-besar begitu sahaja. Apakah realiti semasa, sejauh mana pencapaian kita untuk melahirkan *k-worker* dalam konteks yang sebenarnya? Terima kasih.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya sebutkan tadi, kita dalam proses membangun. Dengan kadar proses pembangunan ini, terpaksa dimasukkan idea-idea baru ataupun matlamat-matlamat yang tertentu, khusus. Dahulu kita minta orang ramai datang untuk bekerja, mengeluarkan hasil. Tetapi yang ini kita mahu melahirkan pekerja berilmu,

yang apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu tadi, *knowledgeable workers*. Oleh kerana itu, penekanan yang diberikan, yang ditumpukan oleh Yang Berhormat Perdana Menteri soal modal insan ini adalah merupakan sebagai salah satu daripada usaha kita yang besar untuk melahirkan pekerja berilmu ini.

Realitinya memanglah hari ini dalam keadaan kita permulaan dan Insya-Allah, dengan dasar-dasar, pendekatan-pendekatan baru dan juga pengenalan-pengenalan ilmu-ilmu IT dan sebagainya ini Insya-Allah, kita akhirnya akan dapat berjaya melahirkan pekerja-pekerja berilmu yang saya sebutkan tadi.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, soal pembangunan belia. Belia adalah aset negara. Belia mempunyai peranan yang amat penting dan strategik dalam membangunkan negara dalam semua bidang, sama ada pendidikan, kemahiran, kesihatan, kecergasan, ekonomi, sosiobudaya, partipasi dan politik dan pada semua peringkat, sama ada di peringkat kampung dan tempat kerja, di daerah, di negeri dan juga di peringkat negara. Pembangunan belia melibatkan beberapa komponen utama. Ia bermula dengan kefahaman yang tepat tentang falsafah, matlamat dan strategi pembangunan belia itu sendiri. Ini diikuti dengan penggubalan dan pelaksanaan dasar-dasar dan program-program pembangunan belia, penubuhan dan perjalanan institusi-institusi dan organisasi-organisasi pembangunan belia, pendidikan dan latihan para pemimpin dan pengurus pembangunan belia serta penyaluran dan peruntukan kewangan untuk pembangunan belia. Di peringkat nasional, inisiatif.....

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Ketereh.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Saya hendak baru buka belia ini, hendak bagi pandangan. Baiklah Yang Berhormat bagi Ketereh, sila.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Pilah, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bagi Kuala Pilah adalah *authority* dalam bidang belia. Beliau adalah bekas pemimpin belia dan semalam saya tengok semasa pembukaan, pingat dia penuh. Pingat belia semua. Dia memang *authority* dan dikenali. Saudara Kuala Pilah memang kita tahu, satu Malaysia tahu bahawa dia tokoh belia. Yang saya hendak sebut di sini, mungkin Yang Berhormat akan sebut dalam ucapan.

Masalah yang kita hadapi sekarang ialah pemimpin belia yang ada hari ini, persatuan belia ini bukan lagi belia. Sudah jadi belia purba. No. Get name it, namakan

persatuan mana yang pemimpin belia ini bawah 40. Akta sudah ada, Menteri pun sudah suruh. Tetapi pemimpin-pemimpin belia masih yang tua-tua. Tidak hendak turun ini. Maafah saya sebut. MBOIC baik, MAKBI baik. MAKBI mungkin sudah tukar, yang besar-besar. Saya hairan kenapa. Kalau kita tidak buka ruang yang luas ini, sampai bila kita yang tua ini hendak jadi pemimpin. Dia tengok kita ini muda sahaja, dia terasa.

Padahalnya kita sudah tua. Saya sendiri umur 50, tidak layak pun memimpin belia. Sekarang ini pemimpin belia yang kita tengok umur 55, pemimpin belia apa? Aspirasi belia sudah tidak mereka fahami tetapi mereka masih *cling to the power*. *We have to change this* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta komen Yang Berhormat, Menteri Belia yang muda belia ini, mesti melaksanakan arahannya dan mesti dibuat dengan kadar segera sebab saya tengok kekecewaan di kalangan belia ialah bila tengok, "Jemput, dengan ini dipersilakan Yang Berhormat ataupun dipersilakan Datuk, Ketua Pengarah atau pemimpin belia persatuan". Dato' yang datang janggut pun putih, belia apa, memalukan pada sayalah. Baru-baru ini saya berjalan dekat kampung, jumpa dengan pemimpin-pemimpin belia. Saya kata kamu belia lagi? Ooh, belia. Jumpa ahli jawatankuasa, kamu belia lagi? Belia. Belia zaman bila ini? Zaman saya jadi Setiausaha Politik Menteri Belia tahun 1990, *16 years ago* memimpin. 16 tahun berperang.

Jadi saya hendak cadangkan kepada Yang Berhormat, kita mesti laksanakan segera peraturan ini dan kita mesti beri peluang kepada orang muda untuk belajar supaya mereka akhirnya boleh mengambil alih kepimpinan negara ini dengan kaedah dan cara yang baru. Terima kasih. Boleh setuju Yang Berhormat?

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, saya bersetujulah dan inilah dia beruntungnya kita mempunyai pemerintahan yang begitu adil, prihatin dan selalu mahu mendengar luahan rakyat, luahan belia dan sebagainya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Boleh saya.....

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Jadi ini sebenarnya sedang dalam proses berkenaan dengan umur tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sikit.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Saya ingat, saya apalah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sikit, saya hendak tambah sikit.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Ya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Hendak tambah atau hendak minta penjelasan?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Hendak minta penjelasanlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Okey.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Sila Yang Berhormat bagi Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih. Kita tahu bahawa Akta Belia ini akan dibentangkan di Parlimen, kemungkinan bulan lima, di mana di antara Akta Belia ini menjurus kepada umur yang disebutkan oleh sahabat saya, Yang Berhormat bagi Ketereh tadi, orang belia juga. Walaupun dia sekarang sudah tidak ada dalam belia, jiwa belia saya tahu. Satu lagi Yang Berhormat, di mana penekanan terhadap semua persatuan belia ini hendak diletakkan di bawah Kementerian Belia dan Sukan. Kalau hari ini mereka berdaftar dengan pendaftar pertubuhan di bawah kementerian yang lain supaya dapat Kementerian Belia dan Sukan meninjau, menyelaras segala bantuan, geran yang perlu hendak diberikan kepada berpuluh ribu persatuan belia yang ada dalam negara kita ini. Sebagaimana badan sukan yang hari ini telah diletakkan di bawah Pesuruhjaya Sukan yang khusus supaya badan-badan sukan ini mendaftar terus kepada Pesuruhjaya Sukan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya, ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apakah soalan?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Fasal belia, Akta Belia. Jadi apakah Yang Berhormat bersetuju supaya apabila Akta Belia yang dibentangkan ini mendapat persetujuan daripada semua badan-badan belia kerana saya dengar ada badan-badan belia yang tidak setuju sekiranya badan ini hendak diletakkan

di bawah Pesuruhjaya Belia yang akan dibuat di bawah Akta Belia yang dibentangkan ini. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, soalan daripada Yang Berhormat bagi Larut tadi akan saya jadikan soalan saya untuk pihak kementerian yang berkenaan memberi jawapan sebab saya tidak ada....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tunggu Menteri jawablah.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Harap Menteri jawablah.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Ya. Harap Menteri jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tidak payah jawab.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Ya. Terima kasih banyak Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya sebut tadi soal pembangunan belia di peringkat nasional, inisiatif-inisiatif pembangunan belia yang diterajui kerajaan, ditandai oleh contohnya penubuhan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) pada tahun 1994. Saya hendak cerita sedikit tentang sejarah belia ini. Penubuhan Majlis Perundingan Belia Negara pada tahun 1972, pelancaran Dasar Pembangunan Belia Negara pada tahun 1985, kemasukan bab khusus tentang belia dan pembangunan dalam Rancangan Malaysia yang kelima.

Di dalam rancangan lima tahun Malaysia, melalui Rancangan Malaysia Ketujuh, pelancaran Pelan Tindakan Pembangunan Belia Nasional pada tahun 2004 dan penggubalan Akta Belia 2006 yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Ketereh tadi. Insya-Allah, dalam proses untuk di bincang, yang akan dibentangkan di Parlimen ini nanti. Di samping itu, pembangunan belia juga dimasukkan dalam dasar-dasar kerajaan yang lebih luas seperti Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP 3) dan Dasar Wawasan Negara serta dalam dasar-dasar khusus lain seperti dasar-dasar berkenaan pendidikan, wanita, sukan dan sebagainya. Macam-macam dasar,. semuanya melibatkan belia.

Di samping itu, persatuan-persatuan belia dan gerakan belia di negara ini telah bermula lebih awal lagi. Ia menjadi satu gerakan kebangsaan sejak penubuhan sebuah badan induk belia yang mewakili belia kebangsaan iaitu Majlis Belia Malaysia pada 25 Julai 1948. Pada tahun 2008, pendudukan Malaysia ialah 23.3 juta, jumlah belia yang berumur 15 hingga 24 tahun ialah 4.4 juta iaitu 18.8% daripada jumlah penduduk

negara. Manakala, yang berumur 25 hingga 39 tahun ialah 5.4 juta ialah 23.3% daripada jumlah penduduk. Ini bermakna secara keseluruhannya belia yang berumur 15 hingga 39 tahun ialah berjumlah 9.8 juta iaitu 42% daripada jumlah penduduk. Dari segi peratusan dari jumlah penduduk, angka ini adalah lebih rendah daripada 42.2% pada tahun 1990. Pendudukan Malaysia dijangka meningkat kepada 28.9 juta pada tahun 2010. Pada tahun tersebut, jumlah belia yang berumur 15 hingga 39 tahun.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, panjang lagi?

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Panjang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Banyak lagi?

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Banyak lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh dululah Yang Berhormat rehat dan sambung 2.30 petang.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Terima kasih banyaklah atas simpati.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 ptg.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kuala Pilah sila sambung ucapan.

14.32 ptg

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya sambung. Penduduk Malaysia dijangka meningkat kepada 28.9 juta pada tahun 2010. Pada tahun tersebut jumlah belia yang berumur antara 15-39 tahun dijangka menjadi 11.8 juta atau 40.9% daripada jumlah penduduk iaitu kadar peratusan yang lebih rendah daripada tahun 2000. Meskipun kadar peratusnya bertambah rendah, tetapi dengan cabaran-cabaran yang bertambah, golongan belia tetap merupakan satu golongan dan tahap perkembangan yang amat penting dari segi pembangunan negara. Dasar pembangunan belia negara yang diluluskan kabinet sejak 1985, mengiktiraf generasi belia sebagai sumber terbesar dalam negara dan mereka berpotensi untuk menyumbang kepada pembangunan negara.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tanah Merah.

Datuk Haji Hasan bin Malek: Keupayaan menggembeleng tenaga belia akan menentukan kekuatan dan ketahanan pembangunan sosio-ekonomi dan politik negara. Matlamat dasar ini ialah mewujudkan belia Malaysia yang memilih peribadi yang bersepadu dari segi rohaniah, akhlah dan jasmaniah, bertanggungjawab, berdikari, semangat sukarela, patriotik serta menjadi penggerak kepada kemajuan dan kemakmuran bangsa, agama dan negara selaras dengan wawasan 2020. Yang Berhormat bagi Tanah Merah.

Ir. Shaari bin Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagaimana yang telah dimaklumkan tadi bahawa belia merupakan 40% daripada penduduk negara kita dan kita semua tahu bahawa belia merupakan aset yang penting kepada negara. Hari ini belia diasuh diberi tunjuk ajar, diberi rangsangan dan juga diberi bimbingan, contohnya melalui persatuan-persatuan belia yang sudah ada di dalam negara kita. Pelbagai persatuan di bawah Kementerian Belia dan Sukan yang ada dalam negara kita ini. Kita nampak ada persatuan belia yang di bawah belia gabungan, belia individu dan sebagainya. Hari ini kita tahu dasar kerajaan telah pun bersetuju untuk menghadkan umur di kalangan kepimpinan belia ke umur 40 tahun. Ini merupakan satu pendekatan,

satu pencapaian yang terbaik kerana belia yang ada di dalam persatuan, kita hendaklah asuh mereka ini kepada satu arah kepimpinan yang terbaik yang bakal mewarisi kepimpinan di dalam negara kita.

Tetapi, apa yang berlaku di kawasan saya. Di Parlimen Tanah Merah, ada akhir-akhir ini unsur-unsur di mana usaha untuk mendaftar belia purba sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Keterah tadi, yang mana ini sudah pasti akan menggugat kestabilan belia, akan mencemarkan nama belia, akan melupuskan kepimpinan baru yang mana sudah pasti akan mengkucar-kacirkan keadaan semasa. Hari ini belia yang ada di Tanah Merah, yang baru diusahakan atau pun yang baru untuk dikembangkan Belia MAYC. Saya tidak faham kenapa belia ini bertapak kembali sedangkan belia ini merupakan majlis yang mana di bawahnya ada beberapa persatuan belia yang mewakili majlis ini, tetapi kenapakah belia ini cuba untuk masuk ke kampung-kampung untuk menubuhkan cawangan yang mana anggota ahlinya terdiri daripada mereka yang berumur lebih daripada 40 tahun. Yang menjadi masalahnya dia cuba menjadikan cawangan-cawangan politik sebagai pangkalan. Ini sudah pasti akan.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cukup Yang Berhormat.

Ir. Shaari bin Hassan:..... menimbulkan masalah di dalam belia.

Tuan Yang di-Pertua: Penjelasan sahaja.

Ir. Shaari bin Hassan: Saya meminta Yang Berhormat bagi Kuala Pilah.....

Tuan Yang di-Pertua: Jangan berucap, penjelasan.

Ir. Shaari bin Hassan:..... supaya meminta kementerian menyiasat apa yang berlaku di kawasan saya ini, sekian terima kasih.

Datuk Haji Hasan bin Malek: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya akan jadikan itu sebagai soalan kepada Yang Berhormat Menteri untuk menjawab, terima kasih. Dari segi dasar belia Tuan Yang di-Pertua, kita tidak ada apa-apa masalah, yang kita ada masalah ialah dari segi pelaksanaan dasar tersebut yang masih belum memuaskan. Dari segi pelaksanaan kita berhadapan dengan tiga kekangan. Tiga kekangan tersebut ialah:

- (i) Dasar Belia ini masih dianggap umum sebagai dasar bagi Kementerian Belia dan Sukan, Majlis Belia Malaysia atau inisiatif-inisiatif lain yang mempunyai label belia. Ini berlaku di kalangan mereka yang mengetahui akan dasar tersebut sahaja. Jikalau

mereka yang tidak mengetahui akan kewujudannya, keadaannya adalah lebih menyedihkan.

- (ii) Masih belum terdapat fokus dan koordinasi yang secukupnya di antara pelbagai pihak yang terlibat dalam pelbagai inisiatif pembangunan belia di negara ini.
- (iii) Akibat kekangan pertama dan kedua tadi, maka berlaku banyak pertindihan dan perlumbaan dari segi program. Ini mengakibatkan berlaku banyak pembaziran sedangkan matlamat sebenar belum juga banyak tercapai. Rancangan pembangunan belia Tuan Yang di-Pertua.

Pada tahun 2004, Kerajaan Pusat telah melancarkan Pelan Tindakan Pembangunan Belia Nasional yang terdiri daripada 11 teras utama. Namun demikian, Pelan tindakan ini hanya menjurus kepada ruang lingkup port folio KBS dan JBS sahaja. Pada masa yang sama, sejak Rancangan Malaysia ketujuh telah wujud satu bab khas tentang belia, iaitu belia dan pembangunan. Tetapi sekali lagi, ia masih terhad kepada pembangunan belia di bawah KBS dan JBS sahaja tetapi pembangunan hanya melibatkan lebih daripada satu kementerian sahaja, kerana itulah di Negeri Sembilan sebagai contohnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Sembilan yang baru Dato' Seri Mohd Hassan telah mengarahkan supaya digubal sebuah rancangan pembangunan lima tahun untuk belia Negeri Sembilan. Bagi tahun 2006 dan 2010 yang lebih dikenali dengan RPBNS-1.

RPBNS-1 ini adalah Perancangan Pembangunan Belia Negeri Sembilan yang komprehensif untuk melahirkan belia yang bersepadu dari segi *spiritual, psychological, intellectual dan psychical*, berilmu dan berbudaya, berdikari, produktif, bersemangat sukarela dan berjasa kepada agama, bangsa, negeri dan negaranya.

Di samping Dasar Pembangunan Belia Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Nasional Malaysia mempunyai beberapa dasar lain yang turut menyentuh pembangunan belia. Contohnya ialah Dasar Pendidikan Kebangsaan, Dasar Wanita Negara, Dasar Kebudayaan Kebangsaan dan Dasar Sosial Negara. Semua dasar itu melibatkan belia tetapi malangnya kesemua dasar itu seperti tidak dikoordinasikan antara satu sama lain. Masing-masing di bawah Kementerian dan

Jabatan yang berlainan dan masing-masing-masing mempunyai pelan tindakan dan program masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Tangga Batu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Kuala Pilah. Saya tertarik sekali apabila Yang Berhormat Kuala Pilah menyebut tentang satu rancangan yang besar yang telah dibuat oleh kerajaan Negeri Sembilan tentang bagaimana boleh melahirkan satu generasi belia yang bersepadu dan seimbang dari pembangunan *spiritual* nya, emosi, rohani dan *intellect* sebentar tadi.

Yang Berhormat Kuala Pilah, dalam penjelasan Yang Berhormat sebentar tadi ada menyebut tentang salah satu daripada yang menyebabkan perancangan Belia Negara menjadi lesu adalah antaranya pertindihan dan saya lihat apa yang telah dirancang oleh Kerajaan Negeri Sembilan sebentar tadi juga merupakan apa yang telah digubal di dalam Dasar Belia Negara, satu ketika dahulu. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini? Adakah apa yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Sembilan ini merupakan *pre inventing another will*. Mungkin akan menambah satu lagi kaki yang menyebabkan perjalanan ke arah pembangunan belia ini bertambah perlahan dan tidak menepati sasaran.

Seperkaranya lagi Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Yang Berhormat juga merupakan seorang pemimpin belia yang unggul satu ketika dahulu, saya melihat hari ini jumlah belia yang berpersatuan adalah tidak seimbang dengan jumlah belia-belia yang tidak berpersatuan, jika kita ambil kategori umur bawah 40 tahun tadi. Jadi adakah Yang Berhormat boleh bersetuju dengan saya, jika saya katakan di samping Kementerian, Majlis yang bertanggungjawab penuh ke arah pembangunan belia ini Majlis Belia Malaysia umpamanya telah gagal dalam memainkan peranan dan tanggungjawab mereka di dalam membina belia untuk masa depan negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Hassan bin Malek [Kuala Pilah]: Tuan Yang di-Pertua, soal apa yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Sembilan tadi agak berbeza sedikit. Oleh kerana penumpuan kita di peringkat negeri kita ada adat perpatih dan sebagainya, berbeza sedikit pendekatannya. Oleh kerana itu inilah hasrat kerajaan Negeri Sembilan saya fikir kerana menjurus untuk membina dan melibatkan kesemua Jabatan-jabatan tadi, dikoordinasikan supaya pembangunan belia itu dapat dilihat secara menyeluruh dan

sebagainya. Dan peranan Majlis Belia Malaysia ini, saya serahkanlah kepada Yang Berhormat Tangga Batu juga adalah pemimpin belia. Suarakan perkara ini di peringkat Majlis Belia Malaysia sendiri sebab waktu dahulu tidak seperti keadaan sebegini. Jadi terima kasihlah.

Dasar-dasar tersebut yang saya sebutkan tidak mempunyai banyak kelemahan. Yang lemah ialah pelaksanaan tetapi bukan pelaksanaan di peringkat bidang masing-masing. Yang lemah ialah apabila pelaksanaan itu melibatkan ruang-ruang yang kabur dan bertindih yang bersifat antara bidang. Ia menjelma dalam bentuk pertindihan dan perlumbaan yang tidak sihat. Ada kalanya ia menjelma sebagai perebutan, ada kalanya ia menjelma sebagai masing-masing menjaga hal atau sempadan masing-masing sahaja. Apabila terlebih menjaga hal...

[Beberapa orang Yang Berhormat bangun]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat ...

Datuk Haji Hassan bin Malek: Nanti sekejap. Ini semua pemimpin yang terlibat dalam belia. Insya-Allah, nanti saya beri.

Apabila telah terlebih menjaga hal sendiri, orang lain tidak diizinkan sama sekali untuk mengetahui apa yang berlaku. Jauh sekali untuk memberi atau mendapatkan kerjasama. Lebih malang lagi ada kalanya apabila timbul sesuatu masalah, masing-masing mula menuduh bidang-bidang lain sebagai bersalah atau menyerahkan segala masalah itu kepada sesuatu bidang sahaja untuk menyelesaikannya.

Mintalah Yang Berhormat Sabak Bernam lah.

Tuan Yang di-Pertua: Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Kuala Pilah sahabat saya. Tentang belia ini kita sudah banyak sungguh berakap mengenainya kerana kasihnya kita kepada belia. Saya ada soalan yang mudah Tuan Yang di-Pertua kepada bekas presiden MBN kita ini, iaitu bersetuju atau tidak bahawa kita telah pun banyak rancangan *blue print* mengenai belia sejak bertahun-tahun dan kerajaan pun sudah banyak memperuntukkan kewangan dari masa ke semasa.

Setuju atau tidak, soalan saya mudah sahaja, bahawa belia, Kementerian Belia, Jabatan Belia sebenarnya tidak ada data *base* mengenai belia yang sebenar untuk kita atasi tentang belia ini sama ada dari segi siswazah menganggur ke, lepasan SPM ke,

mereka yang terjebak ke dalam gejala sosial ke, terjebak dalam dadah ke ia tidak ada data *base* yang tepat dan sebenar. Oleh kerana itu masalah ini jadi sukar.

Soalan saya yang kedua ialah, adakah sekarang ini daerah belia contoh dan kampung contoh? Saya tahu, kita ada anugerah belia tetapi saya tidak pasti sama ada mungkin ramai teman-teman bersetuju, ramai yang dapat anugerah ini Persatuan Belia di satu-satu tempat yang *induce* dengan izin Tuan Pengerusi. *Induce* ini apa dalam bahasa Malaysia? Macam dipaksa untuk jadi...apa.... Sebagai contoh, kadang-kadang kita sendiri untuk menambah markah bagi kampung itu, kita diminta supaya hadir. Dengan hadirnya wakil rakyat itu maka dapat tambah 10 markah. Jika perkara ini terus berlaku Yang Berhormat Kuala Pilah maka sebenarnya hasrat kerajaan untuk melahirkan belia ini sebenarnya tidak akan tercapai.

Yang akhir sekali ialah tentang tumpuan kepada belia yang kita iktiraf sebagai penting. Nampaknya sekarang kementerian memberikan tumpuan kepada “sukan untuk kecemerlangan” tidak “sukan untuk semua”. Saya harus memperingatkan Sabak Bernam umpamanya yang dikatakan ada 10,000 belia, ini data daripada Pejabat Belia, bagaimana mudahnya pegawai belia kata bahawa di Sabak Bernam ada 10,000 belia. Itu data yang saya ingat terlalu umum tetapi yang penting ialah mereka ini di kampung-kampung, kita sarankan melalui berbagai-bagai peruntukan kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Belia, Kementerian Pembangunan Usahawan bahawa kita ada satu bentuk peruntukan di mana kita minta supaya mereka berlatih dalam sukan permainan seperti sukan bola sepak dan sepak takraw. Akhirnya mereka bertanya kita “Eh bila kita hendak lawan ni?”. Jadi maksudnya tidak ada satu jadual khusus di daerah sendiri. Maknanya dari bulan ke bulan apakah permainan di mana belia ini boleh umpamanya terlibat. Ini sebagai satu pengiktirafan kepada belia. Oleh kerana itu ini saya anggap sangat penting. Apa pandangan daripada Yang Berhormat Kuala Pilah. Terima kasih.

Datuk Haji Hassan bin Malek [Kuala Pilah]: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetujulah dan saya akan jadikan ia sebagai sebahagian daripada ucapan saya. Pandangan-pandangan yang cukup praktikal. Kita satu lagi pandangan dari Yang Berhormat Setiu.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Terima kasih Yang Berhormat daripada Kuala Pilah dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita telah mendengar titah daripada

Duli Yang Mulia Seri Paduka Yang diPertuan Agong bahawa terdapat sebanyak 12 juta belia dalam negara kita melebihi 40% daripada jumlah penduduk.

Kalau kita lihat pula kepada jumlah kakitangan yang ada di pejabat-pejabat belia dan perkara ini telah banyak kali saya percaya dibangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini di mana satu daerah satu pegawai satu pembantu dengan jumlah belia yang ada dalam daerah tersebut di satu-satu daerah. Saya percaya adalah tidak mencukupi dengan *volume* belia yang ada dengan pegawai belia yang ada. Sebab itu salah satu perkara yang saya nampak ke arah kelembapan belia ini dalam konteks berpersatuan, dalam aktiviti dan sebagainya adalah ketidakseimbangan ini berlaku. Adakah Yang Berhormat Kuala Pilah boleh bersetuju.

Yang kedua ialah kita melihat jumlah belia yang 12,000 juta ini. Kita juga perlu melihat kepada bajet ataupun peruntukan daripada kerajaan untuk membiayai dan mengupayakan belia-belia kita hari ini. Adakah seimbang ataupun tidak?. Kerana kalau kita jumlahkan RM1 untuk satu kepala, saya rasa adalah tidak mencukupi.

Oleh sebab itu saya percaya peruntukan kewangan perlu dipertingkatkan bagi mewujudkan satu keseimbangan dan saya juga memohon pandangan daripada Yang Berhormat bagi Kuala Pilah. Dan persoalan saya yang ketiga ialah dari segi persatuan-persatuan belia yang juga telah disentuh oleh rakan daripada Tanah Merah tadi menyatakan ada kumpulan-kumpulan masuk ke kampung-kampung seolah-olahnya untuk mencari *mileage*. *Mileage* politik, *mileage* pengaruh dan sebagainya dan sehingga kita lihat pada hari ini serangan-serangan kepada pemimpin-pemimpin belia yang benar-benar walaupun sudah lanjut sedikit usianya, tetapi benar-benar memberi manfaat kepada belia dan dicampur pula dengan tokoh-tokoh baru yang cuba mendapatkan *mileage* dan pengaruh politik ini. Saya nampak akhirnya serangan kepada pemimpin yang jujur, yang ikhlas untuk membantu belia hari ini semakin hari semakin terhakis. Bagaimana pandangan Yang Berhormat daripada Kuala Pilah?

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Pandangan saya Tuan Yang di-Pertua bersetuju sangat dengan Yang Berhormat bagi Setiu. Beliau juga adalah merupakan pemimpin belia. Pengerusi Majlis Belia Negeri Terengganu. Jadi samalah, saya bersetuju dengan apa saudara timbulkan tadi Yang Berhormat. Memang benarlah golongan belia ini adalah merupakan pemuda-pemudi sehingga usia 40 tahun menjadi pertaruhan kita kerana di bahu merekalah letaknya tanggungjawab untuk

membantu golongan pasca belia membangun negara dan seterusnya mewarisi kepimpinan negara pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat beri laluan lagi.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Selain daripada..... saya beri sekejap lagi. Selain daripada peruntukan yang besar yang disediakan setiap bajet saban tahun, golongan belia perlu didekati dan disantuni dengan sebaiknya sebagai generasi pewaris negara. Dengan ungkapan lain lebih jelas bahawa strategi pembangunan modal insan perlu dilaksanakan dengan memastikan golongan belia sedar dan melengkapkan diri dengan segala macam persiapan minda, sikap, kemahiran, ilmu dan jati diri untuk maju ke hadapan dan ini melibatkan aspek latihan dan pendidikan formal dan turut memberi tumpuan kepada aspek bukan formal dan kokurikulum di sekolah, kolej, universiti dan sektor pekerjaan.

Kita juga berharap kegiatan dan aktiviti golongan belia ditumpukan ke arah penjanaan kualiti modal insan yang berdaya maju, progresif, proaktif, tanpa kita menolak belia tentang pasukan untuk bersukan, berhibur, bersosial, kegiatan belia juga perlu dijana bagi menjayakan agenda pembangunan modal insan sebagaimana yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Dalam soalan ini golongan belia, perlu merangka aktiviti-aktiviti untuk menyahut cabaran dan agenda kerajaan secara individu dan kolektif. Dari segi individu, golongan belia diharap dapat memastikan semangat dan keinginan untuk senantiasa belajar dan menuntut ilmu dipupuk dalam diri masing-masing. Konsep pengajian sepanjang hayat wajar dihayati. Ini melibatkan perbelanjaan pembelajaran secara formal dan tidak formal. Berbagi-bagai kemudahan boleh dimanfaatkan seperti Pengajian Maya, Program Luar Kampus, Kolej Komuniti dan sebagainya. Para belia yang telah sedar dan berjaya juga perlu menjana menjadi agen perubahan dengan menyedarkan rakan sebaya agar turut bersikap proaktif terhadap pembiayaan ilmu dalam diri masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua: Siapa? Cukup Yang Berhormat.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Bukit Gantanglah.

Cik Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Pilah, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, memang kita tidak dapat nafikan bahawa pihak kerajaan telah mengadakan pelbagai program. Untuk memastikan bahawa belia kita merupakan belia begitu cemerlang, gemilang dan terbilang. Tetapi yang saya nak kemukakan di sini ialah apakah pendekatan yang diambil oleh pegawai belia sama ada

di peringkat negeri ataupun daerah juga pertubuhan-pertubuhan belia dalam mendekati belia sebab kalau kita lihat di sini bahawa di luar kita dapati bahawa belia kita masih lagi teraba-raba tiada hala tujunnya dan akhirnya yang lebih mendekati mereka adalah pengedar-pengedar dadah. Dan di sinilah kita perlu fikirkan apakah pendekatan yang sebaik-baiknya untuk kita mendekati belia kita supaya mereka boleh dibawa bersama untuk memastikan, melahirkan belia yang betul-betul berguna kepada negara, yang akan membangunkan negara, yang akan menerajui negara kita. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Kuala Pilah?

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Saya akan sebut sebentar nantilah berkenaan dengan soalan tadi. Selain daripada peranan belia secara individu, kita juga berharap persatuan-persatuan belia dapat bergerak seiring dengan hasrat kerajaan memajukan modal insan. Ketika ini memang banyak aktiviti-aktiviti yang dijalankan ke arah pembangunan modal insan.

Apa yang kita harapkan ialah aktiviti sedemikian diperbanyakkan dan dipergiatkan lagi pertubuhan belia yang aktif perlu diberi peluang untuk mengemukakan program pendidikan tidak formal dalam bentuk latihan jangka pendek dengan disokong oleh kerajaan menerusi pelbagai agensi khususnya Kementerian Belia dan Sukan, dan dari segi kewangan dan kemudahan lain sokongan kerajaan tersebut turut perlu diperluaskan dalam konteks menggunakan *instrument* dan media yang dimiliki kerajaan untuk membolehkan peranan pertubuhan-pertubuhan belia lebih berkesan khususnya untuk menyampaikan mesej kepada para ahli dan bukan ahli di kalangan belia.

Kita maklum bahawa pertubuhan-pertubuhan belia yang didukung oleh kelompok belia yang proaktif yang menggunakan masa wang ringgit dan kebolehan mereka tanpa mengharap pulangan jangka pendek dari segi kewangan atau kedudukan. Oleh itu dukungan kerajaan sedemikian diharap dapat memperkuat lagi semangat aspirasi dan sumbangan mereka membantu kerajaan ke arah membangunkan modal insan yang berkualiti, kental dan berdaya saing. Hal ini selaras dengan penegasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentang modal insan ketika membentangkan Bajet 2006. Bahawa kerana modal insan ini elemen terpenting dalam memastikan mereka terus berdaya saing dan berdaya tahan lebih-lebih lagi dalam zaman ekonomi sejagat yang berlandaskan pengetahuan serta bertunjangkan sains dan teknologi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kubang Kerian, sudah lama dah.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Cameron Highlands sudah lama mintak.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Okeylah.

Tuan Yang di-Pertua: Kubang Kerian sudah lama minta.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Cameron Highlands. Terima kasih.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Ini bukan soal sekolah kebangsaan ya.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih. Yang Berhormat bagi Kuala Pilah ya. Saya ingin penjelasan mengenai peranan belia dalam melibatkan diri dalam proses-proses penggubalan dasar dan juga hala tuju negara. Dalam manifesto Wawasan 2020, 30 tahun penggal pertama 15 tahun untuk memperkasakan perkakasan dari segi infrastruktur dan prasarana sudah habis dan sekarang kita menuju sejak 2006 ke arah mengisi tahap kedua iaitu dari segi perisiannya modal insan dan salah satu pendekatan yang digunakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dalam mendekati soal ini adalah untuk melibatkan orang ramai dari peringkat akar umbi daripada kumpulan-kumpulan sukarelawan NGO *civil society*, masyarakat madani dan juga melibatkan kakitangan kerajaan serta golongan-golongan politik termasuk sektor legislatif, sektor kehakiman dalam pembinaan negara. Khususnya dalam penggubalan dasar-dasar dan perundangan. Saya rasa ini akan memberi satu konsep pendemokrasian dalam keterlibatan masyarakat dalam memproses pembinaan negara. Dan dalam konteks ini saya rasa, bahawa golongan belia telah tercicir sedikit. Kerana golongan belia merupakan antara 18 atau 15 mengikut definisi hingga 40. Saya rasa golongan-golongan ini tidak digemblengkan semaksimumnya dalam memberi sumbangan kepada hala tuju tadi.

Saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Kuala Pilah, adakah Yang Berhormat merasakan bahawa golongan ini sudah disisihkan dari segi katakan baru-baru ini kita ada *Police Commission Report* lepas itu kita ada masalah Dasar Pendidikan Negara. Golongan-golongan NGO belia ini tidak dilibatkan secara berkesan dalam proses pembinaan ini. Minta penjelasan.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Saya akan masuk kepada bab itu tadilah. Sebelum itu saya hendak memberi peluang kepada Kubang Kerian sedikit. Macam mana?

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat bagi Kuala Pilah. Dalam bidang sosiologi ada satu istilah iaitu *generation gap* ataupun jurang generasi. Tuan Yang di-Pertua, pada zaman saya dahulu, kami yang lahir dalam era 60an, disko, *nightclub*, bar, budaya hippies, lepak, budaya lepak, ideologi *free thinker* ini asing bagi kita. Terlalu asing dan kadang-kadang kita merasa cukup takut untuk menghampiri tempat-tempat yang seperti ini.

Tetapi generasi hari ini, yang saya bimbang adik-adik kita yang masih di bangku sekolah di atas sana, ianya semacam suatu *escapism*. Suatu benda yang tidak lagi menjadi suatu perasaan dosa, pahala tidak lagi menjadi suatu perkara. Jadi, adakah sahabat saya daripada Kuala Pilah bersetuju bahawa memang dasar belia ini perlu dikaji semula dan perlu dihalatujukan demi untuk memurnikan supaya memastikan generasi kita pada masa yang akan datang akan dapat mencapai suatu, melahirkan apa yang kita hendak, modal insan, *human capital* dan seumpamanya. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan saya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetujulah dengan pandangan daripada Cameron Highlands dan Kubang Kerian tadi kerana belia ini adalah merupakan aset kita, harta negara kita, kepada merekalah terletak segala-galanya. Jadi, berikutan dengan ini, saya akan menekankan kepada soal perwakilan belia. Terdapat beberapa isu penting yang mengaitkan belia dan pembangunan. Belia memerlukan pembangunan dan pembangunan banyak memanfaatkan belia.

Pada waktu yang sama, usaha-usaha pembangunan juga memerlukan belia. Ini adalah kerana belia merupakan penggerak dan sumber utama yang membolehkan pembangunan berjalan dan maju. Sebenarnya belia mampu menjadi rakan pembangunan yang berkesan tetapi belia selalunya dilihat lebih sebagai penerima manfaat pembangunan. Belia amat jarang diberi peluang dan hak upaya untuk terlibat secara aktif sebagai rakan tulen pembangunan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Minta sikit, Kuala Pilah.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Terutama dalam struktur dan proses membuat keputusan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Kuala Pilah boleh minta sikit penjelasan? Sikit, tentang pembangunan.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Okeylah. Lumut, Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Larut. Terima kasih Yang Berhormat. Semalam Titah Tuanku Yang di-Pertuan Agong, berhubung dengan soal *delivery system*, sistem penyampaian ini. Masalahnya Yang Berhormat, kita sering menuding jari, seolah-olah belia ini tidak ada peluang. Sedangkan peluang untuk belia ini banyak. Tetapi masalahnya ialah birokrasi, sistem penyampaian yang tidak dapat dilaksanakan di peringkat akar umbi. Padahal kita tahu agensi-agensi kerajaan banyak peluang. Belia baru hendak jadi kontraktor kelas F, hendak dapat projek susah. Banyak sekatan-sekatan dan sebagainya.

Jadi, apakah kalau kita ada dasar sistem, tetapi perlaksanaannya tidak dapat dijalankan secara konsisten. Sudah tentulah peluang-peluang untuk para belia ini yang merupakan hampir separuh daripada tenaga rakyat di negara ini tidak akan kesampaian. Kalau kita rombak sistem yang ada pun, dasar yang ada pun, buatlah berapa banyak pun. Macam Negeri Sembilan buat, negeri-negeri lain buat. Pelbagai pendekatan, kerajaan PAS pun buat. Tapi kita tidak tahulah, kerja PAS ini macam mana? *[Disampuk]* Dia tak buat. Dia cuma timbul pasal masalah tempat hiburan, dia menyalahkan kerajaan. Tetapi masalah di sini ialah masalah *delivery system*, sistem penyampaian.

Oleh itu kita minta supaya saranan kepimpinan mestilah benar-benar dilaksanakan oleh setiap mereka yang terlibat dalam melaksanakan tanggung jawab kerajaan ini. Apakah pandangan Yang Berhormat dalam hal ini? Terima kasih.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Saya akan menyentuh soal *delivery system* ini di peringkat akhir ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Bila itu, akhir?

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Bila akhirnya, YB?

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Kalau tidak ada celahan, sekejap sampailah. *[Ketawa]* Masalahnya ramai yang mencelah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Okey. Konsep belia sebagai rakan pembangunan tidak akan dapat direalisasikan selagi cara berfikir semua pihak,

terutamanya golongan dewasa dan kerajaan tidak berubah. Perubahan ini hanya akan berlaku jika landasan untuk konsep rakan pembangunan itu disediakan. Landasan itu ialah kefahaman dan amalan 'penghakupayaan' iaitu empowerment. Penghakupayaan, perlu dilihat sebagai falsafah atau konsep dan sebagai pendekatan atau strategi yang membentuk landasan bagi membolehkan konsep rakan pembangunan beroperasi. Penghakupayaan berada dalam satu *continue* iaitu dari peluang belia kepada hak belia. Dan, dari perundingan tidak formal kepada penglibatan secara berstruktur dan formal dalam proses membuat keputusan.

Perspektif ini meliputi konsep-konsep lain seperti menjana kapasiti, *capacity building*, hak asasi belia, tanggung jawab belia, autonomi, pembangunan partisipatif dan lain-lain lagi. Definisi penghakupayaan, *empowerment* ialah membolehkan dan mendapatkan belia untuk memahami dan bertindak atas semua isu seperti peribadi, keluarga, sosial, budaya, ekonomi, politik dan antarabangsa yang menyentuh dirinya dan segala yang di sekitarnya yang mereka adalah sebahagian daripadanya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sini.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Konsep pengupayaan yang sebenar, perlu difahami. Sekejap, sekejap.

Pengupayaan belia bukan bermakna mendirikan kuasa, memberikan kuasa kepada belia, sebaliknya ia adalah proses menyalurkan idealisme, wawasan, ilmu, pengalaman, motivasi dan tenaga yang telah mereka sedia miliki. Semua individu, agensi dan organisasi perlu bersedia untuk melakukan anjakan paradigma dari segi cara berfikir dan bertindak.

Struktur dan hierarki yang wujud perlu dinipiskan. Ini akan melibatkan penyesuaian dalam sekurang-kurangnya tiga aspek, iaitu:

- (i) aspek peraturan membuat keputusan diubah, keputusan ditarik ke bawah sehingga ke tahap tindakan;
- (ii) deskripsi tugas diperluaskan dan setiap yang terlibat mampu membuat keputusan apabila berurusan dengan rakan atau pelanggan; dan
- (iii) komunikasi yang formal dan berlapis-lapis digantikan oleh jaringan komunikasi yang fleksibel dengan bantuan teknologi komunikasi dan maklumat.

Yang Berhormat bagi Jasin, sila.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusoh [Jasin]: Terima kasih sahabat saya Kuala Pilah, pakar belia, orang belia, walaupun rambut sudah putih, bulu hidung pun dah putih, tetap belia lagi. *[Ketawa]* Apa yang menarik saya tengok, apa yang dikemukakan oleh Kuala Pilah tadi, kalau kita lihat, cantik. Tetapi, tetapi.....

Seorang Ahli: Ada tapi lagi?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusoh [Jasin]: Kita lihat, macam mana yang disebut oleh rakan-rakan, kita hendak mengubah struktur belia ini. Kononnya pemimpin yang ada ini, belia-belia tua, belia-belia purba. Tetapi kalau kita lihat, nama-nama besar di dalam gerakan belia tadi, namanya besar. Tetapi bagaimana kelab belianya di kampung? Banyak di antara kelab-kelab belia yang ada di seluruh negara pada hari ini, wujud pada namanya sahaja Pak! *[Disampuk]*

Kadang-kadang kita lihat, Wah! Presiden apa pun jawatankuasa persatuan belia ini, tetapi belia dia kat kampung hancur, Tuan Yang di-Pertua. *[Disampuk]* Hancur! Tapi di depan, Wah! Jawatankuasa belia *so and so* lah, tidak berani sebut namalah. Jadi, setuju atau tidak Yang Berhormat, kita sedar masa depan negara kita ini bergantung pada generasi muda ini yang akan datang. Tetapi, hari ini Kementerian Belia dan Sukan pun, saya tengok akhir-akhir ini, banyak bersukan. Yang pertubuhan belia ini, cempere kata orang Melaka, cempere. *[Disampuk]* Cempere! Berterabur! Seolah-olah kita hanya ada wujud dasar belia negara. Macam mana Yang Berhormat bagi Kuala Pilah tadi menyatakan, hendak modal insanlah, itulah, inilah. *On paper*, ya, cantik.

Tetapi perlaksanaan di peringkat bawah. Kalau dah pegawai belia di daerah pun umur dekat hendak pencen, 55, macam mana dia hendak faham hal belia ini? *[Ketawa]* Dah pegawai belia pun bukan belia. Jadi, ini yang kita harus ingat kalau kita hendak sebutkan tentang sistem penyampaian, *delivery system*, apa semua. Kalau budak belia punya cerita ini, serahlah kepada pegawai-pegawai muda. Barulah dia faham apa yang dikehendaki oleh belia. Dan, saya berharap apa yang sahabat saya pakar belia daripada Kuala Pilah ini nyatakan, kita sama-sama lihat, cara praktikal bagaimana kita hendak mengatasi masalah ini. Setuju atau tidak, Yang Berhormat?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh jawab sekali?

Datuk Haji Hassan bin Malek [Kuala Pilah]: Okaylah.

Datuk Bung Moktar bin Raden: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, ini isu belia ini bukan lagi isu yang baru. Ia sudah isu terbawa-bawa berpuluh-puluh tahun, justeru itu kalau kita lihat struktur negara-negara lain negara-negara

Eropah sehingga satu sesi saya pernah mencadangkan asingkan Kementerian Belia dengan Kementerian Sukan, baru ada kemajuan di antara satu dengan yang lain. Kalau tidak sukannya tidak maju seperti bola sepak, belianya tidak maju yang maju belia penagih dadah, yang ini maju.

Contohnya di Sabah, Ketua Polis Negeri Sabah mengatakan secara terbuka penagih-penagih dadah terpaksa dilepas sebab tidak ada kecukupan untuk pusat serenti. Siapa penagih itu belai di bawah 40 tahun. Justeru itu, saya minta Yang Berhormat menegaskan sedikit meminta kerajaan kalau boleh lebih fokus kepada Industri Pembangunan Belia. Sukan *is sukan, it's okay*. Kita pun maju tetapi nampaknya tidak ada kemajuan juga sehingga pada hari ini. Ada yang bertaraf *world class*, banyak permasalahan dalaman seperti boling dan sebagainya sehingga ada yang merajuk. Ini kita punya integriti sukan kita.

Jadi apakah Yang Berhormat jangan seolah-olah kita indah khabar dari rupa seperti saya memetik kata pepatah Menteri Kebudayaan, “Perkara ini kalau dilipat sekecil kuku, kalau dibentangkan seluas alam.” Tuan Yang di-Pertua minta pandangan.

Datuk Haji Hassan bin Malek: Dua-dua ini saya akan jadikan sebahagian daripada ucapan saya. Yang Jasin dan juga Kinabatangan saya bersetuju. Okay, sebab saya sebut tadi peranan kerajaan dan golongan dewasa juga perlu berubah. Organisasi yang berupaya meletakkan sumber manusianya dalam pasukan-pasukan kerja dan tidak lagi mengikut fungsi-fungsi yang rigid. Pasukan-pasukan ini didorong oleh matlamat bukan oleh arahan dan ketua tidak lagi mengawas tetapi mengenal pasti mereka yang mampu menjalankan tugas dan membenarkan mereka menjalankannya mengikut budi bicaranya, ketua berubah menjadi fasilitator, lebih bersifat ilmu jiwa dan sebagainya.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: *[Bangun]*

Datuk Haji Hassan bin Malek: Ini tidak pula bermakna yang peranan kerajaan dan golongan dewasa sebagai perancang strategi serta memberi bimbingan dan perspektif akan hilang sebaik sahaja “penghakupayaan” belia, *empowerment* dijalankan. Tetapi cara-cara tradisional yang dari atas ke bawah, memaksa ketaatan, mengekalkan *conformity* dan menghukum apabila silap perlu ditamatkan. Kerajaan dan golongan dewasa perlu membimbing, menyokong dan menjadi teladan masyarakat sivil, jangan lagi diperbodohkan belia dan belia jangan lagi diperbudakkan.

Gabungan secara tradisional menggunakan kerajaan dan golongan dewasa sebagai paksi. Ia membuat andaian bahawa kerajaan dan golongan dewasa memahami objektif-objektif pembangunan negara dan proses pembangunan belia. Sebaliknya ia membuat andaian bahawa belia tidak mampu berfikir untuk diri sendiri atau untuk negara lantas mereka hanya diminta diarah untuk menjadi pengikut dasar dan sebagai peserta program. Kedua-dua andaian ini tidak lagi relevan dan konsisten dengan pengalaman-pengalaman kontemporari, “penghakupayaan”.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Maran.

Datuk Haji Hassan bin Malek [Kuala Pilah]: Izinkan sedikit lagi, Maran. “Pengkakupayaan” tidak menggunakan kerajaan dan golongan dewasa sebagai paksi. Ia mempunyai andaian bahawa belia memiliki kemampuan yang sama dalam berfikir untuk dirinya dan untuk negara dalam proses merancang, melaksana dan menilai dasar-dasar dan program-program pembangunan negara harus disedari bahawa dengan kecanggihan dan kepesatan teknologi belia hari ini mempunyai pengalaman yang amat berbeza daripada apa-apa yang pernah dialami oleh kerajaan, golongan dewasa, ibu bapa dan datuk neneknya.

Kepantasan kemajuan teknologi membolehkan berlakunya komunikasi global yang serta-merta sifatnya dari belia dan belia dari seluruh ceruk dunia dapat berkongsi pengalaman dengan amat cepat lantas mengakibatkan munculnya satu bentuk komuniti dunia yang baru di kalangannya. Kerana itu, proses pembangunan negara memerlukan pendekatan yang baru, satu anjakan paradigma diperlukan. Anjakan yang dimaksudkan ialah berubah dari pendekatan pembangunan untuk belia kepada pendekatan pembangunan bersama belia. Bersama di sini bermakna menjadikan belia terhad upaya sebagai rakan pembangunan yang tulen. Ya, Maran.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Kuala Pilah. Saya sebenarnya salah seorang belia biarlah kata saya belia purba pun tidak apalah tetapi kita hendak memberikan semangat kepada persatuan-persatuan belia. Saya hendak memberikan pandangan kepada Yang Berhormat Kuala Pilah mungkin bersetuju atau tidak. Saya ucapkan terima kasih kerana Yang Berhormat banyak memperjuangkan nasib belia, cuba hendak memperkasakan belia supaya mereka ini mempunyai semangat waja tentang diri mereka dan juga bangsa dan juga negara. Tetapi bagaimana mereka hendak perkasa kalau mereka yang

berada dalam umur belia sekarang kemudian telah keluar universiti menganggur, kita ada berapa puluh ribu belia-belia remaja yang menganggur.

Apakah usaha yang telah kita buat. Kalau mereka ini tidak ada pendapatan, tidak ada duit untuk bergerak, bagaimana mereka hendak memperkasa diri mereka?. Sebab itulah saya ingin mencadangkan mungkin saya berharap mungkin Yang Berhormat bersetuju dengan saya. Kita ada jawatan-jawatan kosong dalam kerajaan dan baru-baru ini ada cadangan telah menyarankan supaya umur bersara ini dinaikkan kepada 68 tahun.

Apa salahnya kalau kita ambil jawatan-jawatan kosong ini kita isi dengan belia-belia yang masih remaja ini supaya orang yang muda, kakitangan kerajaan yang muda ini ada peluang untuk naik pangkat, tidak terhad kepada orang-orang yang telah berumur lebih. Beri peluang kepada anak-anak muda supaya mengambil jawatan baru, mengisi jawatan-jawatan kosong yang di bawah ini walaupun memberikan asas kerja kepada mereka dan apabila lanjutan bersara ini diberikan kepada orang yang sudah lama sebab itulah peluang kerja ini tidak ada lagi kepada mereka dan saya ingin mencadangkan satu lagi Tuan Yang di-Pertua supaya peluang ini diberikan kepada mereka kepada belia-belia ini dan mereka dapat menentukan masa depan mereka. Mereka dapat pendapatan dan dengan ini dapat menggerakkan persatuan-persatuan lain yang ada.

Saya harap supaya kalau boleh Yang Berhormat mencadangkan, baru-baru ini kita dapat tahu bahawa banyak jawatan Rakan Muda, pembantu Rakan Muda telah pun ditamatkan walaupun mereka baru mencapai umur 26 tahun. Saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat Kuala Pilah supaya mencadangkan semula supaya jawatan pembantu penggerak Rakan Muda diambil semula walaupun umur mereka telah 26 tahun. Biar lanjutkan sedikit sehingga 40 kerana belia ini 40 tahun. Di samping itu, cadangkan kepada kerajaan supaya ambil belia-belia yang tidak ada kerja ini, isi jawatan-jawatan yang kosong ini, tidak kita isikan kepada mereka yang telah umur bersara. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, Yang Berhormat ada berapa lama lagi?

Datuk Haji Hassan bin Malek [Kuala Pilah]: Sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: 10 minit lagi?

Datuk Haji Hassan bin Malek [Kuala Pilah]: Panjang ini Tuan Yang di-Pertua, banyak masalah kita hendak dengarkan. Jadi pandangan daripada Maran tadi saya

bersetujulah maknanya dan saya serahkanlah kepada pihak kementerian untuk melihat balik dari segi aspek mana yang perlu dikaji semula dan sebagainya. Jadi Tuan Yang di-Pertua.....

[*Yang Berhormat Jerai dan Yang Berhormat Ketereh bangun*]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Bang, ucap bang.

Datuk Haji Hassan bin Malek [Kuala Pilah]: Okay, Ketereh.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Kuala Pilah ,terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini kali terakhir saya mencelah Yang Berhormat. Saya tak nak ganggu tetapi saya hendak kongsi sedikit pandangan. Ibnu Khaldun adalah seorang ulama besar Islam dan merupakan pengasas kepada ilmu sosiologi Islam. Beliau mengatakan bahawa dalam membina sebuah tamadun ada tiga generasi. Generasi pertama ialah generasi yang menebus kemerdekaan. Generasi kedua ialah generasi yang menikmati kemerdekaan dan generasi ketiga ialah generasi yang akan mengambil alih kejayaan daripada tamadun itu.

Kegagalan untuk membina generasi ketiga, maksudnya orang muda dan belia akan menyebabkan kegagalan untuk membina mereka mengambil alih kepimpinan akan menyebabkan tamadun itu akan runtuh. Saya cukup kagum dengan Yang Berhormat Kuala Pilah yang telah menggariskan beberapa cadangan supaya konsep yang dinyatakan oleh Ibnu Khaldun dalam bukunya Mukadimah itu diteruskan dan saya harap perkara ini akan dilaksanakan oleh kerajaan kerana kegagalan kita membina belia yang ada pada hari ini untuk mempusakai harta negara ini akan menyebabkan tamadun Melayu, tamadun Malaysia ini akan runtuh. Bolehkah Yang Berhormat bersetuju dengan perkara ini, terima kasih.

Datuk Haji Hassan bin Malek [Kuala Pilah]: Saya bersetuju Tuan Yang di-Pertua kepada pandangan daripada Ketereh tadi dan ini saya akan sampai kepada apa sebenarnya cadangan saya. "Pengahad upayaan" belia sebagai.....

Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Bang.....

Datuk Haji Hassan bin Malek [Kuala Pilah]: Beliau adalah juga mengenai.....nanti saya habiskan yang bagi *empowerment* tadi. Selepas kang boleh saya.....

Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Okay.

Datuk Haji Hassan bin Malek [Kuala Pilah]: "Pengahakupayaan" belia ini ialah juga mengenai keupayaan iaitu *ownership*. Apabila belia terlibat dalam setiap peringkat

proses pembangunan negara mereka akan mempunyai perasaan kepunyaan dengan izin *sense of belongings and ownership* yang kuat terhadap program-program tersebut yang memungkinkan ia menjadi lebih dihargai, bermanfaat dan berkesinambungan.

Dalam konteks ini, konsep perwakilan belia hendaklah dengan serentak diamalkan secara rasmi dan tulin di dalam seluruh struktur dan proses membuat keputusan yang melibatkan kepentingan belia dalam semua bidang dan di semua peringkat. Dalam hal ini wakil belia hendaklah ditentukan oleh belia sendiri. Dalam konteks perwakilan belia dalam struktur pembuatan keputusan kerajaan setakat ini sudah terdapat perwakilan belia di dalam jawatankuasa kemajuan dan keselamatan kampung dan beberapa forum yang lain. Pada kesempatan ini saya ingin mencadangkan agar perwakilan belia iaitu yang berumur 40 tahun ke bawah dan dipilih oleh belia sendiri dilantik dalam dua lagi struktur pembuat keputusan kerajaan;

- (i) Perlu ada perwakilan belia sebagai ahli majlis dalam pihak berkuasa tempatan
- (ii) Perlu ada perwakilan belia sebagai senator dalam Dewan Negara, Tuan Yang di-Pertua.

Saya pergi kepada kualiti alam sekitar Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Bangun]*

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Okey, janji cepat ya, silakan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Teman janji tidak konon eh! *[cakap berloghat Negeri Sembilan]* Ya, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kuala Pilah saya terpanggil untuk melibatkan diri dalam perbincangan belia ini kerana saya pun bekas belia.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, penjelasan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya biasa menjadi belia dan hari ini telah menjadi dewasa.

Beberapa ahli: *[ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya nampak Tuan Yang di-Pertua, kemajuan dunia ini menghuru-harakan belia kita. Huru-harakan belia kita dan kita tengok belia di dalam negara kita ini sudah tidak bisa berdikari, tidak boleh berdikari dan mampu untuk berdikari dan menghadapi kesusahan. Apabila belia tidak ada kerja

semua meletakkan masalah itu kepada bahu kerajaan malah di Malaysia ini dari dia beranak Tuan Yang di-Pertua, sampai dia mati kerajaan kena pelihara. Ini dunia Malaysia, jadi apakah kita tidak boleh membangunkan yang kita katakan tadi, *human capital* pembangunan modal insan, ini cara yang kita hendak pergi sekarang ini, kita hendak belia kita berdikari, sedangkan Yang Berhormat Ketereh, sembilan daripada sepuluh pintu rezeki bukan daripada berniaga kah? Hah, Pasir Mas, betul atau tidak Pasir Mas?

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: [*Beliau menganggukkan kepala*]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Hah, betul! Sembilan dari sepuluh pintu rezeki berniaga, kenapa hendak tumpu tentang makan gaji sahaja. Sedangkan kerajaan wujud tabung itu, tabung ini, berbagai-bagai tabung daripada mula berniaga kecil sampai menjadi jutawan. Jadi saya harap ahli Yang Berhormat daripada Kuala Pilah, kita ubahkan supaya belia kita ini jangan terlalu di alam keseronokan, jangan terlalu di alam kesenangan belia-belia yang ada ini, dengar ini Pakcik Din berkata [*sambil memandang ke arah galeri belakang*]. Kita mahu belia kita berdikari, belia kita mampu menghadapi. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok negara jiran kita belia *graduate* tidak ada kerja, hendak tunggu sampai lampu hijau, lampu merah ke lampu hijau dia boleh bawa kereta main tepi kereta kita... [*sambil membuat bunyi gitar*], lagu jangan kiralah asalkan bunyi....

Beberapa ahli: [*Ketawa*]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Asalkan bagi duit pada mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, apa yang hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Kuala Pilah?

Beberapa ahli: [*Ketawa*] [*Dewan menjadi riuh seketika dengan ketawa*]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya ini bukan apa, saya rasa saya terpanggil Tuan Yang di-Pertua kerana saya berkehendakkan Kuala Pilah suntikkan ucapan saya ini di dalam rangkaian ucapannya [*Dewan menjadi riuh seketika*] .. Supaya belia-belia ini termasuk Kementerian Belia Yang Berhormat, orang baru orang muda, daripada Bentong ada suntik supaya belia hidup berdikari dan berani menghadapi cabaran, terima kasih, ya Yang Berhormat Kuala Pilah....terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik, baik.

Datuk Haji Hasan bin Malek: Terima kasih saya bersetujulah dengan pandangan tadi dan saya akan masukkan sebahagian-sebahagian daripada ucapan saya esok....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Begitu panjang saya bagi pandangan, macam itu sahaja dia terima!

Datuk Haji Hasan bin Malek: *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Ketawa] [Dewan menjadi riuh seketika]*

Datuk Haji Hasan bin Malek: Sebab saya ada lagi tajuk yang hendak saya bincangkan.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Cepat sedikit Yang Berhormat.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Yang Berhormat Kuala Pilah, sebelum pindah ke kualiti alam Yang Berhormat bolehkah saya untuk belia sahaja?

Datuk Haji Hasan bin Malek: Saya ingat biarlah sebab saya cadangkan tadi tentang pelantikan itu sahaja...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Ya, hah itu, yang situ itu, saya hendak masuk ke situ itu.

Datuk Haji Hasan bin Malek: Saya ingat diberi salah satu daripada cara-cara untuk menyelamatkan keadaan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Kuala Pilah, sila teruskan.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Hasan bin Malek: Kerana banyak sangat dan ramai yang berminat untuk bercakap soal orang muda ini Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya minta maaf, yang kali ini saya tidak bagi, sokong kan dengan cadangan saya tadi?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Bukan menyokong,...

Datuk Haji Hasan bin Malek: Menyokong kah atau tidak menyokong ini?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Hendak....tidak....hendak, hendak menambah sedikit supaya

Datuk Haji Hasan bin Malek: Saya ingat tidak apalah, saya ingat okeylah.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron: Meletakkan calon belia itu, di dewan *senate* itu lebih tepat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kita teruskan.

Datuk Haji Hasan bin Malek: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini semua sahabat Tuan Yang di-Pertua, susah ya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, masih ada masa lagi ya.

Datuk Haji Hasan bin Malek: Okey, terima kasih. Kualiti alam sekitar Tuan Yang di-Pertua, pengurusan alam sekitar secara lestari *sustainable* adalah perlu untuk mencapai dan meneruskan pertumbuhan ekonomi, pembasmian kemiskinan dan pembangunan sosial. Dasar dan strategi yang bernas diperlukan untuk membangkitkan antara pelestarian alam sekitar dengan pembangunan ekonomi yang pesat. Gambaran yang dihadapi termasuk mengurangkan pencemaran memastikan penggunaan tanah secara cekap dan pengurusan sumber asli. Lebih kurang 19.5 juta hektar atau hampir 60 peratus dari jumlah muka bumi Malaysia diliputi hutan. Hampir $\frac{3}{4}$ daripada kawasan hutan ini diuruskan oleh jabatan perhutanan di setiap negeri dengan tujuan mengekalkan sistem perhutanan kekal. Terdapat pelbagai kategori penggunaan di kawasan tersebut seperti pengeluaran kayu balak, tadahan air, perlindungan tanah, penyelidikan dan perlindungan hidupan liar. Di samping itu sebanyak 3.3 juta hektar lagi diberi perlindungan sebagai perlindungan hidupan liar, Taman Negara, Taman-Taman Negeri, dan Rizab Hidupan Liar. Sebagaimana iltizam Bajet 2006 saya berharap Rancangan Malaysia Kesembilan adalah perancangan pembangunan yang mesra alam sekitar. Sehubungan itu saya ingin mencadangkan agar beberapa inisiatif yang proaktif yang diambil seperti berikut;

Penjimatan dalam penggunaan sumber Kenaikan harga minyak mentah telah menyebabkan subsidi terhadap petroleum dan sumber tenaga lain seperti elektrik meningkat adalah penting sebagaimana gesaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa membentangkan Bajet 2006 untuk setiap individu berjimat cermat dalam menggunakan sumber tenaga. Dengan menjimatkan tenaga sebenarnya kita bukan sahaja mengurangkan penggunaan bahan api dan sumber tenaga malah kita juga mengurangkan kesan negatif kepada alam sekitar. Oleh yang demikian, jika memadamkan lampu atau mengurangkan kedinginan pendingin hawa di dalam sesebuah bilik, kita sebenarnya membantu mengurangkan beban kewangan negara sekali gus melestarikan alam sekitar. Mesej ini harus sampai ke pengetahuan masyarakat.

Amalan penggunaan sumber air juga sangat boros di mana secara purata rakyat Malaysia menggunakan lebih 350 liter per kapita sehari sedangkan di kebanyakan lain purata penggunaan air ialah lebih kurang 200 liter per kapita sehari. Amalan-amalan ini menyebabkan lebih banyak sumber air diperlukan, sebahagian daripada kos tersebut di subsidi oleh kerajaan dengan kata lain, jika amalan penggunaan tenaga dan sumber lain diteruskan sebagaimana yang ada kini kerajaan akan rugi dari segi kewangan dan sumber asli. Sehubungan itu saya mencadangkan Tuan Yang di-Pertua, agar pihak kementerian dan agensi awam dan swasta yang terbabit dalam hal ini mempergiatkan kempen dan promosi untuk meningkat kecekapan, penggunaan sumber khususnya sumber tenaga dan sumber air di kalangan masyarakat.

Inisiatif yang boleh diberikan termasuklah dengan memberi peruntukan, potongan cukai kepada pihak industri yang menggunakan teknologi yang mengurangkan penggunaan sumber menerusi skim teknologi bersih. Saya dimaklumkan bahawa Jabatan Alam Sekitar telah memulakan usaha ke arah promosi penggunaan teknologi bersih sejak tahun 2003 tetapi sambutan Fair Industry masih lagi dingin. Ia juga harus diterjemahkan dalam konteks institusi, kilang, sekolah, IPT dan sebagainya. Selain itu saya mencadangkan juga akan kecekapan penggunaan sumber ini dijadikan salah satu penanda aras *bench marking* tentang kualiti perkhidmatan sesebuah organisasi. Hal ini bertepatan dengan konsep teknologi bersih yang menjadi komponen penting dalam teknologi mesra alam.

Kedua, mempelbagaikan sumber tenaga khususnya menerusi penggunaan bio fuel dan tenaga solar. Bio fuel telah digunakan sebagai sumber tenaga alternatif di negara-negara Eropah sejak awal tahun 2000. Tujuannya adalah untuk mendapatkan sumber tenaga yang boleh diganti *renewal* kurang impak terhadap alam sekitar dan mengurangkan kebergantungan kepada sumber tenaga bahan api fosil. Peringkat antarabangsa trend ini selaras dengan *Protokol Kyoto* 1997 untuk menyelaraskan inisiatif untuk mengawal pembebasan gas karbon dioksida yang menyumbang kepada peningkatan suhu bumi.

Selain penggunaan bahan api bio fuel inisiatif lain seperti penggunaan enjin hibrid, bahan api sel, fuel sel dan enjin diesel. Yang lebih optimum perlu juga dipergiatkan di Malaysia. Kita tidak mahu ketinggalan dalam persaingan untuk memajukan sumber dan teknologi bersih yang dijangka akan menjadi arus perdana dalam tempoh 20 tahun akan datang.

Tuan Yang di-Pertua sehubungan itu, saya ingin mencadangkan agar insentif kewangan dalam bentuk pengurangan cukai dan geran diberikan kepada syarikat-syarikat yang boleh menghasilkan bio fuel. Ini bertujuan untuk dieksport dan digunakan dalam negara. Insentif juga perlu diberikan kepada mana-mana syarikat yang berminat untuk memajukan enjin berasaskan bio fuel untuk kenderaan, kilang dan mesin-mesin dan mesin-mesin lain untuk pelbagai kegunaan.

Kedua, pembiayaan yang mencukupi terhadap projek-projek pelestarian alam sekitar yang merangkumi dua komponen iaitu komponen pemuliharaan seperti projek pelestarian pantai, tebatan banjir, pelestarian sungai dan yang keduanya komponen kawalan pencemaran seperti pembaikan dan pembinaan loji rawatan kumbahan berpusat dan pelupusan sisa pepejal. Saya ingin menyampaikan setinggi penghargaan dan syabas daripada golongan profesional dalam bidang pelestarian alam sekitar kepada kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana Bajet 2006 yang lalu merupakan...

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Mambong.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Nanti saya habiskan sedikit. Kerana Bajet 2006 yang lalu merupakan peruntukan tahun yang terbesar dalam konteks pelestarian alam sekitar sejak kita merdeka. Peruntukan ini jelas menunjukkan keprihatinan kerajaan terhadap masalah pencemaran dan penurunan kualiti alam sekitar dalam kehairahan kita memancu perkembangan ekonomi negara. Mambong.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Pilah dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya begitu kagum sekarang dengan Kuala Pilah kerana membahas isu-isu yang berkaitan dengan alam sekitar. Saya harap bukan sahaja Kuala Pilah tetapi rakan-rakan yang lain juga termasuk rakyat Malaysia seharusnya peka dan prihatin terhadap pengawalan kualiti alam sekitar. Yang saya amat tertarik tadi adalah mempelbagaikan kegunaan tenaga kerana ini boleh mengurangkan pencemaran alam sekitar. Dan beliau telah pun, Yang Berhormat telah pun, menyentuh tentang bio fuel, bio diesel dan sebagainya tetapi ini adalah *only the tips of the ice berg*.

Kita harus melihat gambaran yang besar daripada kegunaan tenaga ini dan mempelbagaikannya. Setiap hari kita mencemar alam sekitar. Buangan yang kita

buangan daripada dapur, daripada bilik mandi, daripada mana-mana semuanya itu mencemar kualiti alam sekitar. Namun kalau kita menggunakan teknologi yang lebih baik lagi bukannya yang lebih canggih yang lebih baik tetapi dapat diperhalusi, dapat di *innovate* lagi maka kualiti alam sekitar akan terjamin. Saya ingin menyentuh tentang penggunaan bio gas. Penggunaan bio gas ini kita banyak bahan-bahan yang kita boleh gunakan tetapi polisi kerajaan, dasar kerajaan setakat ini hanya melihat bio fuel dan bio diesel. Kenapa tidak melihat juga isu tentang bio gas ini yang boleh digunakan di kampung-kampung kerana sekarang rakyat di luar bandar, di kampung-kampung sudah tidak mampu membeli LPG, terlalu mahal sekarang. Di Sarawak yang 12 kilogram itu harganya sekarang adalah RM27.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sekarang siapa yang berucap?

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Sebelum saya sampaikan soalan Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi penjelasan dahulu pada dia. Jadi inilah satu *missing link* daripada apa yang kita harus buat untuk *resolve* masalah tenaga kita. Adakah Yang Berhormat setuju jika kerajaan juga ambil kira tentang penyelidikan tentang bio gas ini. Ini adalah penting kerana kalau ada bio gas seperti ini maka rakyat di kampung tidak perlu lagi membeli LPG yang amat mahal ini. Kita ada satu kumpulan di merata-rata dunia yang dinamakan *Ecological Sanitation*. Ini kita telah buat penyelidikan dan sedang maju sekarang hanya kita belum me'*introduce*' di Malaysia sahaja. Saya telah pun membentangkan satu kertas kerja di Durban pada bulan Mei tahun lepas dan mereka amat kagum dengan apa yang kita sedang buat di sini. Jadi apakah Yang Berhormat setuju agar kerajaan menggalakkan penyelidikan dibuat ke arah untuk memajukan bio gas ini. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Tuan Yang di-Pertua saya bersetuju selain daripada bio fuel yang dianggap oleh Mambong sebagai yang baru yang bio gas ini juga saya rasa saya akan jadikan sebagai sebahagian ucapan saya untuk dilihat oleh pihak kementerian yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua semasa membentangkan Bajet 2006 memberi peruntukan terbesar kepada pembaikan dan pembinaan loji kumbahan. Hal ini begitu kritikal kerana peranan loji rawatan kumbahan sangat berkait rapat dengan kualiti sungai sebagai sumber air. Dengan adanya loji rawatan kumbahan yang efisien dan efektif kualiti air di

hiliran akan boleh digunakan untuk pelbagai tujuan seperti air mentah untuk penghasilan ari minuman yang bersih.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Gombak.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Sekejap. Pelancongan, rekreasi dan seturi untuk kepelbagaian flora dan fauna tetapi jika hal yang sebaliknya berlaku maka padah akan menimpa di mana sungai menjadi tercemar yang akhirnya berfungsi sebagai longkang besar sahaja. Ya jemput Gombak.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kuala Pilah kerana memberi laluan kepada saya. Semua kita tahu bahawa soal alam sekitar pada masa ini merupakan soal yang amat penting ya Yang Berhormat, jadi saya ingin memohon penjelasan daripada Yang Berhormat. Contohnya banyak perkara-perkara sekarang yang berlaku salah satu sebabnya ialah kerana tidak ada pemantauan, tidak ada pengawasan dan tidak ada penguatkuasaan yang begitu rapi daripada Jabatan Alam Sekitar sendiri. Contohnya kita tahu bahawa daripada udara yang kita sedut hinggalah ke air yang kita minum semakin lama semakin menjadi tercemar dan kita tahu banyak punca-punca pencemaran ini boleh dicegah. Dan baru-baru ini kita lihat ada pendedahan-pendedahan oleh kerana pencemaran-pencemaran ini tidak ada penguatkuasaan yang baik, tidak ada pengawasan yang begitu rapi sehingga ada kadang-kadang air sungai itu tidak boleh lagi dirawat kerana pencemaran yang begitu teruk. Berbagai-bagai sama ada pencemaran daripada aktiviti-aktiviti di tepi sungai ataupun berbagai-bagai lagi misal kata tempat pembuangan sampah dan sebagainya.

Jadi sudah sampai masanya, saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Kuala Pilah, perlukah Jabatan Alam Sekitar melihat kembali bilangan kakitangan dan juga pelaksanaan undang-undang yang telah sedia ada dan saya melihat undang-undang yang telah sedia ada memang sudah cukup baik dan cukup ketat, tetapi yang malangnya ialah dari segi pelaksanaan. Kita tahu bahawa pencemaran sungai telah berlaku begitu lama. Mengapa sehingga sekarang dan setelah peruntukan ditambah, masih lagi masalah tidak dapat diatasi.

Jadi bersetujukah Yang Berhormat bahawa kakitangan perlu ditambah, penguatkuasaan harus diperketatkan dan mungkin latihan-latihan kepada kakitangan

Jabatan Alam Sekitar ini harus dipertingkatkan supaya kita semua hidup dengan selamat dan kita tahu bahawa alam sekitar ini satu perkara yang amat ditekankan oleh kepimpinan negara.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dan selain daripada itu saya ingin juga mencadangkan supaya peruntukan dalam RMK-9 nanti diagihkan mengikut keutamaan berdasarkan kepentingan sumber asli di kawasan tersebut.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tanah Merah.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Tanah Merah]: Ya. Nanti saya habiskan dahululah yang ini. Keutamaan perlu diberikan kepada loji-loji rawatan kumbahan berpusat yang mempunyai kepentingan strategi dan kesan berganda di hiliran, khususnya sebagai sumber air untuk loji rawatan air, daya tarikan pelancongan dan kesihatan awam. Keutamaan ini sangat relevan bagi menangani masalah bekalan air dalam konteks Sungai Selangor, Sungai Linggi di Seremban dan Sungai Skudai di Johor Bahru.

Dengan pembiayaan yang mencukupi dan perancangan sistem pembetungan yang efisien dan efektif, saya yakin kualiti air sungai dan persekitaran pantai Port Dickson, Johor Bahru, Tioman, Langkawi dan Pulau Pinang akan menjadi lebih indah dan menawan.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: *[Bangun]*

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Selain itu impak kepada sektor pelancongan akan lebih ketara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tanah Merah, Mambong, mana satu?

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Saya bagi Yang Berhormat bagi Tanah Merahlah dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Pilah. Saya tertarik apabila disebut fasal

pengurusan alam sekitar secara lestari yang mana alam sekitar seperti hutan, hidupan liar dan sumber air adalah merupakan kaitan di antara satu sama lain. Saya yakin sekiranya pengurusan hutan secara lestari ini dilaksanakan, sudah pasti kita dapat mengawal sumber-sumber air dan juga memastikan hidupan liar tidak terancam.

Inilah yang saya terpanggil untuk membangkitkan perkara ini di mana berlakunya pencerobohan kawasan hutan yang tidak terkawal, khususnya di Tanah Merah dan juga kawasan Jeli di negeri Kelantan di mana hari ini hutan ditebang tanpa kawalan sebagaimana tahun lepas kita sudah bangkitkan perkara ini. Kelulusan untuk penebangan hutan ini diberi secara tidak mengikut peraturan. Contohnya memberi kelulusan secara *Miner Certificate* (MC) untuk perlombongan tetapi perlombongan tidak dibuat. Hutan simpan kekal ini ditebang sehingga menjejaskan kawasan tadahan hujan dan juga habitat hidupan liar.

Baru-baru ini saya telah mendedahkan bahawa hidupan liar seperti gajah telah pun bergerak ke kawasan-kawasan penduduk kampung ataupun kawasan kampung sehinggakan mengganggu pendapatan orang kampung kerana tidak dapat keluar menoreh. Ada beberapa kes di mana gajah mengejar orang yang sedang menoreh getah pada tahun lepas.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Siapa yang bagi lesen itu?

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Ini menunjukkan bahawa orang kampung di Kelantan, khususnya di kawasan saya... Lesen? Lesen ini tahu sendirilah.
[Ketawa]

Beberapa Ahli: Sebutlah.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Sebut? [Disampuk] Ha, itulah yang menimbulkan masalah kepada kami. Gajah mengejar mereka ini sehingga mereka takut untuk keluar menoreh dan sudah pasti menjejaskan pendapatan, menjejaskan sumber pendapatan orang kampung. Ini perkara yang serius yang juga merupakan satu perkara yang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tidak ada soalan untuk Yang Berhormat bagi Kuala Pilah.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: ... perlu diambil perhatian, khususnya kepada kerajaan negeri. Selain daripada itu, kawasan tadahan juga dicerobohi sehingga tempat tadahan atau tempat orang kampung menggunakan air dicerobohi kerana diluluskan satu kawasan pembalakan. Contohnya di Bukit Tali Angin di kawasan

Gual Ipoh yang mana kawasan ini sedang dalam proses penebangan balak sekarang ini, dan orang kampung yang terlibat lebih kurang 700 keluarga yang menggunakan punca air menjadi masalah dan mengadu perkara ini kepada saya dan wakil rakyat.
[Disampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, adakah ini berkaitan dengan Yang Berhormat bagi Kuala Pilah?

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Ya, ini betul. Soalan saya ini berkaitan dengan alam sekitar, pengurusan yang tidak lestari seperti yang dicadangkan oleh Kerajaan Persekutuan. Jadi saya minta kepada Yang Berhormat bagi Kuala Pilah supaya meminta kementerian dan juga Kerajaan Persekutuan supaya memberi perhatian serius kepada perkara yang berlaku di kawasan saya dan juga di kawasan Jeli ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat itu lebih bersifat masalah dalam negeri. Jadi saya serahkan kepada pihak-pihak yang ada kaitanlah supaya mengangkat dan memberi perhatian kepada pihak yang berwajib.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tidak mahu jawablah.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Tidak mahu jawablah. Itu masalah dia. Walau bagaimanapun yang pentingnya pada petang ini saya ingin menyarankan satu cadangan supaya promosi...

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Mambong.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Nanti dahulu Yang Berhormat bagi Mambong. *[Disampuk]* Loji kumbahan? Okeylah.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih sekali lagi kawan saya, Yang Berhormat bagi Kuala Pilah. Saya ingin menyentuh tentang loji kumbahan. Tadi Yang Berhormat memang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, esok lusa Yang Berhormat hendak berucapkah?

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Saya mahu berucap tetapi saya tidak berucap tentang loji kumbahan. Saya berucap tentang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sekarang hanya peluang untuk Yang Berhormat meminta penjelasan.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Ya, penjelasanlah ini. Saya minta penjelasan tentang loji kumbahan. Tadi Yang Berhormat bagi Kuala Pilah telah pun menyebut, dia mohon kerajaan untuk mendirikan loji-loji rawatan berpusat. Kalau kita buat loji-loji rawatan berpusat, Yang Berhormat, ia ada pelbagai masalah. Masalah yang pertama, kita akan menyambung paip yang berpanjangan, panjang jaraknya dan jika paip ini rosak, tidak betul disambung ataupun bocor, maka air kumbahan ini akan mengalir juga akhirnya ke dalam sungai.

Saya telah pun membuat satu kajian yang sekarang sedang berjalan dengan baiknya iaitu kaedah *ecological sanitation* yang menggunakan tapisan bio ataupun *bio filter*. Air kumbahan ini ditapis oleh satu tapisan, *bio filter*, dan dirawat di dalam tapak yang bernama *wetlands*. Di situ ia menapis air...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: ...dan apabila ia mengalir keluar...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya ingat lebih baik dia cadangkan kepada kementerian ini ucapan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, saya bersetujulah Yang Berhormat bagi Mambong...

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: ...di dalam sungai, air itu bersih, Yang Berhormat. Jadi, apakah Yang Berhormat mahu mencadangkan kepada kerajaan selain daripada loji-loji rawatan, cadanglah supaya mengikut kaedah rawatan *ecological sanitation* ini. Setujukah Yang Berhormat?

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Setujulah, Yang Berhormat sebab ini bidang dia. Sebab saya sudah kemukakan satu pandangan, Yang Berhormat bagi Mambong tambah lagi, saya bersetujulah untuk dijadikan sebagai bahan ucapan saya seterusnya. Walau bagaimanapun....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebagai bahan ucapan Yang Berhormat, sebenarnya kita pun tidak faham.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Tidak faham ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu kepakaran, perkara itulah.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Okay, walau bagaimanapun, oleh sebab banyak perbincangan berkenaan dengan alam sekitar ini saya mencadangkan agar aspek promosi dan kesedaran alam sekitar ini dijadikan modus operandi yang utama untuk menjadikan agenda pelestarian alam sekitar sebagai salah satu aspek penting dalam pembangunan negara.

Sehubungan itu, strategi dan pendekatan yang lebih proaktif perlu dilakukan untuk meningkatkan kesedaran alam sekitar di kalangan masyarakat. Pendekatan yang dimaksudkan mestilah berakar kepada penyertaan rakyat dan golongan prihatin. Di sinilah pentingnya golongan dan pertubuhan belia yang saya sebutkan kebelakangan tadi.

Saya mencadangkan agar Jabatan Alam Sekitar dan agensi-agensi lain yang terlibat dalam bidang pelestarian alam sekitar seperti Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Kerajaan Tempatan dan pihak berkuasa tempatan cuba mendekati golongan dan pertubuhan belia dengan memberi suntikan idealisme bagi membolehkan golongan muda ini mencintai, menghargai dan melindungi alam sekitar.

Dalam konteks ini saya mencadangkan juga kempen dan promosi alam sekitar diadakan secara berterusan menerusi pelbagai media dan acara. Kesedaran alam sekitar harus diterapkan dalam ko-kurikulum sekolah, kolej dan universiti, khutbah Jumaat, ceramah perdana, forum dan acara-acara lain seumpamanya juga perlu mempunyai slot khusus tentang alam sekitar.

Dengan cara ini, saya yakin suatu hari nanti Malaysia akan menjadi negara indah, negara taman dan negara bersih yang diidam-idamkan oleh rakyatnya dan pelancong asing.

Datuk Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: *[Bangun]*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Kelima, langkah meningkatkan hasil kerajaan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: ...menerusi sistem pencukaian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada dua Ahli Yang Berhormat yang bangun, Yang Berhormat bagi Seputeh dan Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Nanti saya habiskan cadangan yang kelima ini dahulu, Tuan Yang di-Pertua.

Dalam hal untuk meningkatkan hasil kerajaan menerusi sistem percukaian saya mencadangkan

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat....

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Nanti saya hendak selesaikan ini dahulu.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kalau sudah selesai

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Yalah, bersama-samalah kita bincangkan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kalau sudah selesai apa yang mahu dibincangkan.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Nanti, okay. Saya selesaikan bab saya dahulu. Jadi, saya mencadangkan agar RMK-9 turut memperkenalkan cukai pencemaran ataupun *pollution tax* kepada pihak-pihak yang terbabit yang mencemarkan alam sekitar. Cukai ini diperkenalkan di kebanyakan negara maju termasuk negara jiran Singapura bertujuan untuk menggalakkan orang ramai dan agensi swasta mengurangkan pencemaran alam sekitar.

Cukai ini perlu kerana kerajaan terpaksa berbelanja besar untuk membersihkan sungai, pantai dan alam sekitar yang lain. Akibat pencemaran yang dilakukan oleh pihak tertentu, dengan adanya cukai ini beban kewangan kerajaan tersebut dapat ditampung sekali gus dapat pula mencegah berlakunya pencemaran.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bangun]*

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: *[Bangun]*

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Saya ingat biar saya beri peluang kepada Beluran.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ai, mana adil! Saya yang berdiri dahulu tadi. Sekejap lagi you cakap. Ini tidak adil, Tuan Yang di-Pertua.
[Ketawa]

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kuala Pilah. Saya mendengar cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Pilah tentang kesedaran. Tetapi Yang Berhormat bagi Kuala Pilah lebih menuju kepada generasi muda, belia, penuntut sekolah dan sebagainya. Pada pendapat saya ini akan memberi kesan yang minimum kerana sebahagian besar daripada pencemaran yang dilakukan adalah mereka yang di luar daripada golongan belia ini, pekilang umpamanya dan mereka yang mempunyai industri besar-besaran, ladang-ladang kelapa sawit umpamanya.

Inilah *the culprits*. Mereka inilah yang mencemarkan keadaan sungai kita - keadaan semula jadi sungai. Apa cadangan Yang Berhormat terhadap mereka ini? Kalau dalam kempen kesedaran mereka tahu tentang bahaya, implikasi yang dilakukan oleh mereka, air kumbahan daripada kilang umpamanya, air kumbahan daripada kilang kelapa sawit dan sebagainya yang disalurkan secara *direct* ke sungai.

Tentulah Yang Berhormat melihat pendekatan kumpulan yang ini; kumpulan pengindustrian ini, kumpulan mereka yang mengusahakan kilang secara besar-besaran dan sebagainya adalah merupakan *culprits* yang harus diberi penumpuan oleh kerajaan. Apakah cadangan Yang Berhormat mengenai perkara ini?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sekali sahaja Yang Berhormat. Saya tambah, lebih kurang sama isunya.

Yang Berhormat, isu *environment* ini adalah isu yang dipanggil *non-traditional issue*. Ini bermakna tidak semua orang mengetahui ancamannya. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Beluran bahawa akta yang ada pada kita, mereka yang didapati membuang sisa-sisa toksik dan mencemar di mana-mana sahaja, dendanya lebih kurang RM5 ribu sehingga RM10 ribu. Kalau sektor korporat, contohnya di Kinabatangan, tebing-tebing sungai Kinabatangan telah habis dicemari. Seharusnya dia ada *reference reserve* tetapi dia tanam kelapa sawit.

Mereka inilah yang penyangak. Mereka *super* korporat ini menjadi seekor keparat yang cuba memusnahkan negara kita dan hukuman denda ini harus dinaikkan, kalau boleh dipenjarakan. Bukan sahaja wang ringgit tetapi dia punya onar mesti dipenjarakan sekurang-kurangnya lima tahun mungkin mereka baru mengelak daripada melakukan pencemaran seumpama ini. Kalau kerajaan tidak bertegas, akhirnya khazanah yang diberi oleh Allah Subhanahu Wataala kepada negara kita akan menjadi

musnah dan kita juga akan merana. Masa depan kita tidak akan tersusun sebab kita menghidu dengan bahan-bahan yang boleh meracuni kehidupan kita.

Justeru itu, saya meminta Yang Berhormat juga mencadangkan...

Seorang Ahli: Ini berucap atau apa?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:mencadangkan kepada kerajaan supaya mewajibkan iaitu setiap negeri mewujudkan Lembaga Sungai-sungai untuk memelihara *environment* di seluruh negeri. Kalau tidak diwujudkan sehingga pada hari ini kita tidak akan mendapat satu hasil apa juga saranan dan cadangan daripada kita tidak akan mendapat apa-apa impak secara berkesan. Minta pandangan Yang Berhormat.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Inilah yang akan saya cakapkan selepas ini iaitu berkenaan dengan pencemaran sungai. *So, in line with what you are thinking.* Sebab isu tentang pencemaran sungai ini merupakan topik hangat yang saban hari dimuatkan dalam media massa. Berita tentang kualiti air, minuman berbau, kematian ikan dan spesies akuatik, timbunan sampah sarap, warna air yang pelbagai, laluan lumpur dan selut merupakan fenomena yang sering kali dikaitkan dengan sungai-sungai utama di negara ini termasuklah di pusat-pusat bandar raya utama.

Hal ini menimbulkan pelbagai kesan sampingan dan banjir kilat sering berlaku kerana kederasan air sungai yang mengurang dan kawasan tadahan air hujan yang diturapi dengan jalan raya dan bangunan. Dari segi teknikal kaedah untuk memulihkan sesebuah sungai bukanlah terlalu rumit untuk direka bentuk atau dibina, asalkan biayanya mencukupi. Banyak teknologi telah dibangunkan dan digunakan dengan meluas di pelbagai negara. Teknologi-teknologi tersebut juga menghasilkan risiko....

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: [*Bangun sambil mengetuk pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Labuan.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Saya selesaikan sedikit tentang pencemaran sungai ini. Nanti kalau hendak tambah, tambahlah.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Boleh, Yang Berhormat.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Terima kasihlah atas simpati ini.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Saya pun hendak tambah ini.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Pelbagai cara teknologi-teknologi tersebut juga menghasilkan risiko dan kesan alam sekitar yang minimum tetapi pada hemat saya, khususnya dalam konteks sungai di Lembah Klang, isu yang lebih relevan adalah merupakan konsep rawatan tadah hujan. Ini merupakan isu pokok iaitu dari segi konsep kawasan hulu, di dalam sesuatu tadahan hulu haruslah bebas dari aktiviti-aktiviti yang berkemungkinan boleh mencemarkan kualiti air.

Di kebanyakan negara yang maju dari segi pengurusan air, sebagai contoh Jepun dan Australia hanya aktiviti pembalakan dan pertanian sahaja yang dibenarkan ditempatkan di hulu loji rawatan air. Itu pun ada masalahnya iaitu pencemaran sisa *pesticide* dan baja dari ladang serta kandungan bahan organik asli dari kawasan hutan.

Beban pencemaran - Isu kedua ialah tentang beban pencemaran ataupun *pollution loading* bagi banyak pihak termasuk agensi penguat kuasa di negara ini. Beban pencemaran tertumpu kepada aspek kualiti sahaja atau kepekatan najis, atau sesuatu jenis sisa dalam unit tertentu biasanya miligram bagi setiap liter. Itulah unit yang digunakan dengan meluas termasuklah dalam peruntukan perundangan yang ada kini, di bawah Kualiti Alam Sekeliling, Kumbahan Dan Elemen Industri Peraturan 1979.

Saya kira kita perlu menghormati perundangan dan standard yang ada tetapi kita juga tidak wajar berlapang dada kerana ilmu dan kemahiran dalam bidang ini kian berkembang banyak yang telah kita pelajari dan boleh diperbaiki. Dalam hal ini saya ingin mencadangkan agar beban pencemaran untuk *air -fluid* di negara ini dikaji untuk dipertingkatkan lagi tahap keberkesannya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Labuan bangun.

Datuk Haji Hassan bin Malek [Kuala Pilah]: Saya habiskan sikit dulu.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Nanti terlepas, terlepas.

Datuk Haji Hassan bin Malek [Kuala Pilah]: Tak apa, okey. Dalam hal ini saya ingin mencadangkan agar beban pencemaran untuk *air -fluid* di negara ini dikaji untuk dipertingkatkan lagi tahap keberkesannya. Menurut pendapat beberapa orang pakar yang saya temui, beban pencemaran yang tidak kurang penting ialah kuantitinya tidak sekadar aspek kualiti *air -fluid* sahaja. Jika kuantitinya tinggi tetapi kepekatan bahan cemar masih rendah, yang mematuhi standard A misalnya, tidak bermakna *air -fluid* tersebut tidak mencemarkan sungai. Ini kerana keupayaan sungai untuk mengalami proses pembersihan sendiri lebih banyak bergantung kepada kuantiti airnya.

Oleh yang demikian, ada rasionalnya agar peraturan yang ada kini dikaji semula sebagaimana pandangan-pandangan daripada beberapa orang Ahli Yang Berhormat bahawa perlu dikaji semula kerana pengalaman kita menguruskan sungai dan menjalankan penyelidikan yang berkaitannya mendapati bahawa beban pencemaran dari segi kualiti tidak mempunyai impak yang langsung kepada kebersihan sesuatu sungai atau laut. Dalam konteks kumbahan dan sisa industri termasuklah sisa premis, penyembelihan haiwan, aspek kuantiti lebih *significant* jika kualiti *air-fluid* itu rendah daripada standard B tetapi kecil dari segi kuantitinya, ia kurang mencemarkan sungai berbanding dengan *air-fluid* yang tinggi kuantitinya walaupun kualitinya mematuhi standard A sekalipun.

Di kebanyakan negara maju, kebenaran untuk beroperasi bagi sesuatu loji rawatan kumbahan atau sisa industri juga tidak lama lagi terikat kepada sesuatu standard. Ia lebih bergantung kepada keupayaan sesebatang sungai untuk menampung beban pencemaran. Ini bermakna penetapan dan penguatkuasaan standard A atau B dalam konteks Malaysia kurang impaknya untuk memastikan sungai bebas daripada pencemaran. Isu terakhir Tuan Yang di-Pertua, ialah tentang penguatkuasaan dan pertindihan kuasa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Ayer Hitam, Labuan.

Datuk Haji Hassan bin Malek [Kuala Pilah]: Ayer Hitam.

[Beberapa Ahli ketawa]

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Pilah. Saya meneliti ucapan Yang Berhormat tadi, yang menyentuh tentang standard A, standard B piawaian yang patut dipatuhi oleh pihak industri. Tetapi apa yang berlaku sebenarnya, standard A, standard B itu tidak ada masalah dari segi parameter itu memang diiktiraf di peringkat antarabangsa. Tetapi pihak industri yang ada sekarang, mereka walaupun telah menyediakan loji rawatan, tetapi mereka tidak merawat.

Mereka hanya merawat apabila penguat kuasa datang, jadi mereka akan terus keluarkan *air-fluid* kerana kos untuk merawat itu agak tinggi kadang kala. Jadi ini adalah kebocoran yang kita sentiasa sebut-sebutkan dan bukan daripada standard itu perlu dikaji semula. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Hassan bin Malek [Kuala Pilah]: Setuju, perlulah jadi kajian semula dan sebagainya yang dibuat oleh pihak Kementerian. Labuan, kalau ada nak tambah sikit ke? Ya, Labuan jemput.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua terima kasih. Tadi sahabat saya daripada Kinabatangan mencadangkan kepada Yang Berhormat supaya tindakan tegas diambil kepada mereka-mereka yang tidak menghormati kualiti alam sekitar dan Yang Berhormat tidak menjawab. Sebenarnya dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, ada menyebutkan jelas Seksyen 34A(4) sebenarnya . Jika didapati bersalah, denda RM500 ribu dan penjara 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

Soalan yang ingin saya tanyakan kepada Yang Berhormat ialah dengan adanya perundangan yang sudah merangkumi pelbagai aspek dan saya rasa cukup lengkap untuk kita melindungi kepentingan alam sekitar tetapi masih gagal. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa kegagalan ini sebenarnya bukan disebabkan masalah Rang Undang-undang atau sebagainya tetapi kekurangan ataupun *cross-negligent*..... jabatan-jabatan tertentu ataupun *respective.. department or agencies* dari sudut ataupun dari segi pelaksanaan ataupun *enforcement*. Adakah Yang Berhormat setuju?

Datuk Haji Hassan bin Malek [Kuala Pilah]: Saya bersetujulah Labuan, sebab ini ada kaitannya dengan sistem penyampaian yang akan saya bincangkan pada akhir ucapan saya ini nanti. Isu terakhir ialah tentang penguatkuasaan dan pertindihan kuasa dalam kes pencemaran ammonia yang berlaku di Sungai Selangor dua minggu lalu, kita tertanya-tanya agensi manakah yang sebenarnya boleh dipertanggungjawabkan sepenuhnya untuk mengepalai berbagai agensi dalam menguatkuasakan berbagai peraturan yang ada agar alam sekitar khususnya sungai tidak tercemar.

Kita maklum bahawa Jabatan Alam Sekitar bertanggungjawab dalam soal loji rawatan sisa dan kualiti *air-fluid*. Jabatan Parit dan Saliran pula tentang kuantiti dari segi saluran yang barangkali tidak membabitkan isu kualiti air. Operasi premis sebahagiannya di bawah kendalian Majlis Kerajaan Tempatan. Sekadar pertanyaan dalam kes air minuman berbau akibat pencemaran sungai sehingga menjejaskan bekalan air di Selangor dan Kuala Lumpur, agensi mana yang perlu memainkan peranan utama sebagai dengan izin, *the leading agency* yang boleh dipertanggungjawabkan? Agensi mana pula yang meluluskan penempatan pelbagai premis yang boleh mendatangkan risiko di hulu kawasan tadahan hujan yang

menempatkan loji rawatan air terpenting di negara ini yang membekalkan air kepada 60% keperluan Selangor dan Kuala Lumpur.

Di samping itu saya berharap, semua pihak terutamanya pihak berkuasa tempatan akan lebih berhati-hati dalam memberikan kelulusan terhadap projek-projek pembangunan agar ia tidak menyebabkan berlakunya kerosakan dan pencemaran alam sekitar. Saya juga menyeru agar Jawatankuasa Kabinet yang baru dibentuk menangani isu-isu alam sekitar yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri memberi penekanan kepada aspek pemantauan dan penguatkuasaan semua undang-undang yang sedia ada dengan tidak memilih bulu terhadap apa-apa penyelewengan yang merosakkan alam sekitar seperti kerja-kerja pencerobohan hutan dan pembalakan haram.

Tuan Yang di-Pertua, saya berubah kepada tajuk lain iaitu berkenaan dengan penyerapan nilai-nilai Islam dalam memerangi rasuah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Mambong.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Penjelasan sebelum berubah kepada tajuk yang lain.....

Datuk Haji Hassan bin Malek [Kuala Pilah]: Saya nak beri kawan-kawan lain, untuk apa Mambong?

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Ini tentang alam sekitar, masih dalam tajuk alam sekitar.

Datuk Haji Hassan bin Malek [Kuala Pilah]: Ada cadangan lagi, cadangan baru?

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Ada cadangan lagi.

Datuk Haji Hassan bin Malek [Kuala Pilah]: Ha, silalah, sila.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Ini tentang kes ammonia, yang masuk ke dalam air rawatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, nak minta penjelasan atau nak beri ucapan?

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Ya, tapi saya sebut dulu, saya mesti sebut kes ammonia. Kalau saya terus minta penjelasan, nanti soalan dia tergantung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sendiri boleh berucaplah, saya cadangkan Yang Berhormat sendiri bawa untuk perhatian kerajaan ataupun tindakan kerajaan.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Saya tanya sebab ini di Selangor bukan di Sarawak, kalau di Sarawak saya bawa. *[Ketawa]*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sekarang pun nak bawa juga, sama, tunggu sampai giliran Yang Berhormat.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Saya tanya dia supaya dia boleh menjawab. *[Bercakap bahasa kantonis]*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cakap apa ini? *[Ketawa]*.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Okey, tentang kes ammonia ini Yang Berhormat Kuala Pilah. Saya nampak semua organisasi kerajaan nampaknya tidak mahu mengambil tanggungjawab tentang siapakah yang salah, siapakah yang tidak salah? Tetapi pada permulaannya, kelulusan tapak pelupusan sampah ini, siapakah yang bagi kelulusan? Ini adalah isu yang pertama. Kalau Jabatan Alam Sekitar yang memberi kelulusan, maka inilah punca pencemaran ammonia ini.

Jadi kenapa Jabatan Alam Sekitar meluluskan rawatan air kumbahan daripada tapak pelupusan ini dengan teknologi yang begitu rendah. Sedangkan di kawasan saya sendiri di Mambong, kita berbelanja lebih RM20 juta untuk rawatan air kumbahan. Tetapi di sini, saya nampak daripada gambar di TV, hanya kolam ledakan ataupun *.oxidation..... pool*. Di manakah teknologi yang harus digunakan di dalam tapak pelupusan ini? Terima kasih.

Datuk Haji Hassan bin Malek [Kuala Pilah]: Soalan itu agak teknikal dan saya akan minta Yang Berhormat Menteri berkenaan akan respons kepada pandangan ataupun soalan daripada pihak Mambong itu. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, penyerapan nilai Islam dalam memerangi rasuah. Senario politik dan kepimpinan negara kita sedang rancak dilanda arus pembersihan rasuah yang dilaung-laungkan di bawah panji pemerintahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita ini. Sejak kebelakangan ini kita sering mendapati ada saja golongan yang digelar pemimpin, tokoh korporat atau kakitangan kerajaan yang disabit masalah rasuah.

Ini bukanlah masanya untuk kita menuding jari dan mencari serta memperbesarkan kesalahan mana-mana pihak tetapi mencari jalan tengah untuk sama-sama mengatasi permasalahan yang telah menghantui kepimpinan sejak dahulu lagi. Jika dahulu tidak ramai yang ingin menjadi pemimpin hingga terpaksa ditarik ke atas untuk memperjuangkan hak dan keadilan, tetapi kini ramai yang berebut-rebut dan rata-

rata mempunyai latar belakang politik yang kuat dan teguh maka persaingan mula ditambahkan melalui pembabitan politik wang.

Kini ramai pemimpin yang berpasakkan ideologi-ideologi asing dalam menerap serta membangkitkan ciri-ciri kepimpinan peribadi. Usaha kerajaan sejak dari tahun 80-an lagi di mana penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran telah dialu-alukan tetapi kempen itu hanya tinggal nama sahaja. Ini hanya tinggal unsur penerapan tanpa diketahui ke manakah hilangnya elemen nilai. Apatah lagi elemen nilai-nilai Islam ke dalam jati diri pemimpin di Malaysia ini tidak perlu kita pergi jauh untuk mendalami aspek atau ciri-ciri apakah yang perlu ada dalam diri seseorang pemimpin demi memerangi.....

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: *[Bangun]*

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]:gejala rasuah dan politik wang dengan membelek buku-buku.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Haji Hasan bin Malek:penulisan Dr. Stephen Covey....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Haji Hasan bin Malek:mahupun buku.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kepong.

Datuk Haji Hasan bin Malek:Sun Tzu berjudul *The Art of War* sebagai sebuah negara Islam kita perlu menggunakan pendekatan yang menyeluruh dengan mendalami sifat keperibadian dan kepimpinan Nabi Muhammad s.a.w. Walaupun terdapat banyak sifat baginda yang boleh dicontohi namun demi perbincangan ini saya akan membawa pendekatan perhatian pembaca ke arah keempat sifat keperibadian utama junjungan nabi kita Rasulullah s.a.w iaitu Siddiq, amanah, tabligh dan fatanah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kepong.

Datuk Haji Hasan bin Malek: Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya dengar ada ciri-ciri Islam dan sebagainya. Adakah ini yang dimaksudkan Islam Hadhari dan juga adakah semua ciri-ciri ini cukup dengan *declaration of human right* di *Cairo* oleh negara-negara Islam OIC. Adakah, sebab Yang Berhormat itu mengambil masa yang panjang juga kita hendak tahu macam mana fahaman mengenai Islam Hadhari dan ciri-ciri termasuklah hak-hak asasi Islam.

Datuk Haji Hasan bin Malek: Konsep Islam Hadhari ini sudah mula diperkenalkan dan ini sebenarnya adalah merupakan sebahagian daripada tumpuan yang diberikan oleh pihak kerajaan untuk menjadikan cara hidup orang Islam atau Muslim dalam cara membangunkan negara, dalam cara hidup mereka seharian yang bersifat *civilize* dan inilah sebenarnya Islam Hadhari yang dimaksudkan.

Pembangunan-pembangunan yang dahulu untuk bersama tetapi ini adalah dari segi falsafahnya Islam Hadhari inilah yang hendak diperjuangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita iaitu peningkatan daripada nilai-nilai yang terdahulu berkenaan dengan penerapan nilai-nilai Islam. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kerajaan kita hari ini hendak pergi lebih jauh daripada itu iaitu dijadikan pembangunan yang ada hari ini sebagai pembangunan *civilize*, pembangunan bertamadun dan inilah dia Islam Hadhari yang sebenar.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [*Bangun*]

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Ada tidak jelas lagi?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Mencelah lagi, kerana dia sibuk dengan ciri-ciri Islam. Saya pun hendak faham jugalah. Adakah Islam hadhari ini berdasarkan kepada undang-undang syariah juga? Kalau itu, apakah perbezaan dengan amalan biasa?

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Kalau sekiranya Yang Berhormat bagi Kepong tadi tidak begitu faham tentang ciri-ciri pentadbiran yang saya sebutkan empat ciri tadi saya akan kemukakan. Saya bagi empat tadi iaitu *siddiq*, *amanah*, *tabligh* dan *fatanah*.

Siddiq ini secara umumnya bolehlah ditafsirkan sebagai benar walaupun ianya dirangkumkan dengan satu perkataan tapi maksudnya perlulah diperhalusi dengan lebih mendalam, benar dalam konteks ini iaitu benar secara menyeluruh bukan hanya tertakluk kepada tutur kata tetapi juga merangkumi perbuatan seharian dalam konteks masyarakat moden. Pendekatan yang kita gunakan adalah telus dalam apa jua yang kita lakukan. Apakah yang perlu kita takutkan jika kita berlandaskan dengan sesuatu yang benar. Motif utama seseorang individu itu menjadi pemimpin adalah semata-mata untuk menjadi khalifah di muka bumi ini di samping mencari keredaan Allah s.w.t. Apa yang dapat kita lihat kini hanyalah wang, pangkat, kedudukan dan harta menjadi motif utama dalam perjuangan. Jika perjalanan kita telah dimulakan dengan langkah yang salah sampai bilakah kita akan sampai ke destinasi yang sepatutnya. Itu sifat utama *siddiq* benar.

Yang kedua ialah amanah dan ianya merupakan perkataan yang paling senang dilupakan oleh para pemimpin. Sepatutnya pemimpin tidak perlu menekankan bahawa mereka hanyalah menjalankan tugas mereka sebaliknya mereka perlu menekankan bahawa mereka berdiri di sini, di sana di atas tiket sebagai pemegang amanah rakyat. Bagaimanakah seseorang penjawat jawatan ingin merasakan bahawa dirinya itu bertanggungjawab jika beliau hanya merasakan bahawa dirinya hanya memikul tugas yang dianggap sebagai beban.

Yang ketiga ialah tabligh iaitu menyampaikan. Tidak dinafikan masyarakat Malaysia amnya.....

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: *[Bangun]*

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]:memang hebat dalam mendalami sifat ketiga ini. Tetapi melalui pendekatan yang songsang.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]:masyarakat kita....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Pasir Puteh.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Pasir Puteh ada hendak mencelah, tambah sedikit.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Sedikit lagi. Pendekatan yang songsang masyarakat kita memang pakar dalam menyampaikan berita seperti gosip dan khabar angin yang tidak berasas dan kadangkala dapat membawa kepada kejatuhan sesebuah organisasi. Sifat menyampaikan di sini dapatlah disimpulkan sebagai satu proses penyampaian maklumat yang berkesan dengan sifat mendorong ke arah kebaikan yang akhirnya dapat membawa kepada kejayaan sesebuah organisasi itu. Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Kuala Pilah. Yang Berhormat, saya hendak bertanya sedikit apakah bersetuju dengan pandangan saya. Oleh kerana penerapan nilai-nilai murni dan nilai-nilai Islam ini telah bermula pada 1982 lagi iaitu diterapkan dalam perkhidmatan awam. Tetapi Islam memanglah kita tidak nafikan Islam itu baik, Islam teori dan praktikalnya cukup baik. Tapi amalan Islam ini di kalangan masyarakat itulah menjadi satu kelemahan.

Kalau kita tengok perlu atau tidak kita membuat satu kajian secara menyeluruh. Sejauh manakah pengamalan nilai-nilai murni ini di kalangan struktur kerajaan, swasta,

badan-badan pertubuhan. Sejauh mana kajian ini diberi kepada badan bebas. Kita tidak mahu beri kepada sembarangan. Oleh kerana kita hendak ukur sejauh manakah struktur kerajaan, swasta dan badan-badan pertubuhan mentaati amalan nilai-nilai murni ini supaya kita ambil tindakan dalam menangani rasuah ini. Saya rasa kalau hendak berjaya menangi rasuah dengan nilai-nilai murni mesti buat kajian. Kalau tidak, tinggal dengan teori tapi praktikalnya tidak akan memberi kesan yang positif dan membina. Yang Berhormat setujuakah?

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Setuju, Yang Berhormat Pasir Puteh. Seterusnya sifat yang keempat ialah sifat fatanah iaitu bijaksana yang amat diperlukan oleh para pemimpin kita. Pada ketika ini bijaksana tidak bermaksud kepandaian kognitif seseorang individu tetapi kebijaksanaan yang berasaskan pendidikan selaras dengan pengalaman yang dapat mendorong seseorang terus maju sejajar dengan matlamat, memperbaiki diri sendiri dan golongan yang dipimpin.

Sebagai kesimpulannya, setiap individu perlu mengambil iktibar dan cuba mengimplikasikan keempat-empat sifat ini dalam kehidupan masing-masing.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Mudah-mudahan melalui pengajaran sifat-sifat tersebut....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]:negara kita akan lebih maju....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kepong.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]:memacu pertumbuhan dalam segenap bidang dengan lebih berjaya lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kepong.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Kepong, ada hendak tanya lagi?

Dr. Tan Seng Giaw: Memang saya seronoklah kerana kita hendak hayati nilai-nilai murni. Macam mana Yang Berhormat dapat untuk kita mewujudkan toleransi terhadap semua agama, kita hendak agama Buddha, Kristian, Hindu dan sebagainya, itu bertimbang rasa, bertoleransi, macam mana orang Islam di Malaysia ini sebagai majoriti. Kalau majoriti itu ada yang baik, ada juga yang taksab ataupun *extreme* juga. Macam mana kita dapat mewujudkan suasana bertoleransi menurut Islam bertamadun,

Hadhari? Itu istilah yang mentakrifkan sebagai bertamadun, *stabilize*. Macam mana kita dapat mewujudkan suasana bertoleransi di negara ini?

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah] Tuan Yang di-Pertua, saya ingat konsep yang saya bagikan itu khususnya dalam bidang penilaian-penilaian murni dalam Islam iaitu Siddiq, Fatanah, dan sebagainya tadi merupakan asas. Ini tambahan daripada ciri-ciri budaya kita yang baik, ini semua akan dapat kita perkuatkan, dapat kita jadikan garis panduan untuk kita boleh hidup secara harmonis di dalam negara Malaysia kita ini. Sejarah telah menunjukkan bahawa toleransi, tolak ansur, faham memahami ini akan boleh menguatkan lagi semangat jati diri setiap individu dalam negara ini untuk melihat negaranya lebih dalam keadaan aman, bahagia dan sebagainya.

Jadi, ini semuanya yang dapat dirangkumkan dalam konsep Islam Hadari yang diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Jadi, insya-Allah dengan komitmen kita, dengan keikhlasan kita bersama, insya-Allah ini akan dapat kita dapat jayakan bersama,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Pasir Puteh

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Tambah sedikit

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: ... kita akan dapat lihat nanti sebuah negara yang boleh menerima bangsa, agama, kebudayaan lain dalam suatu komuniti yang di sebut Malaysia.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Tambah sedikit dalam bab toleransi ini Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kuala Pilah kita harus memahami sedalam-dalamnya, dengan seikhlas-ikhlasnya, dengan setulus-tulusnya. Oleh sebab dalam Al-Quran menyebut [*ahli membaca sepotong ayat Al-Quran*] tidak ada paksa dalam beragama bebas dalam Malaysia ini, boleh mengamalkan agama, adat resam masing-masing dan juga kamu agama kamu, aku agama aku.

Tidak boleh menimbulkan sensitiviti langsung. Kalau ada dimaterai dalam Perlembagaan misalannya, kita tidak boleh sentuh sebab sensitiviti, maka dengan sebab itu menyalahi hukum Islam kalau orang Islam pergi mencabul suatu tempat ibadah orang lain. Bukan ditegah, berdosa besar, kerana mencabuli tempat ibadah orang lain dia akan mencabuli kita. Waktu kita memarahi tuhan dia, dia akan murka tuhan kita. Maka kalau kita faham selama ini 50 tahun kita merdeka, Alhamdulillahlah. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat kita cukup aman, makmur, bahagia kerana kita menjaga bertoleransi dalam beragama ini. Tapi jangan akhir-akhir ini kita cuba

meracuni pemikiran politik dari luar untuk memecah belahan kita, yang kita ikat dalam toleransi ini. Itu sahaja, setuju, tidak?

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: : Setuju Tuan Yang di-Pertua, saya telah sebut tadi tentang toleransi, tentang kedudukan kita dan juga sumbangan kita sebagai rakyat. Ketulusan, keikhlasan ini penting dalam sama-sama kita menerajui, sama-sama kita memimpin negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, memperbaiki sistem penyampaian yang telah disebut oleh kawan-kawan tadi, saya ingat saya hendak teruskan kepada sistem penyampaian ini, ini penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi Pasir Mas..

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Kita bagi peluang nanti, ada masa saya bagi peluang. Ya, hendak sokong. Hendak sokong boleh, sila.

[Dewan gemuruh dengan ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebenarnya untuk sokong atau tidak sokong. Sama ada dia ada perkara untuk penjelasan atau tidak.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya bagi Kuala Pilah. Saya setuju benar dengan apa yang telah disebutkan oleh Kuala Pilah, tentang sifat-sifat yang baik, nilai-nilai yang murni yang ditonjolkan melalui agama, melalui Islam. Saya kira kalau lebih ramai lagi Yang Berhormat-Yang Berhormat yang bercakap sebagaimana yang telah disebutkan oleh Kuala Pilah itu memberikan suatu yang baiklah kepada kerajaan, insya-Allah. Tinggal lagi saya rasa kita bukan sekadar menjadi sebagai sifat-sifat tertentu sahaja kepada kehidupan kita.

Apakah Yang Berhormat Kuala Pilah bersetuju, kalau kita menjadikan yang 4 perkara tadi sebagai asas atau sebagai pemangkin kepada negara kita? Ia bukan menjadi sifat sahaja tetapi ia menjadi dasar kepada negara. Siddiq misalnya, Amanah, Tabligh, Fatanah itu menjadi dasar negara, bukan menjadi sifat. Kadang-kadang sifat kepada sesuatu ini barangkali tidak terlaksana, kalau tidak menjadi dasar kepada negara. Dalam erti kata bahawa kerajaan juga mesti mempunyai dasar toleransi, dasar amanah. Bukan sahaja rakyat memiliki amanah tetapi kerajaan juga amanah.

Di waktu yang sama rakyat memiliki Fatanah, kerajaan juga Fatanah. Kita hendak kedua-duanya seimbang. Jangan sekadar kerajaan tetapi rakyat tidak, jangan sekadar rakyat tetapi kerajaan tidak. Kita hendak kedua-dua pihak, sehingga kerana itu

saya kata apakah Yang Berhormat suka bersetuju kalau saya katakan bahawa kita tukarkan daripada sifat-sifat ini menjadi dasar kepada kerajaan bagi memakinkan lagi, sebagai pemakin negara kita sehingga lahir satu umat yang memang kuat dan memang utuh dalam menghadapi zaman kita dan zaman seterusnya. Apakah setuju dengan pandangan saya?

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Okey, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dalam soal dasar ini, saya ingat apa sahaja dasar, strategi yang dipersetujukan oleh kerajaan adalah menjurus ke arah yang baik. Kepada arah yang cukup cemerlang. Ini semua dirangkumi dalam segi pelaksanaan apa yang saya sebutkan tadi Islam Hadhari yang diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Dasar-dasar, prinsip-prinsip, nilai-nilai yang baik ini semua digabungkan, disepadukan sebagai tindakan kita pula.

Jadi oleh sebab itu, sama ada jadi dasar ini pun sudah ada dalam dasar apa pun baik dalam dasar pelajaran, dalam dasar kebudayaan, dalam dasar pentadbiran negara, semua ini terangkup lebih dari 4 nilai yang saya sebutkan tadi. Semuanya ini adalah berada di sekitar Islam bertamadun, Islam Hadhari yang kita sama-sama hayati itu. Jadi inilah keadaannya sahabat saya daripada Pasir Mas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kuala Terengganu.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Kuala Terengganu, okey.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Mohon penjelasan sedikit, Yang Berhormat Kuala Pilah. Tadi banyak Yang Berhormat bercakap tentang membina jati diri, membina elemen-elemen tempatan dalam memupuk satu budaya kita yang tersendiri dalam kita membina negara bangsa kita dengan ciri-ciri kita tersendiri yang disebut dalam istilah *glokallization* dengan izin. Tetapi satu persoalan saya, kalau boleh dapat penjelasan daripada Yang Berhormat, sejauh manakah dalam usaha kita untuk kita menanam ciri-ciri di negara bangsa ini dengan nilai dan jati diri kita dengan konsep yang telah disebut itu kita boleh berdepan dengan cabaran global yang begitu kuat mengasak kita dengan pelbagai ciri-ciri yang asing bagi kita sekarang ini, bagaimanakah? Malah buku, banyak buku banyak menyebut bahawa "*The world is flat*" yang membawa makna dan maksud bahawa nilai-nilai *local* itu tidak akan muncul dan tidak dapat terbina satu jati diri kita yang tersendiri dimana proses *flattening* ataupun meratakan itu akibat daripada gelombang dan gelora globalisasi itu tadi begitu kuat

sekali. Apakah Yang Berhormat benar-benar yakin bahawa, kenyataan daripada penulis-penulis timur dan barat menyatakan *the death of the nation state* itu tidak akan berlaku dalam konteks usaha kita membina jati diri kita ini.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Saya yakin, saya yakin dengan komitmen kita, dengan penekanan kita serta berdiri atas sifat sebagai seorang yang bertanggungjawab saya yakin matlamat kita ini akan dapat dijayakan. Dalam keadaan kita masuk dalam teknologi maklumat, negara yang tidak ada sempadan ini sudah tentu dengan berlandaskan kepada pekerja berilmu, ilmu-ilmu dan teori-teori yang baik-baik ini, insya-Allah kita mampu berhadapan dengan apa sahaja cabaran yang akan berlaku dan akan berlaku pada negara kita pada masa-masa yang akan datang.

Sejarah telah membuktikan bahawa banyak cabaran dan rintangan yang kita tempoh dari peringkat kita mahu mencapai kemerdekaan sehingga kita mahu mengisi kemerdekaan, mahu mengangkat negara ini kepada negara maju, banyak cabaran yang kita tempoh. Tetapi alhamdulillah, dengan keizinan dan tekad pemimpin-pemimpin kita berjaya. Kalau dahulu kita boleh buat saya cukup yakin, insya-Allah pada masa yang akan datang kita mampu menemпуhi segala cabaran ini dan mengharapkan Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu bersama-sama dengan kawan-kawan dalam Dewan ini untuk kita membulatkan segala fikiran, tenaga dan sumbangan kita ke arah pencapaian impian pemimpin negara kita iaitu melihat Malaysia cemerlang, gemilang dan terbilang, insya-Allah.

Jadi, apa yang menjadi masalahnya ialah ini yang saya akan ucapkan iaitu berkenaan dengan sistem penyampaian (*delivery system*) di kalangan kita.

Tuan Yang di-Pertua, seluruh negara menunggu pelancaran RMK-9. Harapan rakyat terhadap RMK-9 adalah amat tinggi, apa lagi dengan kedudukan RMK-9 yang amat strategik iaitu sebagai jendela, formula dan sebagai *catalyst* terhadap arah tuju ini. Kesenambungan dan kelangsungan kejayaan pembangunan Malaysia dalam jejak langkah dan perjalanannya menuju ke 50 tahun keduanya sebagai sebuah negara merdeka, dengan harapan rakyat yang tinggi ini mesti dipenuhi dan tidak disia-siakan.

Saya yakin dari segi dasar dan strateginya RMK-9 adalah sangat baik tetapi yang saya risaukan ialah andai kata pelaksanaannya tidak sebaik yang direncanakan, pelaksanaannya menjadi tidak baik berpunca dari sistem pencapaian yang lemah, dan dengan itu saya menyeru agar sistem penyampaian perkhidmatan diperbaiki.

Sistem penyampaian yang lemah akan menggugat pelaksanaan program-program pembangunan terutamanya yang melibatkan golongan miskin. Sebaliknya sistem penyampaian yang baik bukan sahaja akan melicinkan perjalanan program-program pembangunan, malahan ia akan menambah nilai terhadap kesan dan faedah daripada program-program tersebut dari segi akses, kuantiti dan kualitinya. Bagaimanakah sistem pencapaian dapat diperbaiki?

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: *[Bangun]*

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sepanggar dan Yang Berhormat bagi Ledang bangun.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Okey, sebelum saya jawab soalan saya tadi saya jemput Yang Berhormat bagi Ledang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Rembau.... Yang Berhormat bagi Kuala Pilah tadi. *[Ketawa]* Yang Berhormat bagi Rembau kacau tadi, Tuan Yang di-Pertua.

Tadi Yang Berhormat bagi Kuala Pilah menyebut tentang sistem penyampaian ataupun mutu penyampaian perkhidmatan dalam negara kita yang digambarkan seolah-olah lemah sedangkan kita sedia maklum bahawa sejak negara kita merdeka, kita telah pun mencapai kejayaan demi kejayaan, pembangunan infrastruktur yang saya fikir salah satu negara yang terbaik dalam rantau ini, malahan perkhidmatan polis adalah empat yang terbaik dalam dunia.

Banyak kemajuan-kemajuan yang telah kita capai. Dari segi keselamatan kita terkawal. Ia menggambarkan bahawa kepada saya penyampaian perkhidmatan adalah sekarang ini di kalangan yang terbaik di rantau ini. Adakah Yang Berhormat bagi Kuala Pilah menyatakan bahawa kita telah pun sampai ke tahap yang berjaya ini, tetapi Yang Berhormat bagi Kuala Pilah menyatakan bahawa sistem penyampaian perkhidmatan adalah lemah bertentangan dengan apa yang kita capai selama ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, panjang lagikah?

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Ada... saya ingat kalau tiada celahan boleh selesai sebelum Kalau ada yang mencelah itu...

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berbalik kepada soalan Yang Berhormat bagi Ledang tadi. Sebenarnya saya tidak cakap bahawa pentadbiran kita ini lemah. Saya cakap bahawa harapan rakyat kepada RMK-9 tinggi dan harapan kita semua tinggi. Tetapi yang kita risaukan, yang saya sebut dalam ucapan-ucapan saya soal dasar pun tidak ada masalah, yang menjadi masalahnya ialah pelaksanaan (*implementation*). Dalam bab ini sistem pentadbiran kita, kita mengakui bahawa ini adalah kejayaan kita bersama. Kita telah sama-sama mempertahankan tetapi ada ruang-ruang yang saya fikir kita boleh perbaiki, yang kita boleh perbetulkan.

Dalam kajian yang dibuat oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu satu kajian telah dibuat berkenaan dengan kedudukan sistem pencapaian negara kita dan kita dari segi peratusannya menurun dari apa yang kita harapkan. Oleh kerana itu, Yang Berhormat bagi Ledang, saya tidak pernah bercakap lemah tetapi kita perlu memperbaiki dan mempertingkatkan kekesan (*effectiveness*) sistem pentadbiran kita itu.

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: *[Bangun]*

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, ada dua lagi yang bangun, Yang Berhormat bagi Sepanggar dan Yang Berhormat bagi Rembau.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Saya hendak ceritakan dahulu bagaimana...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sila duduk dulu.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]:sifat pencapaian yang dapat diperbaiki setakat ini. Kerajaan telah mencadangkan beberapa langkah yang penting yang perlu disokong oleh Dewan yang mulia ini seperti membanteras rasuah, pasukan *task force* untuk menyelesaikan masalah di pejabat tanah, Pelan Integriti Negara dan sebagainya.

Namun demikian, di samping langkah-langkah tersebut saya berpendapat bahawa ia juga memerlukan satu kerangka atau satu cara pemikiran segar. Apa yang saya maksudkan ialah dengan meletakkan rakyat atau kumpulan sasaran pembangunan atau penerima perkhidmatan sebagai tumpuan kita. Apakah sistem penyampaian perkhidmatan kita hari ini tidak menjadikan rakyat sebagai tumpuan?

Memang ya, tetapi ia belum mencukupi. Saya ulang belum mencukupi. Untuk menjadikannya lebih baik ia perlu memberi ruang dan peluang kepada rakyat untuk memantau dan mendisiplinkan para penyampai perkhidmatan (*service providers*) ini hak upaya untuk bersuara dalam proses membuat keputusan dan menambah insentif kepada penyampai perkhidmatan yang bertugas dengan baik.

Terdapat beberapa pendekatan bagaimana kerajaan menyampaikan perkhidmatannya. Antaranya ialah dengan menggunakan agensi-agensi Kerajaan Pusat disentralisasikan melalui kerajaan negeri dan kerajaan tempatan, memberi kontrak kepada pihak swasta dan badan bukan kerajaan (NGO), *community participation* dan pemberian secara terus kepada penerima perkhidmatan.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Tuaran bangun, Yang Berhormat.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Ada yang berjaya dengan cemerlang, malah ada yang gagal.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi, Yang Berhormat.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Saya selesaikan sikit bab ini dahulu. Malah ada yang gagal. Kedua-dua kesan tersebut menunjukkan perlunya ditingkatkan accountability dalam tiga jenis interaksi yang terdapat dalam rangkaian sistem penyampaian iaitu antara penerima perkhidmatan dengan penyampai perkhidmatan, antara penerima perkhidmatan dengan pembuat dasar dan antara pembuat dasar dengan penyampai perkhidmatan.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: [*Masih berdiri*]

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Pada pandangan saya sesebuah [*Memandang ke arah Yang Berhormat bagi Tuaran*] Sabar dahulu Yang Berhormat bagi Tuaran. Sikit lagi.

Pada pandangan saya sesebuah sistem penyampaian gagal apabila berlaku empat situasi iaitu:

- (i) apabila dana yang diperuntukkan oleh kerajaan kepada kumpulan sasaran tidak sampai tetapi sebaliknya sampai kepada kumpulan yang lain;
- (ii) apabila dana yang diperuntukkan oleh kerajaan sampai kepada kumpulan sasaran tetapi jumlah yang sampai terlalu kecil;
- (iii) pendapatan para penyampai perkhidmatan terlalu kecil dan tidak memotivasikan mereka untuk bertugas dengan baik; dan
- (iv) kurangnya permintaan atau sambutan daripada bakal penerima perkhidmatan akibat kurangnya maklumat, akses dan mutu.

Oleh yang demikian, saya mencadangkan supaya kerajaan mengambil kira untuk mewujudkan kerangka baru sistem penyampaian perkhidmatan yang dapat memperkukuhkan hubungan dan interaksi antara penerima perkhidmatan rakyat terutamanya golongan miskin, penyampai perkhidmatan dan pembuat keputusan.

Dijemput Yang Berhormat bagi Tuaran, sahabat saya.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Pilah. Soal sistem penyampaian dalam negara kita ini adalah tonggak kepada perkhidmatan kerajaan kepada rakyat seperti yang diceritakan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Pilah tadi. Yang Berhormat juga menceritakan tentang beberapa peringkat Kerajaan Persekutuan, negeri dan kerajaan tempatan. Apa yang diceritakan oleh Yang Berhormat tadi itu barangkali kita boleh baca sikit-sikit dalam buku-buku pentadbiran awam, sebagai contoh.

Tetapi secara praktikalnya di Malaysia ini, apabila kita melihat perhubungan di antara Kerajaan Persekutuan dan negeri, terdapat banyak perkara yang harus kita lihat dan kita perbaiki. Sebagai contoh, apabila kita menyenaraikan projek-projek, kita ambil contoh sahaja Yang Berhormat, jalan luar bandar sudah cantik-cantik dibuat dikendalikan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Tetapi apabila sampai di peringkat negeri katakan di negeri Sabah, agensi yang berkenaan di situ mengatakan bahawa kami yang melaksanakan. Kerajaan Persekutuan bagi peruntukan kami yang melaksanakan. Lepas itu kerajaan negeri di peringkat daerah pula ada pula agensi-agensi atau jabatan yang berkenaan mengatakan kami yang memantau. Persoalan di sini ialah apabila Yang Berhormat mencadangkan bagaimana kita

menambahbaikkan sistem penyampaian ini adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa pihak kerajaan harus melihat pusat-pusat tanggungjawab dalam semua peringkat. Siapa yang boleh dipertanggungjawabkan sekiranya sesuatu projek itu tidak dapat dilaksanakan? Siapa yang harus dipertanggungjawabkan di peringkat Persekutuan, di peringkat negeri dan di peringkat daerah? Satu.

Yang kedua, apakah kita mahu mengambil kira dalam sistem penyampaian di negara ini. Katakan kalau Kerajaan Persekutuan dan Negeri Sembilan barangkali ia senang sikit, ia pakai Exco dari Perlis sampai ke Johor dia pakai Exco. Sementara di negeri Sabah dan Sarawak kita pakai sistem Kabinet, ada ia punya kementerian sendiri, tetapi andaianya ialah apabila ia dilaksanakan kita ini serupa. Akhirnya maka projek-projek seperti mana dalam Rancangan Malaysia Kelapan, projek di Sarawak beribu yang disenaraikan tetapi yang dilaksanakan hanya empat. Begitu juga di negeri Sabah. Jadi, dalam sistem penyampaian ini, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa pusat-pusat tanggungjawab ini harus dikenal pasti.

Saya ambil lagi satu contoh dalam pemberian Bantuan Orang Kurang Upaya, mengapa di negeri Sabah sebagai contoh sepanjang Rancangan Malaysia Kelapan, saya nampak khususnya tahun lepas satu pun tidak dapat. Di manakah letak masalahnya dalam sistem penyampaian, kenapa tidak sampai? Jadi, dalam soal sistem penyampaian ini, Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bersetuju, pertama tadi dalam pusat-pusat tanggungjawab. Akhirnya, sebagai contoh di akhir Rancangan Malaysia Kesembilan nanti, siapakah yang kita boleh dipertanggungjawabkan? Kenapa ini tidak boleh dilaksanakan? Terima kasih.

Datuk Haji Hassan bin Malek [Kuala Pilah]: Betul, Timbalan Tuan Yang di-Pertua, saya bersetujulah dengan pandangan tadi. Selain daripada kerangka-kerangka yang saya cadangkan tadi pihak yang benar-benar bertanggungjawab mesti kenal pastikan dan saya memang bersetujulah dengan pandangan itu dan saya akan jadikan sebahagian daripada ucapan saya. Terima kasih.

Kerangka yang saya maksudkan tadi adalah melibatkan empat aspek iaitu interaksi antara rakyat dengan membuat keputusan:

- (i) rakyat perlu diberikan ruang dan peluang yang lebih untuk bersuara;
- (ii) interaksi antara pembuat keputusan dengan penyampai perkhidmatan perlu ada persefahaman yang lebih kuat;

- (iii) interaksi antara penerima perkhidmatan dengan penyampai perkhidmatan perlu ada lebih banyak pilihan dan perlu penyertaan yang lebih tinggi;
- (iv) interaksi antara dana yang diperuntukkan dengan sistem penyampaian pada keseluruhannya yang perlu ada sifat tanggungjawab, pemantauan dan yang penting sekali disiplin yang sistematik dan berterusan.

Saya yakin dengan kerangka dan pemikiran yang segar serta cadangan daripada Yang Berhormat bagi Tuaran tadi semua langkah yang sedia ada dan yang bakal diambil dalam memperbaiki sistem penyampaian perkhidmatan akan membuahkan hasil yang ranum dan meninggalkan nikmat yang harum.

Tuan Yang di-Pertua, saya pergi kepada tajuk yang lain iaitu berkenaan dengan harga minyak. Mulai 28 Februari lalu kerajaan telah menguatkuasakan kenaikan harga runcit minyak petrol dan diesel sebanyak 30 sen seliter, serta harga runcit gas petroleum cecair sebanyak 30 sen sekilogram. Produk petroleum RON 97, RON 92, diesel dan LPG adalah tertakluk di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Akta Kemajuan Petroleum 1974. Kerajaan tidak menaikkan harga minyak sewenang-wenangnya malah hanya berpunca daripada kenaikan harga minyak di pasaran dunia. Kenaikan harga bahan bakar itu dilakukan bagi menangani kesan kenaikan harga minyak mentah di pasaran dunia maka kerajaan terpaksa menaikkan harga minyak atas faktor-faktor yang berada di luar kawalan kerajaan iaitu pasaran dunia. Ia bukan sahaja tidak dapat dikawal oleh Kerajaan Malaysia malah tidak dapat dikawal oleh mana-mana kerajaan sekalipun.

Memandangkan Kerajaan Barisan Nasional adalah pilihan kerajaan yang memahami persekitaran semasa dan pro aktif terhadap masalah rakyat maka Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berjanji bahawa harga minyak tidak akan dinaikkan lagi sepanjang tahun 2006. Biarkan harga minyak dinaikkan 30 sen seliter pada masa yang sama kerajaan masih memberikan subsidi. Kerajaan masih memberikan subsidi harga minyak yang tinggi kepada rakyat. Subsidi ini bertujuan untuk memastikan bahawa harga runcit, produk petroleum di negara ini berada di paras yang munasabah bagi mengurangkan beban rakyat.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Kuala Pilah, Pasir Puteh bangun.

Datuk Haji Hassan bin Malek [Kuala Pilah]: Bagi tahun 2005 yang lalu walaupun harga produk petroleum naik, kerajaan telah menanggung subsidi sebanyak RM7.41 bilion, manakala pengecualian cukai pula berjumlah RM7.85 bilion. Sementara itu bagi tempoh antara Januari hingga Februari tahun ini sahaja, kerajaan telah menanggung beban subsidi sebanyak RM1.19 bilion dan pengecualian cukai sebanyak RM1.44 bilion. Dengan keputusan kerana ini harga runcit baru di Semenanjung Malaysia bagi petrol premium RON 97 naik kepada RM1.92 seliter, manakala petrol RON 92 kepada RM1.88 seliter, diesel RM1.58 seliter dan LPG RM1.75 sekilogram. Tanpa subsidi dan pengecualian cukai daripada kerajaan, harga runcit petrol di Semenanjung bagi RON 97 bernilai RM2.46 seliter dan RON 92 pula RM2.37 seliter.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: [Bangun]

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Pasir Puteh bangun. Bagi Jalan?

Datuk Haji Hassan bin Malek [Kuala Pilah]: Sekejap.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Tertarik sikit minyak tadi.

Datuk Haji Hassan bin Malek [Kuala Pilah]: Diesel RM1.98 seliter dan LPG RM3.21 sekilogram. Demikianlah statistik yang dikemukakan untuk menjelaskan betapa peranan mengawal harga minyak runcit tempatan masih ditanggung oleh pihak kerajaan. Perlu ditegaskan di sini bahawa walaupun dengan kenaikan harga ini harganya masih rendah berbanding dengan harga di negara-negara lain. Pada bulan Januari 2006 harga minyak petrol, diesel dan LPG ini di Malaysia adalah yang kedua terendah di Asia Tenggara selepas Brunei.

Mungkin ada yang bertanya mengapa kerajaan tidak menanggung sepenuhnya beban kenaikan harga minyak memandangkan Malaysia adalah negara pengeluar minyak. Persoalannya ini tidak boleh dilihat secara *simplistic*. Banyak negara adalah pengeluar minyak termasuklah Indonesia dan Amerika Syarikat juga merupakan antara pengeluar minyak utama dunia. Realitinya harga runcit minyak di negara-negara tersebut lebih tinggi berbanding Malaysia. Mungkin ada orang menyanggah tidak boleh dibandingkan dengan Amerika Syarikat kerana ia mempunyai kos sara hidup yang lebih tinggi tetapi kos sara hidup di Amerika Syarikat

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak?

Datuk Haji Hassan bin Malek: Nanti dahulu. Saya selesaikan. Kos sara hidup di Amerika Syarikat tidaklah lebih tinggi daripada UK tetapi mengapa harga minyak di UK kira-kira satu pound pada Februari lalu jauh lebih tinggi daripada Amerika Syarikat. Mungkin ada yang menyanggah UK tidak mengeluarkan minyak. Sebenarnya hujah *simplistic* begini tidak berpijak di bumi nyata. Tidak dinafikan Malaysia memang pengeluar minyak tetapi terdapat perkara dan faktor lain yang membezakan harga minyak dari seluruh negara dengan sebuah negara yang lain.

Kerajaan Barisan Nasional bukanlah kerajaan yang secara *semberono* hendak menaikkan harga minyak. Harga minyak dinaikkan kerana terpaksa. Saya ulang kerana terpaksa kerana harga minyak mentah di dunia meningkat. Itulah sebenarnya, itulah sebabnya pihak kerajaan turut memperkenalkan sistem pemberian subsidi kepada 84% kenderaan yang menggunakan diesel.

Dalam sektor pengangkutan darat mereka terdiri dari pengusaha pengangkutan awam dan perkhidmatan barangan pengguna melalui *fleet card*. Dengan menggunakan *fleet card* mereka boleh membeli diesel yang diberikan subsidi dengan harga 15 sen lebih rendah daripada harga yang ditetapkan. Pada masa yang sama kita juga berhadapan dengan masalah penyelewengan jualan dan pasaran diesel. Di pasaran dalam negeri banyak pihak mengambil kesempatan termasuklah menjual diesel kepada sektor yang tidak mendapat subsidi sepenuhnya dan di seludup secara haram ke negara-negara jiran. Pengkhianat mereka ini. Dalam hal ini saya berharap pihak berkuasa akan meningkatkan pemantauan dan penguatkuasaan agar tidak menjejaskan jumlah bekalan yang mencukupi kini.

Secara kesimpulannya harga bahan petroleum bukanlah dinaikkan oleh kerajaan tetapi terpaksa dinaikkan akibat tekanan harga pasaran dunia yang berada di luar kawasan kerajaan. Kenaikan itu bertujuan bagi meringankan beban subsidi kerajaan yang semakin berat. Di samping itu, rakyat masih mendapat manfaat melalui penggunaan *fleet card*. Akhir sekali tindakan tegas perlu diambil ke atas penyeleweng-penyeleweng bekalan yang mencukupi di pasaran. Dalam menangani masalah ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri menggesa rakyat supaya berhemah berbelanja dan jangan membazir dalam menghadapi kenaikan harga minyak ini.

Rakyat bukan sahaja diminta untuk mengurangkan penggunaan minyak, malah turut dinasihatkan supaya mencuba cara hidup kepada amalan-amalan yang

mengurangkan aktiviti berasaskan bahan api. Ini termasuklah menggunakan kenderaan awam dan berhemah dalam penggunaan tenaga elektrik. Nasihat ini selaras dengan ajaran Islam. Islam Hadhari seperti yang dinyatakan di dalam Al-Quran, dan janganlah kamu membazir sesungguhnya orang membazir itu adalah saudara syaitan.

Oleh yang demikian, saya berpendapat bahawa Dewan yang mulia ini perlu memahami dan memberikan sokongan kerajaan dalam hal ini dan seterusnya membantu menjelaskan perkara sebenarnya kepada rakyat di samping membantu kerajaan dalam usaha-usaha untuk menangani kenaikan harga yang berterusan pada masa akan datang. Pasir Mas.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Pasir Putih.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Minta maaf.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Pilah, Tuan Yang di-Pertua. Saya cukup gembira sampai ke western dan memberi hal-hal minyak naik ni. Di terima rakyat dengan baik. Saya hendak tanya Kuala Pilah, apakah setuju kita ujud satu *enforcement* lebih ramai secara kelompok kerana saya tengok benda-benda tidak patut naik dia naik. Kesan daripada tiga puluh sen minyak naik, kita rasa sudah macam-macam naik sebanduk. Saya tidak kata naik sebanduk. Patutnya kita menyokong kerajaan ini "*Bercakap dalam Bahasa Arab*" nak membina ekonomi rakyat supaya senang, naik tiga puluh sen subsidi separuh, separuh lagi simpan untuk rakyat. Ini belum tanya soalan lagi. Jadi teh tarik tolong *check*, roti canai tolong *check*, *parking* kereta tolong *check*, hasil tanah tolong *check*, api tolong *check*, air tolong *check*...Ha..tu dia. Kalau naik tidak sewenang-wenang, getah naik RM3.60 sampai RM4.60 kita tidak naik sebanduk, bangga kerana getah naik. Menoreh empat hari sebulan lapan ratus. Tetapi kenapa kita tidak menyokong? Bagi saya, saya menyokong penuh, 30 sen naik kerana apa, air di Kelantan saya rasa tidak berat 40 sen naik tahun baru ini. 40 sen naik, minyak 30 sen, sekali ganda dalam kita punya bil. Saya tidak merasakan susah. Itu keperluan asas. [*Bercakap dalam Bahasa Arab*], cukuplah..tu. Setuju tidak kita wujudkan satu *enforcement* benar-benar kita boleh merobohkan penyeludup-penyeludup yang jual minyak-minyak ke seberang ini. Saya tidak kata seberang mana. Takut *sue* saya pula. Jadi kita nak ambil tindakan tegas. Kerana [*Bercakap dalam Bahasa Arab*] dia ada kaedah [*Bercakap dalam Bahasa Arab*] boleh Kerajaan ambil hukuman sama ada penjara, sama ada denda atau kedua-duanya sekali, beri tiga sebatan. Setuju tak?

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Setujulah Yang Berhormat Pasir Putih. Ada Ledang nak tambah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Orang Ledang, sila.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Pilah. Tadi Yang Berhormat Kuala Pilah panjang lebar tentang kesan kenaikan harga minyak, tentang keyakinan bahawa keadaan ini dapat di kawal dan Yang Berhormat Kuala Pilah meminta supaya setiap ahli dewan dapat memahami situasi yang sebenar.

Alhamdulillah saya yakin semua faham. Sedangkan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat bagi Kuala Pilah, apakah sebenarnya situasi itu akan menuntut rakyat termasuklah daripada Kuala Pilah tentang pertanyaan besar dalam bentuk rancangan ataupun dalam erti kata lain sebenarnya rancangan secara terperinci yang dituntut oleh rakyat terhadap tiga perkara.

Pertama, harga barangan benar-benar dapat dikawal daripada meningkat secara mendadak. Selain daripada penguatkuasaan dan sebagainya saya fikir mesti ada alternatif misalnya ada pilihan lain. Kaedah-kaedah tertentu bagaimana mengawal harga barang meningkat naik selain daripada penguatkuasaan. Misalnya mungkin orang tengah mengambil hak keuntungan lebih.

Kedua, tentang sistem pengangkutan awam. Kerana kita dapat menjimatkan 4.4 bilion tadi, saya fikir rakyat dan orang ramai ternanti-nanti apakah sebenarnya rancangan secara komprehensif daripada pihak Kerajaan ke atas peningkatan taraf pengangkutan awam. Terutamanya saya yakin rakyat akan menunggu dalam tempoh yang tidak beberapa lama dan apakah jawapan daripada rancangan tersebut? Misalnya mungkin rakyat di kawasan-kawasan, bandar-bandar yang tidak besar kerana perkara ini juga disebut, bukan sahaja di Kuala Lumpur, menantikan sistem pengangkutan bas yang lebih baik daripada sekarang. Walau pun namanya bas angkut-angkut. Daripada pengalaman kita, bas yang sedia ada memang dalam keadaan yang uzur. Kita ada pengerusi LPKP daripada Sarawak. Dia lebih faham. Begitu juga pengangkutan lain. Rakyat ternanti-nanti. Bukan dalam tempoh yang panjang tetapi dalam tempoh yang pendek. Selepas itu mungkin ada satu rancangan yang lain mengubah sistem dan sebagainya.

Ketiga rakyat juga menuntut daripada Kerajaan sebenarnya, apakah alternatif lain selain daripada hanya bergantung kepada penggunaan minyak semata. Apakah kita

perlu melabur dengan sebahagian daripada 4.4 bilion tadi untuk mencari sumber tenaga yang baru. Misalnya menghidupkan enjin kenderaan menggunakan air. Mesti ada alternatif lain. Ada R&D dan sebagainya. Kita ada bio diesel. Saya rasa bio-diesel bukanlah sesuatu yang membantu dalam jumlah yang banyak kerana bio diesel masih menggunakan diesel lagi. Diesel kena beli dan saya fikir perkara-perkara tersebut mesti dijelaskan oleh Kementerian, oleh Kerajaan supaya rakyat merasa yakin dan selesa dan rakyat tidak akan terasa terbeban dengan kenaikan harga minyak kerana mereka yakin mereka mendapat pulangan dengan sewajarnya. Terima kasih.

Datuk Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Tuan Yang di-Pertua saya ingat pokoknya di dalam perbincangan ini ialah soal kerjasama yang saya lihatlah lagi penting. Pemahaman, kerjasama dan penghayatan. Bahawa ini masalah kita. Kalau ada kerjasama, ada kefahaman di kalangan rakyat, insya-Allah kita dapat menempuhi cabaran-cabaran ini.

Jadi apa yang disentuh oleh Pasir Puteh soal penguatkuasaan, saya bersetuju. Kita bukan sahaja memerlukan penguatkuasaan yang dibayar oleh Kerajaan tapi juga kita memerlukan rakyat *volunteer*, sukarela datang mengadu kepada pihak Kerajaan kalau ada pihak-pihak yang menyeleweng, yang mengkhianati harga-harga yang dijual kepada tempat lain itu. Jadi dalam konteks ini, sebenarnya pada saya, kerjasama itu adalah sangat penting dan kefahaman kepada perkara yang pokok perkara yang sebenar itu dapat juga kita jadikan sebagai cara kita bertindak untuk mengatasi masalah yang kita hadapi sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya alhamdulillah saya nak sebutkan bahawa keadaan kita, kekukuhan Tembuk Besar China yang kita lihat pada hari ini adalah hasil daripada pengemaskinian, penaiktarafan dan pembaikan dari Maharaja ke Maharaja yang lain. Dengan kata lain, keadaan yang ada di Malaysia akan dan sedang mengalami proses yang pernah dialami oleh semua negara di dunia ini.

Tidak ada bayi yang lahir terus berjalan kerana mereka terpaksa bermula dengan bertatih. Tidak ada kereta yang boleh berjalan laju tanpa perlu berada di gear pertama. Dan saya berharap kita mengambil pengajaran daripada pendekatan-pendekatan tersebut. Saya sebutkan tadi "*Room does not build in a day*" kita kena berjalan, setingkat, setapak demi setapak. Ingin ditekan di sini, tiga perkara yang perlu diambil kira dalam memastikan kecemerlangan Malaysia yang berterusan adalah:

- (i) setiap warganegara perlulah mempunyai gambaran yang jelas tentang skop tanggungjawab masing-masing supaya tidak berlakunya pertindihan tanggungjawab ataupun wujudnya golongan yang tidak mempunyai tanggungjawab langsung;
- (ii) setiap entiti di negara ini mempunyai tugas dan tanggungjawab masing-masing dan hanya perlulah dilaksanakan berlandaskan peraturan, arahan dan tindakan yang boleh mendatangkan keuntungan bersama;
- (iii) setiap warganegara perlulah muhasabah diri dalam memastikan bahawa tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan telah dapat disempurnakan dengan sebaik-baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, ucapan saya ini adalah sebagai membawa Usul Menjunjung Kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Sesungguhnya, amalan menjunjung kasih ini amat penting sekali. Ia mengingatkan kita bahawa hidup bernegara di dalam sistem demokrasi yang mempunyai Raja Berperlembagaan ini ada peraturannya, ada susunannya dan ada adatnya. Kata perbilangan adat perpatih, “Alam nan beraja, luak nan berpenghulu, suku dan berlembaga, anak buah dengan buapak”.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baik, sekarang saya menjemput penyokong Yang Berhormat. Penyokong usul Yang Berhormat Kelana Jaya.

5.01 ptg.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera kepada semua. Terlebih dahulu, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana sudi memberi peluang kepada saya untuk menyokong usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Pilah iaitu Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa merasmikan mesyuarat Dewan Rakyat Pertama, Penggal Ketiga, Parlimen Kesebelas di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia amat bertuah sekali kerana sejak kemerdekaan, dasar-dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan telah berjaya menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi negara dan peningkatan kualiti hidup rakyat. Ini adalah

kerana berkat usaha gigih kerajaan dengan sokongan padu semua lapisan masyarakat. Biarpun, sejak akhir-akhir ini terdapat beberapa kebimbangan akibat ancaman kesihatan daripada beberapa jenis penyakit seperti *SARS, hand, foot, mouth disease, bird flu*, serta serangan keganasan ekstremis di negara-negara jiran.

Namun, negara kita terus stabil, menikmati suasana sosioekonomi yang aman dan damai. Tuan Yang di-Pertua,

*Bulan, bintang hendak dipanjat,
tali sabut siap dipintalkan,
saya datang membawa hajat,
hajat rakyat saya utuskan.*

Perkara mengenai integrasi nasional dan rakyat Malaysia. Isu-isu yang timbul seperti pertikaian tentang keturunan bangsa, penyiaran karikatur Nabi Muhammad s.a.w, dan sebagainya telah menimbulkan pertanyaan dan kebimbangan rakyat. Antara persoalan yang timbul ialah ke mana perginya ketertiban tahun 50-an dan awal 60-an, di mana integrasi antara kaum direnung dengan rasa *nostalgic*, sebagai lebih mesra, kerap dan rapat. Misalnya, dahulu penuntut-penuntut berlainan kaum dan agama, berkongsi satu bilik hostel. Sekarang fenomena ini sudah jarang berlaku.

Setelah sekian lama, rakyat kita bersama-sama memerdekakan Malaysia. Ada juga di kalangan kita yang masih lagi membuang masa, memperluaskan jurang perkauman dan bangsa. Integrasi antara kaum sepatutnya sudah jauh dipertingkatkan sekarang. Tetapi apabila kita melihat sekeliling, didapati integrasi antara kaum masih perlu dipertingkatkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kalimah-kalimah yang mengelirukan, syak wasangka dan hipokradi. Jika dibiarkan membelenggu tindakan dan fikiran kumpulan-kumpulan kaum. Ia boleh menjadi sebagai sel kanser dalam tubuh yang tidak diketahui bila masanya akan pecah dan membunuh.

Dalam keadaan krisis, hal ini dengan mudah boleh mencetuskan ketegangan kaum. Sekiranya ini berlaku, maka segala pembangunan yang dicapai dan dinikmati oleh tanah air kita ini akan musnah.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan, bahawa perpaduan tetap menjadi teras pembinaan masyarakat. Memang bukan mudah untuk menghapuskan konflik kaum dalam konteks Malaysia atas faktor-faktor yang sedia ada. Bagaimanapun, segala pertembungan dan konflik kepentingan kaum-kaum itu akan terus berada pada

tahap terkawal selagi setiap pihak dan individu tidak bersifat ekstrem terhadap pendapat dan perspektif masing-masing. Iaitu selagi mereka bersikap matang dan rasional di samping berfikiran terbuka, kritis dan analitikal.

Senario krisis sosial di negara-negara lain haruslah menjadi renungan yang boleh membantu pembentukan perspektif positif masyarakat kita terhadap corak dan masa depan hubungan kaum di negara kita. Kita sudah disediakan dengan sebuah masyarakat majmuk. Oleh itu, kita tidak ada pilihan lain melainkan membina kehidupan bernegara yang harmoni.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, pembangunan negara haruslah berpaksikan konsep pembangunan seimbang, iaitu pembangunan ekonomi yang diimbangi dengan pembangunan dan kemajuan sosial dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelektual supaya dapat mencapai matlamat utama pembangunan, iaitu kesejahteraan dalam masyarakat secara keseluruhannya.

Usaha perlu diambil untuk memperkuat faktor-faktor seperti kesejahteraan, keharmonian, persefahaman, perkongsian dan sebagainya yang mendorong anggota masyarakat untuk saling memahami, bekerjasama dan berkompromi demi mempertahankan kepentingan bersama dalam merealisasikan masyarakat yang maju dan mantap. Segala usaha perlu diambil untuk memperkuat sistem sokongan sosial yang sedia wujud iaitu sistem keluarga, komuniti, agama, pendidikan dan organisasi sosial.

Kerjasama di kalangan sektor awam dan sektor swasta serta sukarela perlu dipertingkatkan supaya wujud satu *synergy* tenaga dan sumber dalam masyarakat berasaskan konsep bahawa pembangunan sosial adalah tanggungjawab semua. Pencapaian sebuah negara harmoni yang sebenar, hendaklah berpaksi kepada semangat pewujudan perlembagaan yang asal. Pembinaan negara Malaysia berasaskan perlembagaan yang berpandukan cadangan *Reid Commission* merangkumi semua aspek hak asasi, kebebasan beragama, hak pendidikan, hak berkongsi dalam kemajuan negara dan mengambil bahagian dalam pembangunan ekonomi negara. Setiap warganegara ialah rakyat Malaysia, rakyat Malaysia mempunyai segala usaha sama yang telah diusahakan ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Kuala Terengganu.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: .. oleh pengasas-pengasas negara kita semasa memperjuangkan kemerdekaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kuala Terengganu, sila.

5.08 ptg.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih. Saya mohon sedikit penjelasan berhubung dengan beberapa perkara yang telah disebut tadi itu. Yakni dalam membina sistem sokongan, dalam membina sebuah masyarakat yang bersatu padu. Rasanya segala apa yang dibincangkan itu ialah terdapat dalam prinsip-prinsip dan Rukun Negara. Saya hendak sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat, sejauh manakah daripada amalan Rukun Negara ini benar-benar telah tercapai sejak ianya diperkenalkan hampir mencecah 37 tahun sehingga sekarang ini?

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Terengganu. Memang semangat rakyat Malaysia telah pun tersurat dan disirat di dalam Rukun Negara yang menjadi ideologi negara kita. Dan sejak kemerdekaan sehingga sekarang, kita boleh lihat bahawa adanya kemajuan sedikit dari segi memperkenalkan prinsip-prinsip Rukun Negara kepada generasi muda.

Tetapi apa yang perlu dilakukan ialah saya rasa Kementerian Pelajaran dan lain-lain kementerian yang bertanggungjawab perlu mempergiatkan lagi usaha untuk memperkenalkan semangat dan prinsip-prinsip yang tersurat di dalam Rukun Negara itu supaya setiap generasi muda akan datang dapat merasai dan menghayati segala perjuangan yang telah pun diusahakan oleh pengasas-pengasas negara kita.

Jika berjiran rumah di sisi

semua terjaga disalak anjing

jika hidup rakyat berintegrasi

negara teguh walau dibuli asing

dan saya rasa kalau kita dapat berdiri teguh bersama, maka segala cabaran yang dihadapi oleh negara kita dapat kita hadapi dengan adanya menghayati prinsip-prinsip yang tersurat dan tersirat di dalam Rukun Negara itu. Saya percaya dan yakin bahawa rakyat Malaysia menjamin satu landasan usaha sama dan perkongsian kuasa yang amanah, mesra, adil dan saksama seperti yang termaktub dalam wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan pengharapan rakyat terhadap Rancangan Malaysia Kesembilan. Rancangan Malaysia Kelapan telah pun...Okey Yang Berhormat Padang Terap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Okey Yang Berhormat Padang Terap.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Kelana Jaya. Berbalik kepada Rukun Negara, kita tahu bahawa Rukun Negara telah pun dicipta ataupun dikemukakan pada tahun 1970 setelah berlakunya tragedi 13 Mei kerana ada masalah perkauman, masalah tidak ada perpaduan kaum ketika itu dan setelah 35 tahun, kerajaan telah menghidupkan semula supaya rakyat menghayati Rukun Negara. Apakah pendapat Yang Berhormat, adakah masa kini masalah perpaduan sudah agak longgar ataupun masalah kurang lagi orang tidak memahami lima slogan yang telah pun diperkenalkan oleh Rukun Negara itu. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat setelah 35 tahun barulah kita menghidupkan kembali Rukun Negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Yang Berhormat Padang Terap. Saya masih ingat apabila Menteri Penerangan bercadang untuk melancarkan semula kempen Rukun Negara, beberapa akhbar tempatan telah pun membuat temu bual kepada penduduk ataupun rakyat jelata biasa dan jelas dari maklum balas bahawa ramai masih tidak tahu apakah prinsip-prinsip Rukun Negara. Ada yang tidak tahu kerana mereka tidak amalkan tidak baca lagi, terlupa pula apakah yang tersirat ataupun yang tersurat di dalam Rukun Negara itu. Maka saya rasa, itulah masalah kita kerana kalau kita tidak teruskan membuat kempen untuk menggalakkan orang ramai menghayati prinsip Rukun Negara ini maka rasa *sense of belonging*, *sense of togetherness* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, maka saya rasa kkuatirlah kita bahawa kerjasama dan keharmonian masyarakat itu mungkin tidak dapat dicapai.

Saya hendak beri contoh yang agak realistik. Dulu ada kawan-kawan beragama Islam datang ke rumah saya, tidak ada masalah dari segi makanan tetapi kebelakangan ini apabila ada rumah-rumah terbuka sekiranya *caterer* itu bukan orang Islam maka mereka hanya datang salam-salam sahaja dan pergi sahaja, tidak makan makanan yang disediakan kerana takut piring yang disediakan tidak bersih dan sebagainya. Saya rasa persefahaman-persefahaman antara agama, antara kaum dan dari segi budaya-budaya dan amalan-amalannya perlu dipertingkatkan antara kaum dan bangsa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Ketereh, hendak bagi jalan?

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Kelana Jaya sebelum tirai hari ini ditutup, saya ada satu pandangan yang mungkin boleh kita kongsi bersama. Daripada pemerhatian saya, saya tengok banyak pemimpin di negara ini yang lebih merupakan pemimpin suatu kaum. Tidakkah boleh kita tukar situasi ini apabila seseorang itu menjadi pemimpin kepada negara ini, berjawatan besar, dia tidak boleh lagi bercakap soal kaumnya sahaja. Dia mesti bercakap soal semua kaum. Dia mesti mewakili semua bangsa. Dia mewakili soal-soal nasional, melintasi batas-batas, sempadan-sempadan agama dan juga sempadan bangsa yang diwakili.

Kalau ini diamalkan daripada pimpinan atasan sehingga ke bawah, daripada parti besar ke parti kecil, daripada persatuan besar kepada persatuan kecil, saya yakin soal perpaduan nasional sudah tidak jadi permasalahan yang besar dan ini harus dicontohi oleh kita Ahli Parlimen sama ada ianya daripada PAS, daripada DAP daripada UMNO atau mana-mana parti yang ada dalam Dewan ini, bila kita bersuara suara kita harus mewakili suara nasional, suara bangsa Malaysia, suara negara Malaysia. Insya-Allah masalah ini tidak akan timbul. Saudara boleh bersetuju dengan saya? Terima kasih.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Yang Berhormat Ketereh, saya amat bersetuju dengan pandangan yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat. Sememangnya kerjasama di antara pemimpin-pemimpin tidak menjadi masalah. Apa yang penting adalah supaya mesej ini dapat disampaikan ke akar umbinya.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya teruskan pengharapan Rancangan Malaysia Kesembilan. Rancangan Malaysia Kelapan telah pun sampai ke penghujungnya dan Rancangan Malaysia Kesembilan akan dicadangkan tidak lama lagi. Yang di-Pertuan Agong bertitah bahawa Rancangan Malaysia Kesembilan hendaklah mengukuhkan lagi asas-asas ekonomi supaya pertumbuhan dapat dikekalkan dan kualiti hidup rakyat terus dipertingkatkan.

Saya berpendapat, untuk memastikan adanya kesinambungan dan peningkatan pembangunan, RMK 9 hendaklah berlandaskan agenda Malaysia yang kukuh untuk berkembang maju sebagai sebuah negara yang mampu berdaya saing secara global pada abad ke-21 ini. Penekanan harus diberi untuk meningkatkan kekayaan, ekonomi

bagi negara-negara tercinta ini tanpa mengira kaum, bangsa dan agama. Oleh itu, izinkan saya cadangkan agar langkah-langkah dan usaha-usaha yang berikut diambil sebagai langkah dalam Rancangan Malaysia Kesembilan:

- (i) menaikkan taraf pembentukan sumber insan yang berlandaskan ekonomi berilmu, meritokrasi perlu diamalkan dalam sistem pendidikan secara menyeluruh;
- (ii) suatu rancangan untuk menambah dan menggalakkan penyertaan rakyat bukan bumiputera untuk berkhidmat dalam sektor perkhidmatan awam. Kenaikan pangkat dan saranan untuk kenaikan gaji harus dinyatakan dengan jelas dan terbuka;
- (iii) menumpu kepada kekayaan baru dan menambahbaikkan pertumbuhan bidang ekonomi yang sedia ada;
- (iv) menjana lebih usaha pemulihan pasaran '*market reform*' yang akan membantu Malaysia menuju ke arah pasaran ekonomi yang lebih liberal;
- (v) membantu *Small Medium Enterprises* (SME), yang perlu untuk perkembangan dan penerokaan perniagaan di luar negara;
- (vi) membekalkan bantuan kewangan kepada yang miskin, kurang upaya dan warga tua dalam kes-kes kumpulan yang mengalami masalah kepincangan ekonomi, sumber-sumber pertolongan boleh disalurkan untuk pembinaan rakyat kapasiti dan
- (vii) pembelajaran sepanjang hayat, *life long learning* sepatutnya dijadikan satu tonggak utama dalam pembentukan sebuah negara yang progresif dan berdaya saing.

Tuan Yang di-Pertua, kesemua langkah-langkah saya cadangkan ini saya tidak akan pergi ke *detail*. Walau bagaimanapun saya harap cadangan-cadangan saya ini dapat diambil kira dan diteliti, ditimbang. Kalau diterima dan dilaksanakan, saya yakin gerabak pembangunan negara dapat bergerak dengan lancarnya di atas landasan menuju ke arah destinasiya iaitu stesen wawasan 2020.

Perkara mengenai peningkatan produktiviti bagi menyerap kesan negatif ekoran penarikan balik subsidi minyak. Tuan Yang di-Pertua, langkah kerajaan mengurangkan subsidi minyak telah dianggap menambahkan beban hidup rakyat. Walau bagaimanapun, jika dipandang dari sudut *sustainability of resources*, langkah ini perlu

diambil. Ini adalah selaras dengan wacana Malaysia untuk menjadi sebuah negara yang kompetitif secara global.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia tidak boleh berharap untuk menjadi negara yang *competitive* jika kita hanya mampu bereaksi kepada *global market forces*, dengan izin. Dalam masa yang sama mengenakan halangan pasaran atau *market restrictions* yang mengubahsuai atau *distort* pasaran ekonomi tempatan kerana mahu memenuhi keperluan tempatan. Sehubungan dengan ini subsidi dan kaedah harga kawalan sudah ketinggalan zaman dalam sebuah ekonomi yang dirancang atau apa yang disebut *manage economy*. Malaysia sedang bergerak ke arah sebuah pasaran bebas, secara langsung kerajaan juga wajar mengkaji semula pengurusan keseluruhan mekanisme harga atau *pricing mechanism*. Tidak dapat dinafikan, cara pengurusan mekanisme harga selama ini telah menyumbang kepada pembangunan negara kita. Akan tetapi ia mulai kehilangan keberkesanannya di dalam konteks ekonomi global. Disebabkan jurang perbezaan dalam *disposal income* rakyat yang ketara, maka subsidi tidak sesuai diterima pakai lagi sebagai satu dengan izin, *blanket assistants* kepada rakyat kini. Sebab *blanket assistants* ini mengakibatkan tumpuan bantuan ekonomi terpesong dari mereka yang benar-benar memerlukan kepada mereka berada dan kaya.

Tuan Yang di-Pertua, percambahan, efisiensi dan produktiviti amat penting untuk membanteras kesan dari pengurangan subsidi. Peningkatan produktiviti mesti menyerap kesan ekoran penarikan balik subsidi bagi mengelakkan peningkatan harga yang disebabkan oleh ketidakseimbangan dalam pasaran. Pengawalan harga juga telah dipraktikkan dalam ekonomi lama kerana ia tidak ada mekanisme yang dapat mengawal perubahan harga dengan penggunaan subsidi. Prinsip yang sama adalah penting sebagaimana subsidi pengawalan harga mesti diberikan ruang untuk penyesuaian ke dalam sistem ekonomi. Ini perlu untuk mengembalikan keseimbangan dalam harga keseluruhan di sesebuah ekonomi. Adalah sangat berbahaya jikalau pengawalan harga dimansuhkan tiba-tiba dan ini akan membebankan rakyat yang tidak ada kapasiti untuk membuat penyelarasan terhadap kejutan dalam sistem tersebut.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, peniaga-peniaga mesti dibenarkan untuk menyelaraskan harga barangan mereka secara *gradual* atau perlahan kerana dengan izin, *the squeezing effect* daripada pengurangan subsidi dan kehadiran harga terkawal akan mengakibatkan ketidakseimbangan harga dan ekonomi keseluruhannya. Ketidakseimbangan akibat daripada penarikan subsidi pada masa ini, masih belum

ditangani dengan berkesan kerana terdapat segolongan dengan izin, *culprit* yang *profiteering* dan tidak memberi keprihatinan beban pengguna ataupun rakyat jelata. Maka *culprit* inilah perlu kita tangani dengan ada penguatkuasaan yang lebih ketat pada mereka.

Sebagai contohnya kebelakangan dua, tiga hari ini saya telah ditelefon oleh pengundi-pengundi di kawasan saya, di mana terdapat pemandu-pemandu teksi dengan sewenang-wenangnya menaikkan harga tambang teksi di stesen LRT Kelana Jaya. Dan mereka beritahu saya dari stesen LRT Kelana Jaya pergi ke Kolej Damansara Utama dahulu kalau pakai meter hanya 4 ringgit jadi sekarang mereka hendak caj 15 ringgit. Ada yang beritahu bahawa teksi yang tunggu di situ minta tambahan 1 ringgit kerana ini mereka seolah-olah menunggu penumpang di stesen tersebut. Padahal yang sebenarnya apabila pengguna atau penumpang hendak telefon teksi, maka barulah teksi tersebut boleh mengenakan tambahan 1 ringgit kerana panggilan telefon tetapi sekarang mereka tunggu di stesen teksi pun kena caj tambahan 1 ringgit, inilah *culprit* yang saya rasa pihak penguat kuasa perlu mengambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus berhati-hati sebarang impak negatif akibat daripada ketidakseimbangan boleh membawa kesan riak, *the ripple effect* ke atas ekonomi dan pertumbuhan negatif dalam bidang yang lain. Ketidakseimbangan polisi harga akan secara tidak langsung menghasilkan perniagaan yang lebih monopolistik dan oligopolistik. Ini adalah kerana perniagaan yang besar menikmati kelebihan hasil dengan izin, *advantage* daripada *economy of scale* untuk menahan impak daripada penarikan subsidi.

Kesimpulannya Tuan Yang di-Pertua, penjimatan daripada penarikan balik subsidi mesti digunakan untuk membantu golongan miskin dan menaiktarafkan infrastruktur dengan menjana pertumbuhan baru. Sumber-sumber untuk kesejahteraan rakyat mesti dikendalikan dengan adanya *transparency* dan *accountability* seperti mana yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Pilah supaya rakyat terus yakin terhadap kerajaan yang jujur dan ikhlas ini. Dalam pada itu, kerajaan seharusnya fokus terhadap tenaga sumber manusia dan modal sebagai salah satu kunci untuk pengembangan produktiviti pada masa hadapan.

Pasaran bebas mesti dibenarkan untuk penentuan sumber-sumber yang paling cekap itu digunakan dalam ekonomi, ini selaras dengan perubahan pasaran liberal untuk menjana keberkesanan ekonomi. Kerajaan berperanan untuk mewujudkan satu

mekanisme ekonomi yang sesuai daripada hanya menumpu kepada keseimbangan harga kerana keseimbangan harga sepatutnya berdasarkan kepada pergerakan harga pasaran dan keseimbangan harga ini hanya merupakan pengurusan mikro ataupun *micro management*. Kepincangan dalam sesuatu pasaran bebas seharusnya ditangani melalui program khusus untuk pembasmian kemiskinan dan yang penting ialah kapasiti *building* dalam sumber tenaga manusia.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan kegunaan penjimatan subsidi minyak dan keyakinan rakyat. Kenaikan harga runcit sebanyak 30 sen bagi petrol dan diesel membolehkan kerajaan berjimat kira-kira RM4.4 bilion bagi tahun 2006. Jikalau penjimatan ini diserap untuk perbelanjaan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan bermakna negara dapat berjimat kira-kira lebih 20 bilion bagi lima tahun yang akan datang. Untuk meredakan orang ramai tentang kenaikan harga tersebut pihak kerajaan seharusnya melaburkan secara terperinci bagaimana penjimatan sebanyak RM4.4 bilion tersebut akan digunakan.

Kerajaan perlu meyakinkan masyarakat bahawa wang tersebut tidak akan disalurkan untuk projek-projek yang tidak mendatangkan manfaat dan saya mengalu-alukan kenyataan yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa penjimatan tersebut tidak akan digunakan untuk *bail out* mana-mana satu *Government Link Companies* pun. [Tepuk] Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Inilah keyakinan kepada rakyat.

Untuk mengukuhkan lagi pendirian bahawa pengurangan subsidi tersebut merupakan pemulangan secara tidak langsung kepada masyarakat, kerajaan juga perlu melaporkan ekoran pengurangan subsidi pada tahun-tahun lepas bagaimana penjimatan berbilion-bilion ringgit telah digunakan. Maklumat ini adalah mustahak untuk meyakinkan orang ramai bahawa keikhlasan dan inisiatif kerajaan ini sebenarnya mempunyai manfaat dan faedah jangka panjang kepada pembangunan negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat panjang lagikah?

Tuan Loh Seng Kok: Ya, Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Panjang lagi? Kalau panjang lagi boleh sambung esok?

Tuan Loh Seng Kok: Boleh, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat sidang Dewan yang mulia ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi esok.

Dewan ditangguhkan hingga jam 5.30 petang

PARLIMEN

MALAYSIA

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KESEBELAS
13 MAC 2006**

**TITAH SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG XII
TUANKU SYED SIRAJUDDIN PUTRA JAMALULLAIL**

Bismillaahir Rahmaanir Raheem

Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh,

Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Ahli-Ahli Dewan Negara dan Ahli-Ahli Dewan Rakyat sekalian.

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah kurnia dan izinNya dapat kita bersama-sama pada hari ini di Istiadat Pembukaan Penggal Ketiga, Parlimen Kesebelas.

2. Beta mengucapkan tahniah kepada Mamanda Perdana Menteri kerana berjaya memimpin Kerajaan Beta dalam menunaikan tanggungjawab yang diamanahkan demi kedaulatan, kesejahteraan dan kemakmuran negara. Dalam tempoh setahun yang lalu, walaupun melalui beberapa rintangan, rakyat terus mengecap pelbagai nikmat dan bersama menghayati kejayaan cemerlang.

3. Namun dalam kita berwaspada dan bersedia menghadapi sebarang kemungkinan, undang-undang tetap dikuatkuasakan secara berhati-hati, tegas tetapi adil. Kita juga mengambil langkah-langkah persediaan bagi menghadapi kemungkinan seperti bencana alam, misalnya menyediakan Sistem Amaran Awal terhadap bencana tsunami. Beta gembira kerana kadar jenayah pada keseluruhannya terkawal, hasil tindakan Polis Diraja Malaysia. Beta menghargai usaha-usaha yang dilakukan Polis Diraja Malaysia dalam penambahbaikan khidmat dan organisasi mereka seperti kempen "Saya Anti Rasuah". Sesungguhnya usaha-usaha tersebut telah meningkatkan tahap kecekapan, integriti dan profesionalisme mereka yang natijahnya membolehkan rakyat menikmati keamanan serta kedamaian.

4. Walaupun ada anasir-anasir yang mungkin mengancam keselamatan negara dari semasa ke semasa, Beta yakin Kerajaan Beta akan terus mengambil langkah-langkah mempertahankan keselamatan, baik secara dalaman, serantau mahupun di peringkat

antarabangsa. Program seperti *Pemerhatian Dari Langit* atau *Eyes in the Sky Initiative* dan penubuhan *Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia* dapat meningkatkan lagi tahap keselamatan di perairan *Selat Melaka* yang begitu penting kepada perdagangan dan maritim dunia. Penubuhan *Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia* sangat dialu-alukan dan mendapat sambutan baik dari masyarakat antarabangsa.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

5. Beta bersyukur kerana pelbagai sektor ekonomi negara terus berkembang sekalipun keadaan ekonomi dunia sederhana dan harga minyak antarabangsa meningkat. Kadar inflasi, walaupun naik sedikit, adalah terkawal dan guna tenaga penuh masih dicapai. Pengguna hendaklah bertindak bijak menangani kenaikan kadar inflasi supaya tidak membebankan mereka. Hasil lebihan dagangan yang terus meningkat sejak tahun 1997 menyumbang kepada peningkatan rizab antarabangsa negara. Pada masa yang sama kualiti hidup rakyat bertambah baik dengan adanya pelbagai khidmat di bidang kesihatan, pendidikan dan prasarana asas. Dengan kadar kemiskinan 5.7 peratus pada tahun 2004 jelaslah matlamat untuk mengurangkan sepenuhnya kadar kemiskinan tegar dijangka akan dapat dicapai dalam tempoh *Rancangan Malaysia Kesembilan*.

6. Beta puas hati dan bangga *Rancangan Malaysia Kelapan* telah berjaya dilaksanakan dengan pencapaian perbelanjaan sepenuhnya. Dengan pemantauan projek yang lebih rapi, faedah bagi kumpulan sasaran adalah lebih meluas.

7. Beta mengucapkan tahniah kerana pada mesyuarat ini *Rancangan Malaysia Kesembilan*, yang sesungguhnya ditunggu-tunggu oleh rakyat, akan dibentangkan oleh *Mamanda Perdana Menteri*. *Rancangan Malaysia Kesembilan* ini merupakan *Rancangan terperinci lima tahun pertama fasa 15 tahun kedua Wawasan 2020*. Beta pasti *Rancangan* ini akan menyediakan dasar dan strategi untuk mengukuhkan lagi asas-asas ekonomi supaya pertumbuhan dapat dikekalkan dan kualiti hidup rakyat terus dipertingkatkan. Ia juga akan memberi keutamaan kepada langkah-langkah untuk meningkatkan daya saing negara.

8. Untuk memperolehi pertumbuhan ekonomi yang tinggi dan mapan, peningkatan daya saing, produktiviti dan kecekapan amatlah penting. Justeru, sektor swasta perlu kembali sebagai peneraju pertumbuhan ekonomi dengan meningkatkan pelaburan teknologi terkini, sumber manusia dan penyelidikan selain menerokai bidang-bidang pertumbuhan baru bernilai tambah yang tinggi. Pasaran baru di luar dan dalam negara harus diterokai. Bagi perusahaan kecil dan sederhana, kemudahan yang disediakan hendaklah dimanfaatkan. Pada masa yang sama, Beta bangga dengan peranan *Malaysia* sebagai pusat pengeluaran produk halal.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

9. Beta bangga di atas kejayaan *Malaysia* menduduki tempat ketiga teratas selepas *India* dan *Republik Rakyat China* sebagai lokasi terbaik untuk perkhidmatan perkongsian dan penyumberan luar atau *outsourcing* seperti yang dilaporkan oleh sebuah firma antarabangsa. Satu lagi hasil kajian firma antarabangsa juga meletakkan *Malaysia* di tempat kedua terbaik bagi perkhidmatan perkongsian dan penyumberan luar untuk sektor tenaga. Ini menunjukkan usaha

Kerajaan Beta mempromosikan Malaysia sebagai lokasi bagi perkhidmatan ini terus mencapai kejayaan yang menggalakkan. Usaha ini harus diteruskan pada masa hadapan.

10. *Namun Beta agak bimbang kerana terdapat laporan-laporan antarabangsa lain yang meletakkan prestasi Malaysia di paras menurun. Petunjuk-petunjuk ini harus dipandang serius. Antara yang ditonjolkan dalam laporan-laporan ini ialah sistem penyampaian Kerajaan dalam konteks mengukuhkan kedudukan dan daya saing negara. Oleh itu segala kelemahan dan kekurangan yang wujud dalam sistem penyampaian Kerajaan hendaklah segera diperbaiki bagi memastikan ia sentiasa memenuhi kehendak rakyat.*

11. *Negara kita yang dikasihi telah jauh maju ke hadapan dalam pelbagai bidang. Namun demikian, untuk memantapkan lagi pembangunan yang dicapai selama ini, rakyat perlu meningkatkan keutuhan dan kewibawaan diri atau integriti. Kita berhasrat mewujudkan rakyat Malaysia yang bersih dan amanah, yang adil dan beretika, ramah mesra dan bersatu padu. Unsur-unsur ini adalah penting untuk meningkatkan jati diri, ketahanan dan perwatakan rakyat Malaysia agar membantu mencapai matlamat mewujudkan negara yang cemerlang, gemilang dan terbilang.*

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

12. *Tumpuan terhadap pemodenan dan penggunaan teknologi tinggi serta pengeluaran agromakanan yang bernilai tambah pada masa ini memerlukan usahawan dan pelabur yang gigih lagi bersemangat. Pendekatan seperti ini akan lebih menjayakan usaha kita dalam sektor pertanian. Selain pertanian yang gigih diusahakan, peranan dan sumbangan sektor komoditi kepada ekonomi negara akan terus diperkasakan. Sumber pertumbuhan baru seperti biodiesel dan ladang hutan, khususnya penanaman getah sedang dipergiatkan. Dengan cara ini industri perabot tempatan akan beroleh bekalan, sementara susu getah terus menyumbang kepada industri berasaskan lateks. Usaha-usaha ini akan menjana pendapatan eksport yang lebih besar.*

13. *Beta amat prihatin terhadap penyertaan dan agihan aset yang lebih seimbang di kalangan kumpulan-kumpulan etnik di negara ini. Penyertaan dan pemilikan Bumiputera dalam sektor-sektor utama harus ditingkatkan. Strategi dan tindakan berkaitan pemilikan aset produktif di bandar dan pembangunan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera perlu dipergiatkan supaya mampu bersaing di peringkat antarabangsa.*

14. *Beta memandang serius amalan perdagangan yang tidak beretika oleh golongan-golongan yang tidak bertanggungjawab. Sehubungan ini, Dasar Perdagangan Adil yang mencegah perniagaan anti-persaingan dan amalan perdagangan tidak adil seperti kartel, pakatan tender, pengambilan untung secara berlebihan serta amalan perdagangan, pengiklanan yang mengelirukan akan diperkenalkan. Dasar ini juga akan memberi manfaat kepada masyarakat peniaga dan pengguna melalui harga yang berpatutan serta barangan dan perkhidmatan yang bermutu.*

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

15. *Beta gembira dengan kemajuan yang dicapai dalam sektor pelancongan. Perolehan pendapatan pelancongan sekitar RM31 bilion dan bilangan pelancong melebihi 16 juta orang*

bagi tahun 2005 amatlah memberangsangkan. Namun usaha-usaha peningkatan perkhidmatan dan produk pelancongan harus ditingkatkan termasuklah bilangan pelancong tempatan.

16. *Negara kita dianugerahkan dengan kekayaan sumber budaya dan warisan yang unik khususnya budaya masyarakat berbilang kaum. Usaha memartabatkan warisan negara sedang dilaksanakan melalui Akta Warisan Kebangsaan yang baru dikuatkuasakan bagi memastikan warisan dan budaya kita terus kukuh terpelihara dalam menghadapi cabaran arus globalisasi. Program-program seni budaya yang berjalan pada masa ini sesungguhnya akan melahirkan rakyat yang celik-budaya. Beta berharap Kempen Budi Bahasa dan Nilai-nilai Murni Fasa Kedua akan beroleh sambutan yang lebih meluas, terutama dari sektor swasta.*

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

17. *Perlu ditegaskan betapa pentingnya keseimbangan ekologi bagi kehidupan yang seimbang. Budaya mencintai alam sekitar yang bersih, sihat dan selamat perlu berterusan. Beta menyeru semua rakyat agar bekerjasama menjadikan Malaysia sebuah negara yang selesa didiami demi kepentingan rakyat jelata dan generasi akan datang.*

18. *Di samping itu peranan sains dan teknologi sebagai teras ekonomi yang berasaskan ilmu pengetahuan telah menyumbang kepada pelaburan, peningkatan produktiviti pertanian di samping mengukuhkan produk industri pembuatan di pasaran dunia. Galakan keupayaan dan produktiviti saintis tempatan boleh dilaksanakan dengan melatih para graduan tempatan di samping mengambil khidmat pakar-pakar luar negara dalam bidang teknologi baru.*

19. *Tenaga kerja yang berdaya saing merupakan kepentingan negara yang mampu melahirkan suasana mesra-pelabur dan meningkatkan produktiviti. Kemahiran keusahawanan dan kemahiran sampingan akan mewujudkan pekerja mahir. Untuk ini Tabung Pembangunan Kemahiran menyediakan dana bagi membolehkan belia lepasan sekolah mendapat latihan kemahiran sebelum memasuki alam pekerjaan.*

20. *Kerajaan Beta akan memperkasa sekolah kebangsaan, merapatkan jurang pendidikan bandar dan luar bandar, memartabatkan kerjaya perguruan dan menambah baik sistem pendidikan agar bertaraf dunia. Sistem pembelajaran yang berasaskan teknologi maklumat dan komunikasi akan terus diutamakan. Hanya guru yang berkualiti, komited dan sedia berkorban sahaja akan menghasilkan murid yang berkualiti dan rakyat yang berguna. Justeru, latihan perguruan akan dipertingkatkan untuk melahirkan guru yang berkualiti dan profesional.*

21. *Mengenai pengajian tinggi pula, kurikulum pengajian di universiti hendaklah dipastikan supaya sentiasa relevan dengan keperluan ekonomi. Penekanan untuk mencapai perspektif global di kalangan tenaga akademik dan pelajar juga dilaksanakan melalui pertukaran kepakaran pensyarah dan pelajar dengan universiti-universiti terkemuka dunia. Beta berharap usaha-usaha ini akan melahirkan siswazah berkemahiran untuk bersaing di pasaran pekerjaan yang sekaligus menyumbang kepada peningkatan daya saing dan daya tahan negara. Di samping itu, nisbah bilangan pelajar ijazah tinggi akan ditingkatkan berbanding pelajar ijazah pertama. Institut penyelidikan Kerajaan dalam persekitaran universiti akan diwujudkan bagi menjalin kerjasama dan perkongsian dua hala yang lebih mantap.*

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

22. *Dalam bidang pengangkutan, Kerajaan Beta sedang menggalakkan syarikat-syarikat penerbangan asing menjadikan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur sebagai pusat penerbangan serantau. Pengoperasian bangunan terminal khas penerbangan tambang murah pada akhir bulan ini mampu menarik dan meningkatkan kedatangan pelancong asing ke negara ini.*

23. *Dalam bidang kesihatan, Beta bangga kerana adanya pelbagai prasarana, peralatan perubatan dan komunikasi canggih. Beberapa program yang meningkatkan kesihatan rakyat termasuk penyelidikan penyakit kanser akan menghasilkan rawatan terbaik dengan kos yang rendah. Sementara itu usaha-usaha membendung penyakit HIV-AIDS yang lebih mantap akan diteruskan.*

24. *Pada masa yang sama Beta dukacita kerana masalah penyalahgunaan dadah masih menular meskipun Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah anti-dadah. Perlu diingat, tanggjawab memerangi masalah dadah terletak pada segenap lapisan masyarakat.*

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

25. *Beta sedia maklum mengenai peningkatan bilangan penduduk bandar di seluruh negara. Semestinya permintaan penduduk bandar terhadap sistem penyampaian perkhidmatan akan menjadi lebih mencabar. Kerajaan tempatan perlulah lebih sensitif terhadap kepentingan pembangunan yang adil dan berkualiti. Sehubungan itu, Beta juga prihatin terhadap masalah kemiskinan di bandar. Tindakan harus setimpal dengan program bersepadu yang melibatkan Kerajaan dan badan-badan bukan Kerajaan. Program-program teras bagi membanteras kemiskinan, penyediaan perumahan, khidmat kesihatan, bantuan pendidikan, bantuan sosial dan pengangkutan hendaklah diperhebat.*

26. *Bagi penduduk luar bandar pula, Kerajaan Beta akan meneruskan pelbagai projek prasarana terutamanya di Sabah dan Sarawak serta kawasan-kawasan pedalaman dan penempatan Orang Asli. Program-program pembangunan insan seperti pendidikan sepanjang hayat, kepimpinan masyarakat luar bandar, pembasmian kemiskinan dan pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi akan diperhebatkan demi meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar. Dalam konteks inilah FELDA muncul sekali lagi ke arah mengukuhkan kemajuan di luar bandar ke tahap yang lebih tinggi. Pencapaian FELDA semenjak 50 tahun yang lalu sudah mampu memberi pengalaman untuk meningkatkan kehidupan warga FELDA ke tahap yang lebih produktif dan bermutu. Ini akhirnya akan menjadi model kemajuan kepada warga luar bandar keseluruhannya.*

27. *Bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat, prasarana telekomunikasi harus diberi perhatian khas. Masih terdapat kawasan-kawasan tertentu yang tiada liputan perkhidmatan telekomunikasi. Di sesetengah kawasan mutu perkhidmatan telekomunikasi adalah mendukacitakan. Ini menyulitkan rakyat untuk berhubung dan menjejaskan daya saing negara. Beta menyeru syarikat-syarikat telekomunikasi dan kerajaan-kerajaan negeri supaya bertindak segera mengatasi masalah ini secara bersepadu. Sementara itu dalam bidang penyiaran, media elektronik hendaklah menjadi saluran penting bagi penyampaian maklumat rasmi kepada rakyat. Media*

elektronik akan digunakan sepenuhnya ke arah membantu usaha-usaha memupuk semangat perpaduan dan budaya yang lebih kukuh di samping menyemai semangat patriotisme, terutamanya di kalangan remaja dan pelajar.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

28. Kerajaan Beta tidak melupai golongan daif dan yang kurang bernasib baik seperti kanak-kanak, ibu tunggal, individu kurang upaya, warga emas dan golongan yang terdedah kepada penganiayaan. Nasib mereka ini akan terus diperjuangkan. Beta menyeru agar masyarakat juga memainkan peranan untuk bersama-sama membela nasib golongan ini. Di samping itu bimbingan latihan untuk kaum wanita dan keluarga serta badan-badan bukan Kerajaan akan berterusan.

29. Beberapa gejala sosial, termasuk ajaran sesat, masih menimbulkan masalah. Ini harus ditangani secara berhemah dan berilmu agar ajaran sesat dapat dibendung. Sehubungan itu Beta mengalu-alukan langkah meningkatkan kelas agama dan fardhu ain yang tentunya akan memanfaatkan kanak-kanak beragama Islam di seluruh negara.

30. Beta juga yakin pendekatan Islam Hadhari yang dilaksanakan oleh Kerajaan Beta akan dapat melahirkan generasi yang berilmu, beradab dan cintakan kemajuan dan ketamadunan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

31. Beta sedar, terdapat 12 juta rakyat golongan muda di bawah umur 40 tahun di negara ini. Sebagai rakyat pelapis, mereka harus dihindari dari gejala negatif dan untuk ini pelbagai latihan dan bimbingan akan diberi termasuk yang wujud di bawah Majlis Kecergasan Kebangsaan. Penyertaan masyarakat dalam program Sukan Untuk Semua pula akan dipertingkatkan agar matlamat sukan sebagai gaya hidup melibatkan segenap lapisan masyarakat termasuk orang kurang upaya, warga emas, wanita dan kanak-kanak.

32. Sementara itu, Program Latihan Khidmat Negara telah menerima sokongan padu daripada peserta-peserta program dan para ibu bapa. Program tersebut ternyata dapat menambah ilmu pengetahuan, meningkatkan daya tahan diri dan daya pemikiran peserta. Namun, penambahbaikan perlu dibuat dari semasa ke semasa kepada modul program supaya memberi lebih penekanan kepada perpaduan kaum, penghayatan budaya, nilai-nilai sejagat dan pembangunan kerohanian yang utuh.

33. Usaha-usaha mengukuhkan perpaduan di kalangan rakyat hendaklah berterusan. Beta berharap Panel Penasihat Perpaduan Negara di peringkat Persekutuan dan Jawatankuasa Penasihat Perpaduan Negeri akan menjayakan program-program perpaduan yang menjurus ke arah pembentukan Bangsa Malaysia yang bersatu dan harmoni.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

34. Beta berbangga hubungan Malaysia dengan negara-negara sahabat sentiasa akrab. Ini dapat menjamin kerjasama yang padu dalam pelbagai bidang. Sebarang perselisihan antara negara-negara hendaklah diselesaikan dengan semangat persahabatan, dialog dan toleransi. Pendekatan-pendekatan yang diambil telah berjaya menjadikan Malaysia sebuah negara yang terus disegani dan dihormati di peringkat serantau dan arena antarabangsa. Kerajaan Beta akan

terus melaksanakan dasar luar yang bebas dan proaktif.

35. *Beta mengucapkan syabas kepada Mamanda Perdana Menteri kerana berjaya memimpin Pertubuhan Persidangan Islam, Pergerakan Negara-Negara Berkecuali dan ASEAN selaku Pengerusi walaupun menghadapi pelbagai cabaran. Sidang Kemuncak ASEAN Kesebelas, Sidang Kemuncak Asia Timur Pertama dan beberapa persidangan yang lain telah berjaya mengharumkan nama negara. Sidang-sidang Kemuncak ini bukan sahaja menonjolkan kepentingan negara, malah dapat membantu ASEAN terus maju mencapai matlamat membina Komuniti ASEAN menjelang tahun 2020. Di samping itu, kita bangga dengan pengiktirafan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ke atas usaha-usaha kemanusiaan MERCY Malaysia dalam membantu mangsa-mangsa bencana alam di seluruh dunia.*

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

36. *Beta berbangga dengan Perkhidmatan Awam yang sentiasa berusaha meningkatkan kecekapan dan keberkesanan perkhidmatannya. Anggota-anggota Perkhidmatan Awam, Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia hendaklah terus berpegang teguh kepada etika dan sentiasa memberi taat setia yang tidak berbelah-bahagi kepada Kerajaan dan negara. Kerajaan Beta juga akan terus memberi perhatian kepada kebajikan Anggota-anggota Perkhidmatan Awam dan Keselamatan. Beta merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Anggota Perkhidmatan Awam, Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia dalam dan luar negara di atas perkhidmatan cemerlang dan peranan yang dimainkan dalam pembangunan negara serta memelihara keselamatan dan kedaulatan negara.*

Akhirnya Beta menyeru Ahli-Ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat sekalian supaya meneruskan khidmat cemerlang dan tanggungjawab dengan penuh dedikasi, berhemah dan amanah demi kepentingan rakyat jelata.

*Wabillahi Taufik Walhidayah,
Wassalamu Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.*